

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN** (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) (No. 2) 2002 (Halaman 13)
Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002 (Halaman 46)
Rang Undang-undang Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2002 (Halaman 64)
Rang Undang-undang Peguam Bela (Sarawak) (Pindaan) 2002 (Halaman 71)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 35)

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

Akta Prosedur Kewangan 1957 (Pindaan 1972)
- Meminda Jadual Kedua (Halaman 80)

Akta Kastam 1967
(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2002
(ii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari
Negeri ASEAN) (Takrif Keutamaan Sama Rata)
(Pindaan) (No. 2) 2002
(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2002 Perintah
(iv) Kastam (Duti Anti Lambakan) 2002 (Halaman 83)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- ” Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- ” Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

Yang Berhormat	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- " Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- " Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- " Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- " Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- " Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- " Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- " Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- " Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- " Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- " Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- " Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- " Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- " Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- " Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- " Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- " Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- " Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- " Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
- " Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- " Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- " Dato' Shannon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)

Yang Berhormat	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.

- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof**JURUBAHASA SERENTAK**Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin**BENTARA MESYUARAT**Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 12 November 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan lapangan terbang yang akan dibina khas untuk tentera yang dicadangkan akan dibina di Kampung Selamat, Sitiawan, Perak. Bilakah lapangan terbang tersebut akan dibina dan adakah kementerian mempunyai cadangan bagi pembiayaannya ke tapak yang lain.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Angkatan Tentera Malaysia memang mempunyai perancangan untuk membangunkan lapangan terbang khusus untuk menampung keperluan Tentera Laut Diraja Malaysia. Walau bagaimanapun, lokasi lapangan terbang berkenaan masih dalam pertimbangan. Kementerian akan menyediakan peruntukan untuk melaksanakan projek ini dan dijangka dapat dimulakan pelaksanaan pada tahun 2003.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa kerja pembinaan lapangan terbang khasnya untuk TLDM di tapak Kampung Selamat, Sitiawan itu telah pun ditender berapa bulan yang lepas tetapi tawaran itu tidak dibuat, tidak ada kata-kata bahawa ada cadangan dan rancangan hendak memindahkan tapak itu ke satu tapak yang lain iaitu di Kesyu Estet dan sebagainya. Adakah benar dan bilakah kerajaan hendak melaksanakan projek itu kalau ia dipindahkan ke tapak yang baru?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lumut. Projek markas udara TLDM pada awalnya telah dicadangkan untuk dibina di Ladang Sungai Wang di Sitiawan Perak iaitu tanah milik Golden Hope Plantation Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, lokasi ini didapati tidak sesuai memandangkan kawasan berkenaan telah dirancang untuk dijadikan pusat *agro-city* oleh pihak Golden Hope Sdn. Bhd. Projek *agro-city* ini dimaklumkan telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan pihak Kerajaan Negeri Perak. Maka dengan itu kita berbincang dengan Golden Hope Plantation Sdn. Bhd. Untuk mengenal pasti kawasan yang agak bersesuaian untuk menggantikan tapak projek *agro-city* yang sudah pun diluluskan. Maka dengan itu pihak kementerian masih lagi di peringkat perundingan tentang lokasi dan kos projek ini. Apa Yang Berhormat mengatakan itu dan buat keputusan dan tidak buat keputusan tender pelbagai, kita masih dalam perundingan. Sebenarnya masih dalam perundingan untuk mengenal pasti tentang lokasi di mana sebenarnya bersesuaian untuk digunakan oleh TLDM.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Angkatan tentera ataupun pertahanan udara adalah sebahagian daripada pertahanan yang diperlukan oleh negara. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pertahanan, adakah tidak rancangan untuk membina lapangan terbang tentera di sebelah selatan, di sebelah Johor sebagai satu langkah keselamatan negara, di kawasan Batu Pahat umpamanya, Lapangan Terbang Tanjong Labuh itu boleh digunakan ataupun Lapangan Terbang Kluang. Saya rasa pertahanan udara ini harus dipertingkatkan lagi dan dilengkapi untuk pertahanan udara.

Saya dengar khabar, khabaran ini boleh dijadikan panduan oleh negara kita ataupun sebenarnya bagaimana. Saya dengar khabar ada negara jiran *highway*nya dijadikan sebagai pilihan kepada landasan kapal terbang. *Highway* itu merangkap - saya tidak hendak sebut negara yang berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagan jangan kacaulah. You mana tahu apa yang dalam kepala saya. *[Ketawa]* Saya bercakaplah. *Highway* dijadikan sebagai landasan. Saya tak tahulah ini soal keselamatan. Jadi, saya ingat hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tentang apa yang saya suarakan ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya memang faham tentang konsep Yang Berhormat Sri Gading tentang keadaan lokasi yang hadapan iaitu di selatan negara kita khususnya di Johor. Tetapi saya hendak beri keyakinan di sini dalam sistem pertahanan negara atau pendekatan kita agak menyeluruh daripada segi udara, daripada segi laut, daripada segi darat dan penempatan mereka adalah satu penempatan yang begitu baik sekali dan kita telah teliti secara mendalam. Contohnya, penempatan landasan-landasan di Butterworth, landasan di Perak, landasan di Pahang, landasan Lapangan Terbang Kuching, di Labuan dan beberapa tempat yang strategik adalah satu tempat yang boleh menampung daripada segi ruang udara untuk mempertahankan mana-mana kawasan di negara ini sama ada di utara, berhampiran dengan *border* negara kita Thailand ataupun di selatan. Kalau hendak membuat lapangan terbang yang dekat sedikit dengan sempadan negara jiran, tak praktikal sangat pasal *take-off point* nya ia ada *borderline* negara dia. Maka dengan itu, tidak sesuai sedikit daripada segi strategik *war*. Yang ada sekarang ini kalau pun keperluan, kita ada banyak tempat kita *launch* kita punya *aircraft* - daripada Kuching ada, daripada Butterworth ada, daripada Kuantan, Pahang ada, banyak tempat.

Kita faham masalah negara Yang Berhormat sebut oleh kerana masalah lokasi tanah yang begitu tidak mencukupi, maka dengan itu mereka terpaksa menggunakan. Kita juga mempunyai *runway* yang kita boleh dimanfaatkan kalau keadaan terdesak, kalau keadaan diperlukan. Maka dengan itu, kita yakin dengan penempatan pesawat-pesawat seperti *Hawk*, seperti *Super Hornet* yang kita akan beli daripada Amerika Syarikat dan *Sukhoi* daripada Russia. Ini akan menampung kekuatan negara kita daripada ruang udara. Dan kita yakin lokasi landasan yang ada di negara kita mencukupi untuk menampung. Memang pun ada rancangan pada masa ini dan masa akan datang untuk memperbanyakkan lagi landasan-landasan untuk memastikan supaya ruang udara kita dapat dipertingkatkan sistem pertahanan negara ini.

2. Dato' Mohd. Zain bin Omar [Balik Pulau] minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah kos terlibat dalam pemulihan pencemaran sungai seluruh negara tahap pencapaiannya. Peratusan jumlah sungai yang dikategorikan benar-benar bersih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di bawah program Pemulihan Pencemaran Sungai oleh Jabatan Parit dan Saliran lebih kurang RM14.24 juta telah dibelanjakan dalam tempoh 2002 untuk meningkatkan tahap kualiti air di lima batang sungai yang diberi tumpuan khas. Sekarang ini indeks kualiti air (IKA) bagi Sungai Klang, Wilayah Persekutuan, Selangor telah ditingkatkan 57 pada tahun 1997 kepada 83 dalam tahun 2000. Sedangkan dalam tempoh 1999 hingga 2000, IKA bagi seluruh negeri Kedah ditingkatkan daripada 21 ke 22, di Kita Perak daripada 63 ke 68, Juru Pulau Pinang - 46 ke 53, Sungai Melaka - 68 ke 72.

Dalam pada itu, daripada pengesanan tahap kualiti air di 120 batang sungai pada tahun 2000 oleh Jabatan Alam Sekitar, 34 atau 28.3% dikategorikan sebagai bersih. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi saya, pencemaran sungai ini senang sahaja, punca pencemaran ini adalah bahan buangan daripada luar yang mengalir ke sungai dan air sungai itu tidak statik, selalunya ia mengalir ke laut ataupun ke tempat lain. Masalahnya ialah punca pencemaran itu tidak dikurangkan ataupun tidak ada tindakan. Apakah sasaran kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini sama ada apakah ada peraturan baru ataupun memperkuat lagi tindakan undang-undang terhadap punca-punca pencemaran yang kita lihat tidak begitu berkesan pada hari ini yang menyebabkan sungai ini terus dicemarkan oleh punca-punca yang tidak bertanggungjawab ini.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat atas saranan yang begitu baik sekali untuk kita lakukan untuk kebersihan sungai, malahan Tuan Yang di-Pertua, di Sungai Klang kita ada *lock boom* ataupun *trash can* di mana pembuangan sampah begitu teruk sekali, malahan di tempat itu kita kutip lebih kurang empat tan sehari dan kita dapat macam-macam buangan dilemparkan ke sungai itu, malahan peti ais pun dilempar ke sungai juga, tilam juga dilemparkan ke sungai, itu semua dapat kita kutip dan kita buang. Perkara ini memanglah menjadi satu perkara yang amat malang sekali kerana ketinggian dari segi keinsafan ataupun daripada penduduk adalah begitu kurang sekali.

Walau bagaimanapun, kita sedang meningkatkan pemantauan sungai dan kita telah beri pelbagai cara untuk menangani perkara ini dan mungkin kita telah beri satu surat juga kita beri bahawa dari segi pihak Jabatan Alam Sekitar telah pun mengeluarkan arahan untuk membersihkan sungai-sungai ini.

Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*, kita akan cuba sebaik mungkin untuk memberi pengetahuan kepada umum bahawa sungai adalah satu pemberian Allah dan kita harus menjaganya dengan baik. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan sejauh manakah keberkesanan Kempen Cintai Sungai dan berapa batang sungai yang airnya telah tercemar, telah dapat dipulihkan dengan kerjasama daripada pihak Jabatan Pengaliran Saliran (JPS), Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan dan adakah Kementerian Pertanian akan berunding dengan jabatan yang berkenaan dalam menjaga kebersihan sungai supaya tubuhkan satu jabatan sungai khusus untuk menjaga keseluruhan sungai di negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, sungai adalah di bawah jagaan JPS dan dari segi perparitan dan bandar adalah dikeluarkan oleh agensi berkenaan. Kita telah melancarkan Cintai Sungai Kita bertahun-tahun dan sedikit sebanyak telah memberi pengetahuan ataupun memberi kesedaran kepada penduduk supaya menjaga kebersihan sungai dengan baik.

Saya telah katakan tadi iaitu kita telah meningkatkan lima batang sungai yang telah diberi IKA - indeks kebersihan air, iaitu Sungai Kedah telah pun ditingkatkan kebersihannya daripada 81 pada tahun 1999 kepada 82 pada tahun 2000, Sungai Klang daripada 47 tahun 1997 kepada 53 dalam tahun 2000 dan Sungai Kinta daripada 63 pada tahun 1999 kepada 68 pada tahun 2000, Sungai Juru daripada 46 pada tahun 1999 kepada 53 dalam tahun 2000 dan Sungai Melaka pada tahap 68 pada tahun 1999 kepada 72 pada tahun 2000.

Insya-Allah kita akan cuba sebanyak mungkin untuk menyelesaikan perkara ini.

3. **Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan, bagaimana pihak kementerian bercadang menggunakan sistem Rukun Tetangga untuk menggiatkan lagi program masyarakat antara kaum dalam negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara sedang memperkemas kini konsep Rukun Tetangga yang sedia ada kepada konsep Rukun Tetangga Alaf Baru atau Rukun Tetangga 21.

Konsep baru Rukun Tetangga ini lebih menekankan kepada konsep pembangunan komuniti. Konsep ini bertumpu kepada program pembangunan komuniti setempat mencakupi aspek pembangunan sosial, ekonomi dan politik.

Objektif konsep ini ialah untuk memperkemas dan memperkasakan komuniti dalam kawasan Rukun Tetangga. Rukun Tetangga akan dijadikan sebagai platform perdampingan sosial (*social outreach*) bagi merapatkan hubungan pemimpin dengan rakyat.

Di samping itu, hubungan dan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, badan-badan bukan kerajaan (NGO), agensi-agensi di peringkat antarabangsa juga diwujudkan ke arah perpaduan negara dan pembangunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan program pembangunan komuniti, kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara bercadang untuk membentuk majlis dan jawatankuasa di peringkat negara dan kebangsaan iaitu Majlis Penasihat Perpaduan dan Pembangunan Komuniti, Jawatankuasa Tindakan Perpaduan dan Pembangunan Komuniti, Jawatankuasa Tindakan Perpaduan dan Pembangunan Komuniti peringkat negeri, Jawatankuasa Tindakan Perpaduan dan Pembangunan Komuniti peringkat daerah. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan diberi tadi dan syabas kepada pihak kementerian kerana memperkenalkan beberapa program bagi mengeratkan lagi perhubungan komuniti antara kaum dalam Malaysia.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman saya di Subang yang meliputi lebih 600,000 penduduk, terdapat hanya lima kawasan yang aktif. Kelima-lima RT ini hanya dapat mempengaruhi lebih kurang 60,000 penduduk sahaja daripada iaitu lebih kurang 10% sahaja daripada jumlah penduduk di Subang.

Soalan saya, jika keadaan ini sama di kebanyakan kawasan-kawasan lain, apakah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk menarik minat kepada lebih ramai penduduk yang belum didedahkan kepada program-program RT seperti disebut tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada lebih kurang 2,270 RT di seluruh negara dan hampir 80% adalah yang aktif. Kementerian saya ada pegawai-pegawai penyelaras di setiap daerah supaya menentukan semua RT menjadi aktif demi kepentingan perpaduan rakyat di kawasan yang berkenaan. Jadi, dari semasa ke semasa, kementerian menjalankan pemantauan supaya semua RT aktif dalam negara kita.

Kementerian saya juga melalui Jabatan Perpaduan Negara membuka lebih banyak pusat-pusat RT, membina lebih banyak tempat riadah bagi RT. Masalah yang kementerian saya ataupun Jabatan Perpaduan Negara hadapi adalah berkaitan dengan tanah. Apabila kita dapat tanah di semua tempat yang perlu dewan-dewan untuk RT, kita boleh membina dewan-dewan ini demi kepentingan penduduk-penduduk kawasan itu di mana mereka boleh berkumpul untuk mengadakan aktiviti-aktiviti bagi kawasan itu.

Setakat ini kita ada seperti Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Usia Emas, Tunas Jiran di banyak tempat dan ianya semua aktif dan ramai dapat kebaikan daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh jawatankuasa-jawatankuasa RT. Dan kementerian saya berharap kita boleh buka lebih banyak RT di kawasan-kawasan yang perlu dan Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri juga boleh memainkan peranan yang penting untuk membantu RT-RT ini menjadi lebih aktif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, saya ingin mendapat penjelasan sedikit, kadang-kadang apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Subang tadi, memang ada kebenarannya, apabila tidak cukup RT ini, kita dapati ramai di kalangan NGO yang menubuhkan sendiri rukun-rukun tetangga atas kepentingan penempatan masing-masing.

Jadi, kadang-kadang kita lihat kalau di bawah kementerian mungkin pihak kementerian pada satu ketika dahulu telah memberi kebenaran bercuti satu hari kepada sesiapa yang terlibat dengan tugas rukun tetangga ini kemudian memberi peralatan yang secukupnya, *cover insurance* dan sebagainya.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, adakah pihak kementerian ingin menyeragamkan RT ini yang ditubuhkan oleh pihak persendirian atau NGO-NGO demi untuk keselamatan bersama dengan peralatan-peralatannya yang dibekalkan ataupun kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak kementerian, adakah dapat diseragamkan perkara ini?

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya apabila kita menubuhkan RT, ia adalah untuk keselamatan sahaja. Jadi, masa itu kita ada rondaan dan juga diberi cuti selepas rondaan, kemudian apabila keadaan di negara kita pulih dan keselamatan pun terjamin, maka kita telah menubuhkan sektor RT yang sentiasa melibatkan diri dengan aktiviti kejiiran.

Pada masa ini kita telah pun tukar kejiiran kepada pembangunan masyarakat. Maka kita lebih mementingkan pembangunan masyarakat. Jika RT-RT yang ada, ingin mengadakan rondaan mereka boleh demikian, tetapi ini dianggap sebagai rondaan sosial dan kementerian boleh memberi kebenaran untuk mengadakan rondaan sosial ini.

Masalahnya di sini kita tidak boleh memberi cuti, kalau dahulu kita beri cuti, kita dapati ada ramai yang aktif menjalankan rondaan tetapi ada juga segelintir yang tidak bertanggungjawab, mereka pergi ke pondok RT tidur dan besok dapat cuti juga, [Ketawa] Jadi ini menjadi satu masalah.

Jadi, rondaan sosial mereka boleh buat empat-empat jam, buat rondaan sosial, besok terus bekerja, dengan cara ini mereka lebih minat untuk mengupahkan orang sekuriti untuk menjalankan tugas di kawasan mereka dan RT pula menjalankan aktiviti pembangunan masyarakat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah tujuan penubuhan Pusat Serantau Amerika – Malaysia; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan Amerika Syarikat untuk menjalankan kegiatan perisikan dan memerangi umat Islam dengan alasan memerangi keganasan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan pusat serantau ini masih lagi di dalam peringkat perbincangan perancangan. Butir-butir lanjut mengenai pengendalian pusat serantau ini masih belum ditetapkan, walau bagaimanapun, adalah dijangka pusat ini akan memberi tumpuan kepada program latihan untuk meningkatkan keupayaan negara-negara di rantau ini untuk mencegah keganasan.

Kerajaan sentiasa berwaspada dan memantau tindakan-tindakan yang dipercayai yang boleh mengancamkan kedaulatan dan juga keselamatan negara. Pendirian Kerajaan Malaysia mengenai keganasan adalah amat jelas. Kerajaan Malaysia menentang semua bentuk keganasan, sama ada yang dilakukan oleh individu, kumpulan ataupun negara.

Kerajaan Malaysia akan sentiasa bekerjasama dengan semua negara dalam usaha menentang keganasan dan sehubungan dengan itu, adalah penting untuk rakyat negara ini bersatu dan menyokong usaha kerajaan dalam menangani semua bentuk keganasan. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa Malaysia aman sejak merdeka. Bush pernah selepas peristiwa 11 September mengatakannya bahawa *Crusade* telah bermula, dua, tiga hari kemudian beliau menarik balik perkataannya itu. Sekarang Malaysia diura-urakan akan menjadi pusat memerangi keganasan.

Apakah tawaran ini boleh menempa Malaysia ke arah merbahaya seperti apa yang pernah berlaku di Beirut di atas alasan untuk memerangi (keganasan Palestine) sehingga membawa Beirut menjadi perang saudara, perang antara proksi selama lebih 14 tahun dan hancur Lebanon itu.

Apakah Malaysia tidak berhati-hati dari segi menawarkan pusat kegiatan memerangi keganasan, sebenarnya mereka yang datang, kuasa-kuasa besar itu dan Timbalan Perdana Menteri telah menyebut bahawa Malaysia bersedia untuk menjadi tuan rumah untuk memerangi keganasan itu, lama kelamaan dia akan menjadi pusat *war of proxy* yang akan berlaku. Apakah Malaysia tidak berhati-hati dalam menawarkan tempat seperti ini. Minta sedikit penjelasan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, memang kita dalam persetujuan untuk berbincang menubuhkan pusat anti keganasan ini di rantau ini adalah untuk tujuan kita mempertingkatkan lagi upaya dan juga boleh dapat memberikan tempat untuk kita menukarkan cara dan maklumat dan juga latihan dan tidak akan sekali melibatkan ketenteraan ataupun menjadi pusat ketenteraan tetapi yang penting di sini ialah kita sentiasa mengambil kira kepentingan usaha Malaysia selama ini dalam mencegah keganasan dan juga kepentingan rantau ini.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya soalan tambahan. Di antara prinsip penubuhan negara ASEAN dahulu ialah antaranya bebas dan berkecuali daripada kuasa-kuasa besar dan pada masa itu kuasa besar termasuklah pengaruh China Komunis. Sebab itu, prinsip bebas dan berkecuali ini mendapat dukungan daripada kuasa-kuasa besar daripada Barat seperti Amerika Syarikat. Sekarang dengan penubuhan pusat ini, adakah tidak bermakna bahawa ASEAN ini tidak lagi mendukung prinsip bebas dan berkecuali yang menjadi impian negara-negara ASEAN semasa penubuhannya dahulu. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri .

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, usaha atau cadangan ini tidak sama sekali bercanggah dengan Konsep ZOPFAN yang telah ditubuhkan semasa kita menubuhkan ASEAN dalam tahun 1967. Ini sebenarnya adalah tidak saya katakan tidak ada melibatkan ketenteraan, ia cuma bekerjasama dalam maklumat dan sebagainya serta latihan-latihan dalam *expertise* usahanya dalam tindakan untuk mencegah keganasan atau *anti-terrorism activities*. Dan ini saya sekali menyatakan lagi bahawa usaha kita dalam kerjasama dengan semua negara, ini tidak ada *alignment* mana-mana

5. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah garis panduan kementerian dalam mempertimbangkan permohonan pertukaran murid-murid di antara sekolah dalam negeri serta apakah kriteria untuk permohonan tersebut diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, murid-murid yang ingin ke sekolah lain dalam negeri boleh mengemukakan permohonan melalui borang yang disediakan di sekolah-sekolah. Permohonan tersebut boleh diluluskan sekiranya terdapat kekosongan tempat di sekolah yang dipohon. Faktor lain yang diambil kira ialah alamat tempat tinggal ibu bapa atau penjaga murid. Selain daripada faktor mutlak iaitu faktor kekosongan tadi yang saya sebut yang dipohon, lain-lain faktor yang akan diambil kira dalam permohonan pertukaran murid di antara sekolah dalam negeri ialah:-

- (i) alamat ibu bapa penjaga sekarang;
- (ii) nama sekolah baru yang dipilih;
- (iii) sebab-sebab memohon pertukaran;
- (iv) tarikh pertukaran yang dikehendaki; dan
- (v) ulasan guru besar atau pengetua.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Ipoh Timur.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut.

Tuan Yang di-Pertua: Larut, *sorry*.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Masalah pertukaran murid-murid ini kadangkala berlaku kepada murid-murid yang tinggal di kawasan di mana sekolah itu berada yang terpaksa belajar di tempat yang lain. Kemudian masalah sama ada pihak kementerian boleh menimbang memberi sedikit ruang kepada wakil-wakil rakyat sama ada Ahli Parlimen ataupun ADUN jika berlakunya permohonan pertukaran murid-murid ini dapat diberi keutamaan.

Selain daripada tindakan kementerian berhubung dengan masalah anak-anak yang berlaku perceraian keluarga, apakah masalah masa depan pelajar-pelajar yang menghadapi masalah keluarga ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat Larut, sememangnya pihak kementerian menyedari masalah pertukaran dan saya sendiri menghadapi masalah yang berkenaan di mana banyak permohonan datang kepada saya untuk menukar sekolah. Jadi daripada situ, kita buat satu kesimpulan bahawa ramai yang hendak menukar sekolah terutama sekali pertamanya, apabila sekolah itu berada di tempat yang berhampiran dengan rumahnya, keduanya kerana kakak atau abang duduk di sekolah yang sama, jadi mereka hendak di sekolah yang sama.

Memang daripada segi masa buat pendaftaran itu, kita seboleh-bolehnya beri layanan terus kepada mereka yang buat permohonan itu tetapi ada sekolah-sekolah yang mana ramai orang memohon untuk menyertai sekolah itu. Ini yang menimbulkan sedikit masalah daripada segi yang saya sebut tadi, yang dimaksudkan dengan kekosongan. Terutama sekali masalah yang besar yang kita hadapi ialah sekolah jenis kebangsaan Cina, yang ini yang selalu menjadi masalah. Ramai yang bertumpu kepada sesebuah sekolah dan ini mengurangkan tempat untuk orang yang benar-benar memerlukan sekolah yang berhampiran dengan rumah mereka.

Mengenai dengan perkara Ahli Parlimen sama ada boleh buat *recommendation* atau tidak, itu juga saya rasa saya akan bawa balik kepada pihak kementerian supaya cadangan Yang Berhormat bagi Larut ini dapat kita ambil kira sekiranya dia beri *recommendation* dengan izin, bagi calon-calon yang hendak bertukar sekolah. Ini termasuk juga, kita selalu beri keutamaan kepada pegawai-pegawai kerajaan termasuk anggota keselamatan seperti polis dan juga tentera yang bertukar kerana mereka kerap bertukar tempat kerja.

Mengenai soalan yang ketiga yang berkaitan dengan perceraian. Memang kita dapati ada pemohon-pemohon yang mana sesudah bercerai, kadangkala anak itu hendak dibawa oleh ibu ke tempat yang mana ibu itu boleh jaga tetapi masalah yang akan timbul ialah kepastian perceraian mereka itu. Itu juga timbul masalah. Dalam kes-kes seperti ini, kita memang berhati-hati kerana ini akan menimbulkan juga masalah kepada keluarga. Ada kes-kes yang saya dapati di mana bapa mahu anak itu di sekolah di tempat yang bapa mahu, tetapi ada juga ibu yang mahu anaknya ditukar. Ini timbul masalah di mana pihak kementerian cuba menyelesaikan masalah itu. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebut kekosongan jikalau ada, dapat diluluskan. Inilah antara salah satu sebab selalunya permohonan ditolak kerana tiada kekosongan. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah kementerian menetapkan suatu piawaian di mana jumlah bilangan murid-murid di dalam se sebuah darjah itu – berapa orang jumlahnya. Ini adalah kerana sekiranya ia dikatakan 34 orang, apa bezanya sekiranya ditambah lagi seorang murid ke dalamnya menjadi 35. Sekian.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tadi juga saya telah pun menerangkan mengenai masalah yang banyak timbul ialah SJK(C). Ini merupakan masalah yang ada dan kita sedang menghadapinya serta kita sedang menyelesaikannya dengan sebaik-baiknya. Jadi saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Bagan kerana menimbulkan balik mengenai dengan angka bagi setiap kelas. Kalau seelok-eloknya kita kata ialah 30 hingga 35. Itu seelok-eloknya.

Yang paling tinggi sekali ialah 35, tetapi apa yang berlaku di setengah-setengah sekolah ialah di mana murid-murid itu melebihi daripada 40, malah ada beberapa sekolah jenis kebangsaan Cina yang saya pergi, ada murid-murid terpaksa duduk di hadapan yang menghadap papan hijau itu sendiri. Itu amat menyedihkan. Kita cuba sedaya upaya untuk mengurangkan angka di dalam sesebuah kelas itu, ini bermakna pula iaitu menambah bangunan. Ini juga kita ambil perhatian di mana sesetengah sekolah perlukan bangunan baru yang mana kita telah lakukan di beberapa kawasan.

Mengenai dengan piawaian tadi, saya rasa memang *ideal* dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita boleh letak *ceiling* tetapi soalnya ialah bagi sekolah-sekolah yang begitu popular, maksud saya dalam "Popular" seperti setengah-setengah

sekolah orang hendak tumpu sekolah itu sahaja. Sekolah yang ada berhampiran dia tidak ada, ini terdapat di Pulau Pinang. Saya tahu Yang Berhormat, di Pulau Pinang, ia cukup banyak. Jika sesebuah sekolah itu yang sudah ada nama, semua orang hendak hantar anak dia ke situ sahaja.

Jadi bagaimana kita hendak pecahkan masalah itu, malah kalau kita lihat beberapa surat khabar di mana beberapa jenis sekolah kebangsaan ini ada yang pergi tunggu sampai jam 5.00 pagi, 6.00 pagi untuk beratur mendaftar anak mereka ke darjah satu, ini juga kita sedang bagaimana hendak mencari jalan supaya memberi lebih keadilan kepada pihak-pihak yang memohon. Terima kasih.

6. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) sehingga September 2002, jumlah permit lori pelbagai jenis yang dikeluarkan kepada bumiputera dan bukan bumiputera dan sejauh mana masalah permit disewa kepada orang lain berlaku.
- (b) jumlah permit teksi yang dikeluarkan kepada setiap syarikat dan individu dan apakah langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan perkhidmatan teksi.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk permit lori kelas lesen barangan terdiri daripada dua jenis iaitu lesen pembawa 'A' bagi mengangkut barangan pihak lain dan lesen pembawa 'C' bagi mengangkut barangan sendiri. Sehingga bulan September 2002, jumlah lesen pembawa 'A' dan 'C' yang dikeluarkan kepada bumiputera dan bukan bumiputera adalah seperti berikut:-

Kelas Lesen	Bumiputera	Bukan Bumiputera
Pembawa 'A'	49,175	27,999
Pembawa 'C'	6,309	22,906
Jumlah	55,484	50,905

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sedar terdapat kegiatan lesen disewa kepada pihak lain. Buat masa ini LPKP tidak mempunyai data terperinci berhubung jumlah lesen yang terlibat. Pamantauan aktiviti ini sedang digerakkan dan tindakan akan diambil ke atas pemegang lesen yang boleh membawa kepada pembatalan lesen.

- (b) Pecahan jumlah lesen teksi yang telah dikeluarkan kepada syarikat dan individu berakhir pada 21 Mei 2001 di seluruh Semenanjung adalah seperti berikut:

Kelas Lesen (Semenanjung)	Teksi
Syarikat	10,608
Individu	7,222
Perkongsian	827
Jumlah	18,657

Langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan perkhidmatan teksi antara lain ialah:

- (a) mengadakan kursus dan seminar kepada pengusaha dan juga pemandu teksi dan bagi zon teksi, Lembah Klang, Johor Bharu dan pulau Pinang;
- (b) kita menambah pengeluaran lesen teksi di zon ini supaya permintaan dan tawaran dapat diseimbangkan mengikut nisbah iaitu setiap 200 penduduk, satu teksi – 200:1;
- (c) kita juga telah memperkenalkan warna kepada syarikat yang dipanggil warna korporat kepada pengusaha-pengusaha teksi yang berwibawa; dan
- (d) kita telah menambah bilangan teksi dan pengenalan warna korporat syarikat yang akan mewujudkan persaingan antara pengusaha dan pemandu. Persaingan ini akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan.

LPKP sering mengadakan perbincangan dan tindakan penguatkuasaan secara bersama dengan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan dengan tujuan untuk mendidik pemandu supaya mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikenakan ke atas lesen teksi. Kita juga menyediakan talian *hot-line* untuk menggalakkan orang ramai membuat maklum balas dan aduan kepada kita.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah peniaga perlu menyewa permit lori ini telah lama wujud. Adakah kementerian pernah mengkaji mengapa mereka perlu menyewa permit orang lain. Adakah mereka tidak minat untuk memohon permit sendiri ataupun kerana mereka susah untuk mendapat permit ini kerana selalunya ialah orang bukan bumiputera yang menyewa permit yang dikeluarkan kepada bumiputera. Adakah di sini ada apa-apa ketidakseimbangan dan sama ada unsur ini akan menjejaskan persaingan apabila AFTA dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, angkut barang sendiri ini bermakna lesen pembawa 'C' dan saya sebut sebentar tadi, untuk Lesen 'C' ini, bumiputera 6,309 lesen dikeluarkan. Yang bukan bumiputera 22,906 bermakna ada permohonan daripada syarikat untuk mengangkut barang dia, kita layan. Sebab itu 22,906 berbanding dengan bumiputera hanya 6,309.

Jadi tidak ada sebenarnya agenda kita hendak tahan dia daripada berniaga, tidak ada. Kalau dia betul-betul berniaga, dia mengangkut barang dia, kita bagi. Sebab itu 22,000 untuk bukan bumiputera. Tidak semua kita kena bagi mereka angkut barang sendiri sebab kita merujuk juga pembangunan membangunkan usahawan. Kalau semua syarikat diberi lesen untuk angkut barang sendiri, macam mana kita hendak mewujudkan usahawan.

Kita bertanggungjawab juga untuk mewujudkan usahawan di kalangan bumiputera. Sebab itu kita wujudkan lesen 'A' kerana Lesen 'A' inilah untuk membantu bumiputera kita bagi 49,175 permit 'A'. Itu pun kepada bukan bumiputera ada 27,000. Jadi tidaklah satu jumlah yang ekstrem. Kita adil dalam pemberian ini dan saya rasa kalau Yang Berhormat ada apa kompelin, khusus kepada berkenaan boleh dirujukkan terus kepada saya. Kita akan cuba seboleh-bolehnya untuk melakukan adil dalam hal ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabaakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin tahu sedikit daripada Yang Berhormat Menteri sejauh mana permit teksi diberikan kepada kaum wanita sebab di kawasan saya ada kaum wanita tanya, boleh atau tidak dia memohon teksi. Jadi saya hendak cadangkan, kalau ada, okey. Kalau belum, boleh tidak kementerian mengkuota sedikit kepada kaum wanita sebab ada kaum wanita ibu tunggal atau yang menanggung anak.

Jadi mereka ini juga boleh mohon. Jadi kalau saya tidak tahulah sejauh mana kementerian boleh memberikan kuota kepada kaum wanita yang ingin memohon teksi di tempat-tempat yang tertentu. Kalau dapat Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan sedikit. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau yang prihatin terhadap ibu tunggal ini. Memang di bawah kementerian saya, kita menggalakkan supaya bukan sahaja pengusaha dan juga pemandu teksi terdiri daripada kaum wanita khususnya ibu tunggal. Kalau tidak ibu tunggal tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Sebab nanti kalau dia bergaduh dengan suaminya, dia mempersalahkan saya. Jadi ibu tunggal ini dia bebas dan apa-apa pun boleh kompelin kepada Yang Berhormat Tebrau.

Jadi, memang kita ada skim *window for* ibu tunggal untuk membolehkan mereka bukan sahaja menjadi pengusaha tetapi pemandu juga dan ada sebenarnya pengusaha-pengusaha yang terdiri daripada golongan wanita yang berjaya.

7. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat Oktober, 2002 ini berapa banyak projek perumahan yang terbengkalai serta tindakan kepada pemaju yang gagal menyiapkan projek perumahan berkenaan dan berapa banyak pula projek perumahan yang gagal dijual dan sejauh manakah langkah-langkah yang diambil bagi memenuhi keperluan perumahan negara pada tahun 2010.

Timbalan Menteri Perumahan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan projek perumahan yang telah dikenal pasti terbengkalai sehingga bulan Oktober 2002 adalah sebanyak 95 projek. Di antara langkah-langkah yang diselaraskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap pemaju perumahan yang projeknya terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan perundingan dengan pihak pemaju, pembeli dan agensi teknikal yang terlibat serta bank pembiaya bagi mencari langkah penyelesaian ke arah pemulihan projek,
- (ii) memberikan khidmat nasihat dan garis panduan ke atas pemaju yang ingin mengambil alih projek,
- (iii) bekerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad bagi mengenal pasti dan membuat kajian ke atas projek-projek yang bermasalah. Kementerian memperakukan senarai projek perumahan swasta terbengkalai yang akan dipulihkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad,
- (iv) meminda Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan Tahun 1966 dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya dengan memperuntukkan penalti yang lebih tinggi.

Pindaan ini diharap akan menjamin hak dan kepentingan pembeli lebih terpelihara di mana hanya pemaju yang berwibawa diberikan lesen pemaju perumahan. Mengenai kedudukan rumah-rumah yang gagal dijual oleh pemaju, bilangannya adalah sebanyak 43,541 unit daripada 193,866 unit yang ditawarkan oleh pemaju-pemaju untuk dijual.

Perangkaan ini meliputi seluruh negara mengikut laporan harta tanah yang tidak terjual yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC). Di antara langkah yang dijalankan oleh kementerian bagi memenuhi keperluan perumahan negara pada tahun 2010 ialah akan memantapkan dasar dan strategi pembangunan perumahan di bawah RMK-9 yang mengambil kira keperluan sasaran, kualiti, kemampuan, penyelesaian dan sebagainya.

Di samping itu, bagi memenuhi dasar dan strategi yang sedia ada, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus memantau dan menyelaraskan program-program di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa walaupun daripada segi

projek terbengkalai bilangannya tidak begitu banyak tetapi bilangan yang menanggung beban iaitu pembeli begitu ramai yang tertekan akibat daripada rumah projek yang terbengkalai ini. Apa yang saya ingin bertanya sama ada kementerian mempunyai cadangan untuk memastikan supaya pemaju menjual rumah-rumah yang telah siap dahulu supaya masalah-masalah ini diatasi. Ataupun mungkin kita boleh memakai cara sesetengah negara yang mana mengenakan bayaran 10% semasa rumah dalam pembinaan dan bakinya dibayar apabila rumah telah siap. Adakah perancangan seperti ini hendak dilaksanakan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Memang cadangan Yang Berhormat itu adalah langkah-langkah yang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan untuk memantapkan lagi proses penjualan daripada unit-unit rumah yang dibina di seluruh negara sekarang. Walau bagaimanapun, proses untuk mempertimbangkan cara-cara lain selain daripada cara yang digunakan sekarang masih diteruskan tetapi sama ada kita boleh menggunakan dua cara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ini kita akan cari persetujuan daripada semua pihak yang berkenaan dalam industri pembinaan ini kerana kita tahu kalau kita menggunakan cara yang menyiapkan unit-unit rumah sebelum ia dijual maka ini akan melambatkan lagi proses *delivery* atau proses menyiapkan dan penghantaran kepada pembeli, ia juga akan melibatkan kos tanggungan oleh pihak pemaju.

Cara kedua itu, iaitu membayar 10% dahulu yang sekarang proses ini diguna pakai di Australia. Proses ini kita boleh dipertimbangkan tetapi seperti apa yang saya sebut tadi iaitu kita kenalah memastikan sama ada kita boleh mencapai tahap sasaran yang kita sebut iaitu saya sebut tadi dalam jawapan asal saya, ini adalah amat penting jikalau pemprosesan rumah atau pembinaan rumah ini tidak cukup pantas atau tidak cukup untuk memenuhi keperluan daripada permintaan rakyat maka ini akan juga melibatkan kos yang akan naik lagi. Sebab buat masa sekarang kita masih menggunakan satu had kos kepada unit-unit rumah kos rendah dan sebagainya. Kita perlulah menggunakan bijaksana yang lebih untuk membuat sesuatu keputusan.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa seorang Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang kini mempunyai gelaran Dato' dan juga JP telah menggunakan satu projek Malaysia *China Light Industry City* di Melaka dalam tahun 1997 dan bagi projek perumahan.

Beliau telah memungut sebanyak RM21 juta daripada 200 pembeli dan bagi projek komersial, beliau telah memungut sebanyak RM18 juta daripada 300 pembeli dan orang ini sekarang masih di Melaka menipu beberapa pihak termasuk pembeli, bank termasuk Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka yang duduk sana yang telah menyaksikan *Loan Signing Agreement* beliau. Orang ini telah menggunakan lesen pemaju palsu. Saya telah membawa perkara ini dan membuat laporan polis semalam.

Masalah dia ialah bagi projek perumahan, memang ada undang-undang untuk menjaga kepentingan pembeli dan saya telah membuat laporan. Saya bawa mereka tetapi bagi projek komersial, kita telah merdeka 45 tahun, langsung tidak ada kesanggupan, kesediaan kerajaan untuk mengadakan undang-undang untuk mengawal pemaju-pemaju yang menyebabkan projek terbengkalai.

Jadi saya hendak tahu walaupun wanita banyak kali tanya tetapi tidak mendapat jawapan yang memuaskan. Bagi saya, satu sebab mengapa kerajaan enggan mengadakan undang-undang untuk menjaga kepentingan yang membeli projek komersial ini. Adakah ini berkaitan dengan yang pernah diaktakan oleh Presiden MCA (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik) bahawa *Developers are the largest financial contributors to MCA*.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Mengenai masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu satu pemaju perumahan yang menggunakan lesen palsu itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini memang sedang disiasat oleh kementerian. Jikalau perkara ini memang benar, pemaju ini dan pengarahnya akan disabitkan ke mahkamah mengikut undang-undang yang sedia ada. Sama ada lesen ini adalah palsu, kia masih menyiasat.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada terbaca dalam *news paper* juga mengenai kes ini. Kes ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa yang sedia ada iaitu Jawatankuasa Pemantauan. Kita akan berbincang mengenai perkara ini tetapi siasatan memang sekarang sudah dijalankan.

Mengenai projek perlindungan, projek komersial atau unit-unit komersial dijual di pasaran, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Akta Pemajuan Perumahan 1966 dan pindaannya tidak meliputi projek komersial. Ini sebab kita berbincang dengan beberapa banyak pihak iaitu terutama pihak-pihak kerajaan iaitu kementerian-kementerian yang lain untuk mencari jalan yang lebih sesuai daripada apa yang dipraktikkan sekarang iaitu secara jualan bebas di pasaran tidak ada undang-undang yang diguna pakai sekarang.

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah sebahagian dalam perbincangan kementerian dan kita akan terus berbincang dengan kementerian yang lain sama ada perkara ini boleh dimasukkan dalam undang-undang yang sedia ada, yang diguna pakai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau satu akta baru digubal untuk diguna pakai untuk pengawasan projek-projek komersial ini. Sekian.

8. **Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]** minta Menteri Kewangan menyatakan justifikasi hutang-hutang PLUS dilupuskan oleh kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Sila senaraikan agensi dan badan-badan kerajaan yang terlibat dalam pelupusan hutang PLUS dan berapa jumlahnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat penyusunan semula hutang PLUS perlu dilakukan bagi membolehkannya disenaraikan di papan utama saham Kuala Lumpur atau BSKL. Selepas penyusunan semula kewangan pada 31 Mei 2002 dan penyenaraianya di BSKL melalui Syarikat PLUS Expressway Berhad pada 17 Julai 2002 yang lalu, kedudukan kewangan Syarikat PLUS berada di tahap yang stabil.

Sebelum penyusunan semula PLUS, PLUS mempunyai hutang sebanyak RM16.5 bilion dan hutang tersebut dijangka meningkat kepada RM20.0 bilion pada tahun 2005 sekiranya tiada sebarang tindakan dibuat. Tindakan penyusunan semula ini berjaya mengurangkan keberhutangan PLUS ke tahap yang boleh dikendalikan iaitu dari RM16.5 bilion sebelum penyusunan semula kepada hanya RM7.15 bilion selepas penyusunan semula.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula ini tidak melibatkan hutang PLUS dilupuskan oleh kerajaan dan agensi kerajaan tetapi melibatkan PLUS dan institusi kewangan dan pemegang-pemegang asal bon-bon serta UEM dan Renong. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah perkara berikut;

- (i) penerbitan Sekuriti Islam *Bai-Bitamin Ajil* (BAITs) berjumlah RM1.5 bilion;
- (ii) penyelesaian hutang antara syarikat sebanyak RM3.6 bilion; dan
- (iii) penukaran bagi bon PLUS dan bon RCB atau dengan izin, *Redeemable Convertible Bond* kepada ekuiti PLUS bernilai RM4.2 bilion. Perolehan penyenaraian turut digunakan mengurangkan hutang PLUS. Dengan penyusunan ini kedudukan kewangan PLUS telah menjadi lebih stabil dan tiada keperluan supaya kerajaan untuk melupuskan hutang ataupun mengambil alih syarikat tersebut.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya hendak tanya bahawa sekarang ini Kumpulan Renong sudah menjadi milik kerajaan setelah diambil alih oleh agensi-agensi kerajaan dan sebagainya. Setelah diambil oleh kerajaan, adakah kerajaan membuat satu penyiasatan yang menyeluruh bagaimana syarikat memberi segala kemudahan seperti PLUS dan sebagainya, ini mengalami kerugian yang begitu teruk dan apa langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa PLUS yang di bawah kerajaan sekarang ini berupaya menjadi syarikat yang maju dan tidak mengalami permasalahan yang telah dialami sebelumnya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat yang pertama iaitu penyelidikan [Disampuk] Setelah diambil alih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Setelah diambil alih adakah penyiataan dibuat terhadap segala penyelewengan yang menyebabkan kerugian yang begitu besar.

Tuan Hashim bin Ismail: Soalan Yang Berhormat yang pertama itu tentang kerugian yang dialami oleh PLUS sama ada, ada penyelewengan ataupun tidak. Saya ingin sebut bahawa kerugian yang dialami oleh PLUS bukan disebabkan oleh penyelewengan dan sebagainya tetapi saya ingin maklumkan bahawa akibat dari kegawatan ekonomi maka *volume* trafik turun begitu rendah, dan yang kedua penampungan kos penyelenggaraan yang tinggi, dan yang ketiga pengurusan lebuhraya untuk memastikan keselesaan operasi kepada orang ramai dan juga penyelenggaraan kadar faedah pinjaman yang tinggi, maka itu punca-punca mengapa PLUS mengalami kerugian. Lanya bukan disebabkan penyelewengan, maka kerana itu tidak perlu pihak kerajaan untuk mengadakan sebarang siasatan dalam konteks penyelewengan, tetapi dari segi kerugian yang dialami oleh sebab-sebab yang saya sebut tadi maka kita akan cuba mengatasi masalah tersebut, iaitu tadi langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat ialah;

- (i) kita cuba bersihkan *balance sheet* PLUS melalui penstrukturan yang saya sebut tadi melalui BAITs iaitu *Bitamin Ajil* dan langkah-langkah yang seterusnya yang saya sebut tadi dan juga ini membolehkan PLUS disenaraikan di BSKL pada bulan Julai 2002 yang lalu dan apabila PLUS disenaraikan maka ini bererti bahawa PLUS telah menjadi salah satu daripada syarikat yang tersenarai dan pada 18 November yang akan datang. Yang Berhormat, PLUS akan dimasukkan ke dalam KLCE Indeks ataupun *blue chip* yang 100 *counter* yang menentukan Indeks KLCE dan juga PLUS sekarang ini telah menjadi semakin stabil. Dengan adanya penstrukturan semula ini dan *insya-Allah* dengan adanya penstrukturan yang bersifat *win-win situation* bagi semua pihak ini dan PLUS selepas daripada ini akan terus mengalami;
- (ii) kemerosotan bebanan kewangan; dan
- (iii) PLUS akan memberi fokus kepada industri lebuhraya sahaja dan dengan cara ini PLUS akan meraih keuntungan operasinya selepas penyusunan semula ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat untuk pertanyaan bagi jawapan lisan ya.

[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan selesai]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG EKSAIS (PINDAAN)(NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[11 November 2002]**

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat bagi Kepong menyambung ucapan

11.08 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] : Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sudah membangkitkan masalah pembayaran duti eksais dengan bantahan. Ada kes-kes di mana pihak yang membawa barang-barang masuk ke Malaysia dan kerana dianggapkan perlu membayar sesuatu amaun dan pihak yang membantahnya membayar tetapi di sini disebut ada 30 hari bagi pihak pegawai yang berkenaan untuk mengemukakan, merujuk apa persoalan mengenai penjenisan atau penilaian barang-barang kepada Ketua Pengarah untuk keputusan. Walaupun dihadkan tempoh 30 hari ini, ini tidak bermakna pihak pembantah akan mendapat wang balik kalau kesalahan dilakukan oleh pihak Kastam dan Eksais.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan bagaimana kita dapat berlaku adil kepada pengimport dari segi penjenisan dan penilaian ini. Saya juga mencadangkan supaya di dalam latihan kepada pegawai-pegawai iaitu masalah penjenisan dan penilaian perlu diubahsuaikan supaya mereka dapat memainkan peranan yang berkesan. Jangan menyusahkan pengimport.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya ada 15 minit lagi...apa masalahnya *[Disampuk]* Mengenai Fasal 62C bukti tentang duti timbal balas dan duti anti lambakan yang kena dibayar. Jika dalam mana-mana *proceeding* perlu dibuktikan amaun duti timbal balas atau duti anti lambakan yang kena dibayar, pengemukakan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan amaun duti yang kena dibayar itu hendaklah menjadi kuasa cukup bagi mahkamah untuk memberikan penghakiman bagi amaun itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perkara yang rumit kerana masalah timbal balas dan anti lambakan, saya setuju kita mesti mengawal hal ini dengan lebih ketat memelihara negara kita tetapi saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan di dalam Peruntukan 62C, saya tidak begitu fahamlah apakah yang dimaksudkan dan diharapkan masalah timbal balas ini kerana ini masalah yang penting Tuan Yang di-Pertua, terutamanya dengan industri-industri sederhana dan kecil, SMI dan kalau kita dapat negara-negara itu seperti negara China yang boleh mengeluarkan barang-barang dengan murah dan mutu pun bukan rendah. Dengan demikian mereka boleh melambakkan barang-barang ini ke Malaysia dan ini pun ada berlaku di Malaysia.

Seperti juga barang-barang di sekitar ASEAN dan dengan ada AFTA, tidak ada import dan sebagainya, tidak ada duti ke ataupun duti dikurangkan, levi dikurangkan untuk memenuhi hasrat dan syarat-syarat AFTA kita perlu dan setiap tahun ada beratus-ratus cukai dan dutinya sudah dikurang atau dihapuskan sama sekali untuk menyahut bermulanya AFTA pada tahun depan ataupun dua akan datang dan dengan demikian mudahlah barang-barang daripada negara-negara ASEAN masuk ke Malaysia dan di sinilah kita perlu mempertingkatkan usaha untuk mencegah lambakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat adakah panjang lagi, jikalau panjang saya akan benarkan Yang Berhormat berucap setengah jam ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, ya memang, memang ada. Saya pun fahamlah dengan bulan Ramadan kita dan kita pun hendak habiskan pada jam 5.30 petang ini dan saya akan pendekkan kerana kita mesti...

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan benarkan Yang Berhormat berucap 30 minit ya. Sila sambungkan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Setengah jam bagi saya tetapi ada orang hendak berucap lagi, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak apalah, hendak tolong saya, *[Disampuk]* baik dia ucapkan sendiri, hendak tolong apa pula *[Disampuk]*. Saya ada 33,34. Seterusnya mengenai kerahsiaan maklumat tadi. Tuan Yang di-Pertua, apa-apa maklumat yang berhubungan dengan penilaian ada kena mengenai dengan penjenisan dan penilaian. Apa-apa maklumat yang berhubungan dengan penilaian adalah sulit.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Mana-mana pegawai yang hak atau mana-mana orang yang dalam perjalanan biasa kewajipannya memiliki atau kawalan excess kepada maklumat itu tidak boleh memberitahu maklumat itu atau menyebabkan membenarkan mana-mana orang mempunyai excess kepada maklumat itu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat mana kita akan menyimpan rahsia kerana apa yang disebut sebagai rahsia memang saya setuju. Ada setengah-setengah benda itu kita tidak boleh bongkar untuk kepentingan Jabatan Kastam dan Eksais dan kita perlu berbuat demikian tetapi hal ini boleh disalahgunakan, Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap di dalam peraturan-peraturan ada satu jadual yang tertentu ataupun satu *codicil* diadakan supaya kita boleh mengehadkan kerahsiaan kepada benda-benda

yang tertentu sahaja dan kita hendak mengelak daripada berlaku penyelewengan ataupun penyalahgunaan peruntukan Peraturan 64A.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya banyak fasal di dalam rang undang-undang ini. Kalau saya hendak membincangkan satu demi satu akan mengambil masa lebih daripada setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan memandangkan ada rakan-rakan di sini hendak berucap, saya akan berhenti di sini sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang berminat tadi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Hah, tidak berminat pula?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Minat, minat, minat, ya. Jadi banyak perkara di dalamnya? Ha? Ha?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak hentikan? Tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau hendak teruskan, saya boleh teruskan pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak jadi masalah. Misalnya pemakaian peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pulang balik bagi barang-barang yang diangkut ke Langkawi. Masalah Langkawi ini, kita hendak wujudkan satu pulau yang menjadi satu fokus, satu pusat, bukan sahaja untuk pelancongan, bahkan satu pusat untuk Kedah, untuk seluruh negaralah pusat ini *[Disampuk]* Tidak jadi lagi Wilayah Persekutuan. Tidak *[Disampuk]* Oh! Tidak jadi itu *[Ketawa]* Kita ada Putrajaya, ada Kuala Lumpur, ada Labuan sekarang. Kalau tambah lagi Langkawi sudah menjadi empat yang termasuk dalam Wilayah Persekutuan *[Disampuk]* Oh, yakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat. Terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun galakkan mereka untuk mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, biar dia berdiri kalau hendak mengambil bahagian.

Dr. Tan Seng Giaw: Err?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dia hendak mengambil bahagian, dia minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya. Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan mengambil bahagian macam itu sahaja.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Saya pun *[Memberi laluan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ah, ya. Macam itu, ya. Hendak bagi jalan? Ha, sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Yang Berhormat bagi Kepong, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan sebab saya rasa saya tumpang kongsi sama berhubung dengan soal kerahsiaan yang disebut sebelum kes Langkawi tadi. Kita difahamkan setakat mana kerahsiaan barangan kita sekiranya kita mendapat

maklumat bahawa FBI dan pihak CIA sudah di stesen kan ataupun diletakkan di pusat-pusat kastam atau pusat-pusat tempat di mana barangan kita atau barangan yang kita import ataupun kita akan eksport di pelabuhan kita dan di *airport* kita, adakah Yang Berhormat sedar perkara itu sudah berlaku dan apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan soal kerahsiaan itu? *[Disampuk]* Bangunlah bercakap. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Setiu memang membangkitkan satu perkara yang menarik perhatian kita *[Disampuk]* Memang relevan, memang relevan. FBI tidak terlibat. CIA, *[Disampuk]* CIA. FBI itu bertanggungjawab di dalam negara Amerika Syarikat manakala CIA pula di luar negara, antarabangsa. Dan di sini memang soal sama ada CIA sudah melalui subsidiari atau melalui agensi yang tertentu menampakkan diri di pejabat-pejabat kastam kita di negara ini, saya tidak tahu. Ini kali yang pertama saya mendengar. Saya diberitahu bahawa kita hendak mengadakan pusat latihan untuk menentang *terrorism*. Itu memang kita dengar, tetapi setakat mana pihak CIA dapat bertapak di jabatan-jabatan kastam atau cawangan-cawangannya di seluruh negara, itu saya tidak tahu, dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada kita semua setakat mana terlibatnya pihak CIA di dalam Jabatan Kastam dan Eksais Malaysia. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita memang berwaspada kerana dengan *Pax Americana* sekarang penyelesaian masalah dan keamanan dunia mengikut selera dan kehendak Amerika. *Pax Americana* sekarang memang terdapat di mana-mana sahaja dan walaupun kita terima apa yang baik daripada Amerika Syarikat, apa yang tidak baik kita mesti sentiasa berwaspada untuk memelihara kepentingan Malaysia. Ini memang penting dan kerahsiaan ini tentulah.

Saya berharap kalau ada CIA di dalam Jabatan Kastam kita, janganlah kita rahsiakan pula, tidak patut dirahsiakan. Dan begitu juga kalau kita hendak adakan pusat latihan anti *terrorisme* kita mesti memberitahu rakyat tentang bagaimana kita adakan pusat latihan ini. Adakah ia terlibat dengan alat-alat tentera atau latihan-latihan, pegawai-pegawai pelatih daripada mana kita dapat untuk pusat *anti-terrorisme* kita ini. Sepatutnya hal sepeenting ini dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini *[Disampuk]* untuk diketahui, untuk dibincangkan dan dibahaskan dengan teliti oleh 194 Ahli Parlimen.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Tebrau berdiri. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat ini ada masalah dengan Singapura sahaja. *[Ketawa][Disampuk]* Dengan Kepong tidak ada langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada masalah dengan akta ini, minta penjelasan ya? Ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong yang baik hati. Saya hendak bertanya sedikit pendapat Yang Berhormat tentang hubungan dengan Amerika ini, macam mana pandangan parti DAP dengan Amerika? Adakah Yang Berhormat fikir Amerika ini memang tidak betul? Macam mana hubungan DAP dengan Amerika, pandangan parti DAP?

Dr. Tan Seng Giaw: Oooh ya! Tuan Yang di-Pertua, masalah ini tadi saya sudah terangkan pendirian kita tetapi tidak dapat membezakan Tebrau dengan tebu *[Ketawa]* kita dapat ...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Jauh Yang Berhormat, tebu dengan Tebrau ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, yalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti membezakan Tebrau dan tebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. [Ketawa]

Seorang Ahli: Singapura hendak ambil!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak ambil, Tebrau. Saya nampak ada kerja-kerja tambakan pula daripada Singapura. Sebab itulah sekarang saya hendak kacau sedikit dia ini. Dia lemah. Tetapi masalah kita ini, bukan sahaja DAP sahaja, dengan Amerika Syarikat, dengan *Pax Americana* akan terus mempengaruhi dunia. Kita mestilah sentiasa mengkaji setakat mana hubungan kita dengan Amerika Syarikat yang merupakan pelabur yang terbesar di Malaysia, dan duta pun yang terbesar di Malaysia untuk menjaga kepentingan mereka, dan kita seperti dengan tebu juga, bila ada manisan memang kita ambil dan hampasnya kita buang – ambil manisan tebunya tetapi buang yang hampas. Itu caranya. [Ketawa]

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Yang Berhormat bagi Tumpat, mengenai aktakah Yang Berhormat?

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerahsiaan maklumat yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi yang menyatakan bahawa maklumat-maklumat itu tidak boleh dibocorkan dan saya rujuk kepada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu mengenai dengan *terrorism* ini. Sebagaimana kita tahu, baru-baru ini Ketua Polis Negara mendedahkan rahsia ini, iaitu ada orang-orang yang ditangkap di bawah ISA kerana kononnya telah mengimport senjata-senjata, bom-bom *molotov cocktail* dan sebagainya.

Mengikut apa yang hendak dipinda ini, sesiapa yang membocorkan rahsia ini telah melanggar akta ini – melanggar subseksyen 1 ini. Tetapi sehingga sekarang, yang dituduh dan dibongkar rahsia itu tidak dibuktikan pula. Jadi, dua tiga kali kesalahan di situ. Pertamanya, melanggar kerahsiaan barang-barang yang diimport. Keduanya, tidak memberi penjelasan dan bukti tentang rahsia kononnya yang dibongkar itu. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Tumpat ada asas. Kita mestilah lebih telus, lebih terbuka untuk menangani hal seumpama ini sebab walaupun pihak kerajaan mengatakan bahawa hanya melalui ISA lah kita dapat membanteras segala keganasan, kita mestilah berusaha untuk menghapuskan segala bentuk keganasan, tetapi di dalam usaha untuk membanteras keganasan itu, kita perlu menggunakan cara dan kaedah yang terbuka sedikit, yang terbuka, untuk dilihat oleh rakyat bagaimana pihak pemerintah adalah munasabah di dalam usaha untuk menangani masalah keganasan yang begitu serius.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Berkenaan dengan kerahsiaan juga, saya hendak meminta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong mengenai kerjasama sedunia untuk usaha *anti-terrorism* dan kerahsiaan. Berkenaan kenyataan yang dilafazkan oleh *Ian Duncan Smith*, Ketua Konservatif di Parlimen *Britain* dua minggu yang lepas iaitu beliau mendedahkan bahawa agen-agen perisikan *British* mendapat maklumat daripada pihak polis Malaysia, dan ini menafikan apa yang dinafikan oleh Menteri Dalam Negeri iaitu polis Malaysia tidak pernah memberikan maklumat rahsia kepada pihak asing.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia sentuh satu perkara yang kita pun setakat ini dalam samar-samar sahaja – tidak dapat tahu apa sebenarnya berlaku. Kita memang tidak tahu sama ada daripada *Ian Duncan Smith* ataupun daripada *Colin Powell* ataupun daripada orang-orang yang lain. Kita tidak boleh anggap bila kita membincangkan mengenai

kerahsiaan maklumat ini hanya setakat untuk barang-barang sahaja. Kita mesti memperluas masalah ini kerana ada peruntukan ini memang di dalam semua pemeriksaan penilaian, semua barang-barang yang masuk, termasuk bahan pertanian, sebab ini bukan satu perkara yang kita mesti memandang ringan. Kalau kita tidak berwaspada, baja boleh digunakan untuk bom, boleh digunakan untuk buat bom. *[Disampuk]* Haa, saya berharap Yang Berhormat bagi Sri Gading *[Disampuk]* memang, macam mana Yang Berhormat bagi Sri Gading tahu pula. Kalau kita hantar dia pergi menjelajah dunia untuk TNB ... haa, itu dia seronok. *[Ketawa]*

Yang Berhormat ini bukan main-main, satu perkara yang serius, bahan-bahan seperti baja boleh digunakan untuk bom dan setakat ini di Malaysia, ada beberapa tan, saya diberitahu baja yang hilang tidak tahu ke mana, baja subsidi. Ada atau tidak pihak kerajaan menyiasat. *[Ketawa]* Baja hilang dengan begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan ini memang satu perkara yang serius, boleh dibuat untuk bom. *[Dewan riuh seketika]* Sebab itulah, Yang Berhormat Parit Sulong....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong berdiri Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat Tebrau sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya sila, hendak bagi Yang Berhormat sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di kampung saya pun banyak orang hilang baja tetapi ia baja kelapa sawit, jadi tidak mungkinkah baja yang itu pergi ke estet kelapa sawit? Jangan oleh kerana ini zaman orang mengatakan *terrorism*, maka apabila ada kehilangan sesuatu bahan yang boleh jadi bom, maka boleh di *imply* kan negara ini juga mempunyai *terrorist* yang sedang membuat bom, adakah itu satu analogi yang sihat? Inilah pihak Barat cuba mendorong kita berfikir begitu, tetapi jangan kita terdorong untuk berfikir demikian. Itu pandangan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Parit Sulong, seperti biasa bila kita bincang dengan benda serius ini dia terserong. Huh! terserong, kita bukan kena-mengena dengan Amerika Syarikat kita hendak tahu sebab apa ada benda seperti itu baja kita hilang, hilang ke mana? Sama ada digunakan untuk tanaman ataupun untuk dibuat bom, itu kita hendak tahu. Sebab di dalam Dewan ini kita tidak ada perbincangan mengenai hal ini. Sebab itulah rahsia dan maklumat ini penting bagi kita semua, kita hendak tahu sama ada pihak kerajaan sanggup mengadakan sidang khas untuk disertai oleh semua termasuk pembangkang untuk sama-sama membincangkan hal *terrorism* di negara ini. Termasuk di Sipitang pula...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sipitang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ini dia memang pusing-pusing mengelirukan rakyat Malaysia. Jadi tahukah Yang Berhormat apakah jenis baja yang boleh dibuat bom, setahu saya baja yang boleh dibuat bom cuma *ammonium nitrate*, baja tahi ayam pun boleh buat bomkah? Jadi kita hendak cek baja tahi ayam ke mana dia pergi - tidak gunalah, jadi saya setuju kalau baja jenis *ammonium nitrate* ini barang yang direkodkan ataupun barang yang dikawal dan jikalau ada kehilangan mungkin kita boleh siasat, tapi kalau baja tahi ayam hilang 10 guni kita hendak siasat buat apa?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sipitang, adakah Sipitang tahu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Sipitang tahu baja itu hanya untuk ayam sahaja itu?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah dia tahu baja itu mengandungi sulfur atau mengandungi ammonia ataupun nitrat, adakah dia tahu? Kalau tidak tahu mengapa dia sanggup bersuara, bermuka, bersuara dan buka mulut? *[Ketawa]* Ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong, Parit Sulong.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan murah mulut sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Sulong berdiri lagi Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, dia lebih berasas.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dia hendak cakap apa pun tidak apa, pada tahun 80-an, Amerika mengekspor banyak bahan *chemical* yang boleh dibuat untuk senjata kimia ke Iraq. Bermakna Amerika tahu berapa banyak bahan yang dihantar oleh kerana ini adalah *control item* ke Iraq. Bermakna Amerika tahu Iraq, *manufacture* senjata kimia bagi pihak Amerika supaya mereka menjadi satu macam *shield*, satu perisai ataupun menjadi satu bahan *psyche-war* untuk mengempur Iran sama ada dari segi pemikiran atau dari segi fizikal. Tapi pada hari ini bahan-bahan itu telah pun dihancurkan mengapa mesti Amerika menuduh *Iraq is the producer of WMD*, sedangkan *weapons of mass destruction* yang di *manufacture* oleh Iraq adalah datangnya daripada pusat-pusat teknologi *military* di Amerika Syarikat. Jadi Yang Berhormat ini pemikirannya dia macam Amerika juga sekarang ini nampak dia hendak letak dua, *two and two together* Yang Berhormat, saya minta pandangan, terima kasih.

Seorang Ahli: *Oh my God!*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini menjadi parit yang bongsu sekarang dan yang dikatakan sebahagian itu benar. Apa benarnya Amerika Syarikat terutama *Centre of Disease Control (CDC)* pernah membekalkan bahan-bahan seperti Anthrax kepada Saddam Hussein. Pada tahun 1983, Donald Rumsfeld menemui Saddam Hussien sebagai kawan untuk membekalkan bahan-bahan kimia dan bahan-bahan biologi, ini memang sebenar - sebahagian. Tapi kita di sini bukan berfikir ala Amerika Syarikat, kita meminta supaya pihak kerajaan beri kita tahu apakah pendiriannya? Apakah kalau hilang baja jenis barang itu, dan Sipitang dia tidak berminat macam mana kita hendak tahu jenis baja yang hilang. Tidak akan, kita tidak mahu tahu langsung.

Seorang Ahli: Kurang pengetahuan!

Dr. Tan Seng Giaw: Sipitang memang ada pengetahuan, pulau ada situ sedikit.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau berdiri Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Dan pencemaran ke atas alam sekitar pun teruk, ini Sipitang yang cakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau berdiri Yang Berhormat. Arau berdiri Yang Berhormat, Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Kepong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun jadi makin keliru bila dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, baja subsidi kononnya hilang mungkin untuk dibuat bom. Negara kita memberi subsidi kepada padi sahaja yang saya tahu, itulah baja yang diberi kepada rakyat Malaysia. Untuk padi kita menggunakan NPK (*Nitrogen, 'Potash', Kalium*) Jadi yang mana satu yang boleh jadi bom ini? Tadi Yang Berhormat Sipitang kata nitrat, nitrogen....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *Ammonium nitrate...*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *Ammonium nitrate* dan Yang Berhormat kata bukan pula, jadi yang mana satu Yang Berhormat maksudkan ini? Kemungkinan baja hilang penyeludupan ataupun orang-orang yang membekalkan baja ini diselewengkan ke tempat lain pun ada kemungkinan, adakah isu ini satu isu yang

besar, Yang Berhormat hendak bincangkan baja ini dijadikan bom? Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, kita jangan anggap kata Malaysia ini dalam perbahasan kita menunjukkan bahawa negara kita juga tempat membuat bom, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dari mana datangnya sayang, dari mata turun ke hati...

[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak ada pembayang, itu maksud dia, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Pembayang tidak payah, kerana mengenai bom ini, bom tidak ada pembayang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh saya betulkan pantun?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup-cukuplah betul sudah itu. Tidak apa, tidak apa

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh, boleh betulkan?

Dr. Tan Seng Giaw: Dia hendak bagi pembayang sekarang...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Salah itu pantun itu, dia ..

Dari mana datangnya lintah,

Dari sawah turun ke padi,

Dari mana datangnya cinta,

Dari mata turun ke hati.

Tapi Kepong ini salah.

Seorang Ahli: Dia terkepong!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Itu pantun yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia salah, itu tidak betul..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup, cukup Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia kata 'punai', punailah yang betul!

[Dewan menjadi riuh dengan sorakan ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Parit Sulong.....ya dia sepantunlah macam itu! Tuan Yang di-Pertua yang penting sekali kita hendak tahu, setakat mana kehilangan baja kita yang boleh dibuat bom. Dan kerahsiaan ini memang kita tidak patut merahsiakan kita beritahu, setakat mana dan sebanyak mana baja jenis bom hilang dan langkah yang diambil oleh pihak kerajaan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah setengah jam lebih ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu jamkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setengah jam sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Setengah jam, setengah jam ini mengenai dengan baja sahaja tadi itu, sebab sebenarnya kita ada benda-benda yang lain pula sebab kerahsiaan ini, kita pun hendaklah pihak kerajaan bukan sahaja ada satu sidang untuk semua wakil rakyat di Malaysia bahkan juga patut kita adakan satu sidang kemuncak dunia untuk sama-sama mendefinisikan *terrorism* dan juga sama-sama mencari penyelesaian untuk *terrorism* ini. Jangan kita biarkan Amerika Syarikat sahaja sebagai *Pax-Americana* untuk menentang *terrorism* ala Amerika sahaja. Kita menentang *terrorism* ala dunia itu caranya, termasuk Parit yang Sulong. Jangan kita

menyalah anggap apa yang disebut di sini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulunglah mengenai.... sebab saya sentuh mengenai...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan, penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa masalah sekarang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebut saya, saya bangunlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat penjelasan Kepong apabila salah seorang, orang besar CIA mengatakan bahawa di dalam menangani *terrorism* kita mesti pergi kepada dengan izin, *route cause*. Itu adalah pandangan, apabila kita hendak menangani *terrorism* kita mesti pergi ke soal-soal *route cause*, bermakna soal-soal akar umbi yang fundamental, itulah suara yang disuarakan oleh pemimpin Malaysia dan itulah pendirian Malaysia apa pendapat Yang Berhormat Kepong dalam hal ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti mencari punca apakah sebenarnya yang menyebabkan *terrorism*, keganasan dan kalau kita sentiasa menggunakan ISA pun mungkin menjadi satu punca.

Beberapa Ahli: Ya!

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin menjadi dan kita tidak boleh menyalahgunakan.

Seorang Ahli: Sudah tangkap lepas balik!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam pula berdiri, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Kepong, lanjutan daripada Parit Sulong, saya pun minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kepong ini, beliau mengatakan bahawa selama ini pun Kerajaan Malaysia telah pun menyuarakan kepada dunia supaya mencari punca masalah keganasan itu pergi kepada dengan izin, *route cause* dia, fundamental dia. Tapi nampaknya akhir-akhir ini ada pemimpin besar daripada CIA pun menyuarakan pada pandangan yang sama, yang sudah setahun Malaysia sarankan dan minta supaya di persidangan antarabangsa, adakan seminar untuk ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat untuk kita *pursue* lagi benda ini supaya menjadikan kenyataan, itu yang dimaksudkan oleh Parit Sulong, Yang Berhormat Kepong, terkepong sahaja ini pasal apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu hasrat kita dan kita buat resolusi demi resolusi untuk dikemukakan kepada kerajaan supaya kita adakan sidang kemuncak, bukan sahaja sidang kemuncak dunia, sidang kemuncak nasional. Dan adakah itu pihak kerajaan sanggup menyahut baik seruan kita untuk mengadakan sidang-sidang tersebut dan ini termasuklah Shah Alam sama ada beliau setuju ataupun tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak gulung sudah ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Minta penjelasan Parit Sulong. Eh, silap terima kasih Kepong. Saya hendak minta sedikit lagi penjelasan daripada Kepong ini dan bila kita bercakap tentang keganasan ini, dan apabila dengan izin *security council* baru-baru ini meluluskan resolusi terhadap Iraq, ini kerana lanjutan daripada Iraq ditakrifkan sebagai salah satu negara dalam *axis of evil* dan kita tahu bahawa jiran kita, Singapura sebagai *permanent member* dalam *security council* ini dan apa pandangan Yang Berhormat supaya dalam ASEAN *spirit* ini *multi-lateral, bilateral* yang ada ini. Pandangan daripada Singapura adakah dia tidak menyuarakan pandangan konsensus daripada ASEAN dalam *security council* itu sendiri?

Dr. Tan Seng Giaw: Sebagai rakan di dalam ASEAN, 10 ahli ASEAN itu kita mestilah sependapat mengumpulkan pendapat ASEAN, itu memang satu caranya. Kalau cara yang lain tidak betullah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat setujulah Singapura itu tidak betul dalam menyuarakan *security council*?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita ini di sini, siapa yang buat tidak betul kita kata tidak betul. Tidak payah kita mempertikaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Menegakkan benang basah - itu betul.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali iaitu kita di Malaysia sendiri adakan sidang nasional dan kemudian kita mendesak supaya pihak PBB mengadakan sidang kemuncak untuk dunia, itu penting.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengambil masa yang panjang dan bukan saya sahajalah ada ramai yang berminat. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ramai yang berminat dan saya pun melayanlah sebagai kita di dalam semangat silaturrahim kita perlulah jaga semua, Ramadan pula ya. Mengenai Langkawi, pungutan duti di Langkawi dan juga pungutan duti di Tioman pula sekarang ditambah. Langkawi, Tioman tidak tahu lagilah pulau yang mana, Pulau Kapas mungkin lain kali, dalam kawasan utama kastam, Pulau Tujuh pun mungkin masuk. Pulau banyak - tidak sebanyak Indonesia, Indonesia berapa pulau itu, 10,000 tetapi kita ada ratusan sahajalah. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah Seksyen 65 menteri boleh membuat peruntukan.

Bagi pemungutan di Langkawi duti eksais yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hampir hendak diangkut dari atau ke Langkawi atau dari kawasan utama kastam. Begitu juga kadang-kadang kita nampak untuk Tioman sekarang sejak Tioman dibebaskan cukai pengangkutan barang dari atau ke Tioman atau dari kawasan utama kastam dan sebagainya. Saya tidak akan buang masa lagi cuma Yang Berhormat di dalam usaha untuk menjalankan tugas ini kita mesti menjaga kepentingan negara dan jangan kita menggunakan Pulau Langkawi ataupun Pulau Tioman untuk aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali bila kita membebaskan cukai di pulau-pulau ini mudah berlakunya kecurangan dan penyelewenganlah. Aktiviti-aktiviti yang haram termasuk penyeludupan dan sebagainya yang bertambah. Itulah saya berharap pihak Jabatan Kastam dan Eksais boleh mempertingkatkan kawal selia, keberkesanan dan kecekapan untuk mencegah segala aktiviti-aktiviti haram termasuk penyeludupan di Langkawi dan Tioman *[Tepuk]* Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Tambun dulu.

11.48 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh Fasal 41 melibatkan Seksyen 78 Akta 176 untuk membenarkan seseorang pegawai eksais memeriksa pegawai lain yang lebih rendah pangkatnya apabila dia mempunyai syak yang munasabah bahawa pegawai yang lebih rendah pangkat itu telah menerima sogokan.

Saya amat bersetuju dengan fasal ini kerana kalau kita lihat dari segi laporan *International Transparency*, laporan ini dibuat berasaskan kepada maklumat yang diperolehi daripada pihak peniaga bukan daripada sektor perniagaan. Sekiranya berlaku sogokan ini akan dilaporkan oleh pihak peniaga kepada *International Transparency* dan daripada situ dibuat penilaian *ranking* dari segi *corruption* sesuatu negara. Ini akan mendatangkan kesan yang amat buruk walaupun dari segi laporan *International Transparency* ini daripada sektor perniagaan, tetapi ia juga boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada negara.

Kedua, di bawah Fasal 43 bertujuan untuk masuk seksyen baru 81A di mana pengarah satu syarikat berkongsi satu firma dan anggota satu pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain bertanggungjawab sama dan berasingan bagi duit eksais yang kena dibayar. Ini satu daripada fasal yang amat baik kerana apabila kita lihat dalam struktur syarikat kita, terutama yang mana dikuasai ekuiti oleh satu pihak secara majoriti ada terdapat pembayaran gaji atau pendapatan yang begitu besar kepada ahli lembaga pengarah yang menguasai syarikat tersebut. Ini bermakna bahawa wang yang patut digunakan untuk operasi dan membayar segala pembayaran *statutory* kepada kerajaan boleh terjejas disebabkan individu-individu yang mendapat pendapatan yang banyak daripada *cash flow* sesuatu perniagaan itu. Dengan cara ini ahli lembaga lebih *accountable* lagi kepada syarikat dan terutama kepada kerajaan yang mana mereka mesti mengikuti daripada segi keperluan-keperluan *statutory*.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa di bawah Akta Eksais 1976 bagi tujuan untuk mengenakan eksais antara definisinya adalah pemindahan barang telah siap keluar daripada *factory* dikenakan duit eksais sama ada produk dijual ataupun tidak. Itu dari segi definisi.

Di sini saya ingin mengutarakan pandangan saya mengenai dengan duit eksais ini. Dalam suasana ekonomi sekarang saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri adakah pihak kerajaan telah mengkaji atau mengkaji duit eksais yang dikenakan kepada barangan kita baik yang berbentuk *manufacture* ataupun pertanian dan sebagainya. Antara isu yang dibangkitkan di dalam belanjawan lalu ialah tentang SMI. SMI ini diharap akan menjadi satu entiti yang bukan sahaja dapat *viable* dalam ekonomi domestik, tetapi sebagai entiti yang dapat berkembang di peringkat global. Beberapa keistimewaan diberi kepada SMI terutama daripada segi pengecualian cukai ke atas SMI tertentu.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi eksais duit yang melibatkan SMI, adakah pihak kerajaan akan mengkajinya kerana SMI yang kita hendak jadikan berdaya saing di peringkat domestik dan antarabangsa ini memerlukan pertolongan daripada kerajaan. Eksais duit yang dikenakan akan meningkatkan kos pengeluaran dan ini boleh menjejaskan dari segi daya saing SMI tersebut. Jadi, saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Di samping itu dalam sektor automobil, kita tahu bahawa sektor automobil berhadapan dengan satu persaingan yang cukup dahsyat di peringkat antarabangsa. Kita semua tahu bahawa semua syarikat di dunia telah bergabung baik yang datang dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun telah pun bergabung menjadi beberapa entiti yang akan bekerjasama untuk menghasilkan kereta. Di samping itu kita berhadapan dengan *Common Effective Preferential Tariff (CEPT)*, di mana telah dipersetujui 10 tahun lalu supaya tarif diturunkan ke atas pengimportan kereta dan takrif kereta ASEAN ini adalah kereta yang mempunyai komponen 40% daripada keseluruhan kereta yang dihasilkan oleh negara-negara tersebut. Sehubungan itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri dari segi sektor automobil, dari segi eksais duit ke atas sektor ini. Macam manakah sikap kerajaan, adakah kerajaan akan mengenakan eksais duit ini ataupun kerajaan akan turut untuk mengkaji semula.

Di samping itu mengenai dengan CEPT ini, saya ada bangkitkan isu ini tetapi tidak diberi jawapan tempoh hari, di mana ini satu rancangan ASEAN sebagai satu *regional block* hendak bersaing dengan blok lain di dalam dunia globalisasi ini. Banyak pendapat menyatakan persaingan sekarang tidak antara satu negara dengan negara Eropah umpamanya atau Amerika yang telah mencapai tahap-tahap pusingan kitaran yang telah begitu jauh. Untuk bersaing sekarang perlukan kepada kerjasama sesuatu blok dan ASEAN telah 10 tahun dahulu membuat satu keputusan, saya ingat pada tahun 1971 membuat keputusan untuk mengadakan AFTA dan pada tahun 1992 telah membuat beberapa peraturan-peraturan. Akhirnya membuat keputusan pada 1 Januari 1993 supaya di bawah CEPT segala perlindungan yang diberikan kepada negara diturunkan.

Mengenai dengan automobil ini kita ada membuat kenyataan bahawa akan dikenakan bentuk-bentuk perlindungan baru. Jadi, yang saya bangkitkan, adakah ini boleh menjejaskan hubungan ASEAN. Adakah ini satu trend baru di seluruh dunia ini ataupun negara kita yang buat. Saya mohon penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat mengenai dengan perkara ini.

Ketiga, mengenai dengan sektor elektrik dan elektronik. Saya difahamkan kerajaan telah menaikkan duti eksais kepada industri ini. Kita sedia maklum bahawa industri elektrik dan elektronik ini menyumbang sebahagian besar daripada eksport negara. Saya tidak ingat berapa, tetapi lebih daripada 50% daripada eksport negara dan sektor ini sejak akhir ini pulih sedikit kerana permintaan di Hong Kong dan beberapa negara telah meningkat, tetapi sebelum itu telah jatuh dengan begitu teruk. Tidakkah kerajaan bercadang juga untuk melihat balik eksais duti ke atas sektor ini. Begitu juga dalam sektor-sektor lain melibatkan sektor-sektor pembuatan.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri. Timbalan Menteri tidak dengar [*Ketawa*] Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sekarang ini terdapat cukup banyak akta dan peraturan-peraturan baru di peringkat dunia yang melibatkan kepada *environment*, ada Agenda 21, ada *berth charter* dan sebagainya. Dengan adanya peraturan-peraturan ini termasuk Rio dan sebagainya, maka pihak antarabangsa sekarang berkehendakkan supaya udara yang lebih baik lagi kerana ada masalah ozon dan sebagainya. Antara yang menjadi musuh kepada dunia dari segi banyak karbon dioksida dan sebagainya ini menjadi satu yang diambil kira terutama pihak yang terlibat dalam *environment* ini. Saya dapati di dalam beberapa dokumen negara-negara pengeluar kereta sekarang ini telah mengambil tindakan.

Di Jepun saya baca dalam *The Green Book* nama bukunya mereka mula mengambil kira pengeluaran kereta ini dikaitkan dengan *environment* ini. Malah ada kerajaan-kerajaan yang mengenakan duti eksais, menetapkan duti eksais terhadap pengeluaran. Kalau kereta yang masih lagi menghasilkan perkara-perkara yang boleh merosakkan alam sekitar dari segi udara, maka dikenakan eksais yang lebih tinggi. Jadi, dari segi negara kita adakah kita berhadapan dengan masalah tersebut. Kalau tidak sekarang saya percaya pada masa akan datang apabila kesedaran dunia mengenai dengan *environment* ini telah meningkat dan juga peraturan ini makin lama makin ketat. Saya percaya akhirnya kita juga akan berhadapan dengan masalah yang sama bukan sahaja dalam bidang automobil dan juga bidang-bidang yang lain. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan perkara tersebut, status kita sekarang ini macam mana dari sektor pengeluaran automobil dari segi eksais duti kita bagi memastikan *environment* yang baik sekarang dan juga untuk berhadapan dengan masa hadapan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir sekali. Ini mungkin tidak ada kaitan dengan eksais duti tetapi ia terbit dalam fikiran saya tentang Asian sebagai satu pasaran yang terbuka ini, dari segi bidang *transportation*, saya tengok ada setengah negara mengenakan *tax* dan sebagainya untuk kenderaan daripada satu negara lain masuk ke satu negara lain. Kalau di Eropah, di UK, dia ada jenis-jenis cukai yang dikenakan.

Sekarang ini apabila AFTA dilaksanakan, perbincangan telah berlaku di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan dengan negara-negara lain, kerajaan negara kita dan negara-negara lain, malah menandatangani perjanjian tentang kemasukan lori, polis dan sebagainya. Adakah kerajaan merancang untuk mengenakan juga bentuk-bentuk cukai apabila lori dan polis dari Thailand masuk ke sini bagi melindungi, bukan sahaja dia melindungi pasaran kita ataupun industri kita, tetapi turut untuk melindungi jalan raya di negara kita.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

12.02 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu, dua perkara berkenaan dengan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam semasa Yang Berhormat bagi Kepong berucap, saya ada mencelah sedikit berkenaan dengan bayaran duti di bawah bantahan iaitu *protest duty paid*. Saya telah merujuk kepada seorang pengadu bahawa beliau telah membayar cukai untuk barang-barang kesihatan. Saya telah dapat butir-butirnya.

Yang pertama, beliau telah membayar pada tahun 1998, sudah 4 tahun sehingga sekarang. *Wooden tongue* diperiksa iaitu sejenis kayu menekan lidah untuk pemeriksaan kerongkong dan *hot water bag*, beliau dikenakan cukai 20% plus 10%. Walaupun jumlahnya bukan besar tetapi memang ini bukanlah satu *item* yang boleh dikenakan bayar cukai.

Ada 8 *consignment* telah dicukaikan iaitu mulai tahun 1998, 1999, 2001, 2002 sehingga yang terbaru sekali Julai tahun ini. Dan segala butir-butir ini saya akan beri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya berharap kerajaan boleh membuat satu *ruling* berkenaan dengan hal ini dan sekiranya ia tidak perlu dicukaikan maka cukai yang telah dibayar perlu dibayar dengan seawal mungkin kepada pembayar cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen baru 8A dan 8B, di mana 8B, jika duti eksais telah dibayar secara bantahan, pegawai yang berhak hendaklah dalam masa 30 hari dari pembayaran dibuat merujuk apa-apa persoalan mengenai penjenisan atau penilaian barang-barang kepada Ketua Pengarah untuk keputusan.

Memang ia mengehendakan pegawai yang sedang duti itu mengemukakan dalam 30 hari apa-apa keraguan untuk dibuat keputusan muktamad oleh Ketua Pengarah untuk satu keputusan tetapi masalah yang saya sebut tadi telah berlanjutan tahun 1998, sehingga sudah 4 tahun pun belum ada suatu keputusan muktamad. Dan saya mencadangkan supaya jikalau boleh, dan Ketua Pengarah hendaklah membuat satu keputusan dalam satu tempoh masa, mungkin satu bulan, mungkin dua bulan atau 3 bulan, barulah munasabah dan adil kepada orang yang telah membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 11A Menteri boleh meremiti duti eksais dan setahu umum Menteri Kewangan adalah seorang yang sangat sibuk dan dia tidak akan ambil tahu berkenaan duti-duti yang remeh-temeh sekiranya ada dan bukannya berjumlah berjuta-juta. Jadi, saya mengesyorkan bahawa kuasa diberi juga kepada Timbalannya atau Ketua Pengarah supaya mereka ini ada kuasa untuk meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian duti eksais atau *fee* atau caj yang ditetapkan.

Pindaan Seksyen 13, iaitu pemulangan duti hendaklah dibuat dalam masa setahun. Saya perlu meminta kerajaan supaya pegawai-pegawai ber *duty* hendaklah memberitahu pembayar cukai bahawa adalah tanggungjawab beliau untuk membuat tuntutan secara bertulis atau dalam format-format yang tertentu untuk memperingatkan pembayar cukai itu menuntut balik apa-apa yang telah dibayar dan bukan hanya meminta pembayar bayar cukai dan kata menunggu keputusan atau *ruling* daripada Pengarah Kastam di pusat.

Dan, sekiranya pembayar cukai atau pengimport itu tidak fasih dalam *procedure* menuntut balik duti-duti yang telah dibayar, maka sekiranya Seksyen 13 ini dipakai maka selepas setahun beliau akan hilang kelayakan untuk menuntut balik apa-apa yang telah dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi adalah satu tanggungjawab untuk pegawai-pegawai yang ber *duty* sama ada di lapangan terbang atau di terminal-terminal feri untuk memperingatkan orang-orang yang kena bayar cukai membuat tuntutan dalam masa setahun melalui borang-borang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya juga ada meminta supaya kuasa diberi kepada pegawai kanan tempatan untuk membuat suatu *ruling*, sama ada barangan itu kena duti atau tidak dan bukan memaksa pengimport-pengimport atau pembayar cukai membayar dahulu dan mendapat *ruling* kemudian, kerana ini mungkin akan bertahun-tahun untuk diputuskan. Jadi, dengan menurunkan kuasa kepada pegawai kanan tempatan mungkin perkara ini boleh diselesaikan, dengan izin, *on the spot*, Tuan Yang di-Pertua.

Seksyen baru 42A dan 42B. Apabila seseorang penumpang datang ke lapangan terbang atau mana-mana terminal feri, maka beliau perlu mengisikan satu *declaration form* dengan izin, dan ini juga berlakunya masalah seperti orang-orang tua dari negara kita mereka pergi melancong ke luar negara dan apabila balik ke negara kita ini mereka tidak fasih untuk mengisikan borang dalam Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Ini selalunya membangkitkan masalah di mana mereka setiba sahaja ke kaunter kastam mereka diminta, "Mana borang pengisytiharan", dan mereka pun tidak tahu apa borang pengisytiharan itu. Maka mereka perlulah menunggu di sana untuk

memanggil orang-orang di tepi atau penumpang-penumpang lain yang fasih dalam bahasa untuk menolong mereka mengisikan borang-borang pengisytiharan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan borang dan pemeriksaan orang-orang yang masuk ke pusat-pusat masuk ke negara kita ini. Di Lapangan Terbang KLIA misalnya sudah diwujudkan apa yang dipanggil *green lane*, dengan izin, yang bermakna orang-orang yang melalui laluan tersebut telah secara yang *implicit and explicit*, dengan izin, dengan jelas mengisytiharkan yang dia tidak membawa apa-apa barang yang kena cukai.

Sebaliknya yang merasai dan ingin mengisytiharkan barangan yang perlu dicukai tidak akan melalui laluan hijau, akan lalu laluan merah sebab laluan hijau ini biasanya laluan yang baik, warna hijau dan sebagainya. Jadi, apa perlu kepada borang dan sebagainya lagi kalau sudah ada konsep laluan hijau dan merah ini? Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, dalam ucapan saya, saya juga akan menyentuh dengan *green lane* atau lorong hijau. Sebab itulah saya membangkitkan perkara ini di mana negara kita sekarang ada ramai pelancong dari negara China, beratus-ratus ribu rakyat negara China melancong ke negara kita ini. Mereka tentulah tidak tahu mengisikan borang-borang ini dan saya berharaplah dengan wujudnya *green lane* ini, di mana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, ini adalah satu lorong di mana kepada mereka yang sudah pasti mereka tidak ada barang-barang yang kena duti, mereka boleh melalui *green lane* itu.

Saya ada satu pengalaman, baru-baru ini saya pergi ke Pulau Langkawi dan semasa saya hendak balik ke Pulau Pinang melalui feri memang ada satu *green lane* dan saya tidak bawa apa-apa cuma pakaian yang telah dipakai dan saya melalui *green lane* itu dan pegawai kastam menyekat saya. Dia kata, "Mengapa kamu lalu sini." Saya cakap, "Ini *green lane*." Dia cakap, "Kena balik sana *queue* seperti orang yang lain untuk memeriksa bagasi ini". Saya cakap, "Saya tidak ada barang, cuma baju kotor sahaja ada, apa pasal kena *queue*." Dia cakap, "Tidak boleh, tidak boleh, balik sana."

Saya pun tidak mahu cakap saya siapalah, saya pun balik sana *queue*. Sampai depan saya tunjuk, apa-apa pun tidak ada, hanya bau busuk adalah. [Ketawa] Dia mahu tengok, bagi dia tengok tetapi apa gunanya *green lane* ini. Tetapi kita pergi ke luar negara, di Eropah, kalau ada *green lane* bermakna kamu melalui *green lane* ini dengan senang, tidak ada orang akan menahan melainkan pegawai-pegawai tertentu mengesyaki ada sesuatu yang tidak kena. Itu barulah ertinya *green lane*.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah di mana pelancong-pelancong khasnya dari Medan, Indonesia. Mereka menggunakan Pulau Pinang sebagai satu tapak untuk transit kerana Pulau Pinang ini adalah satu kawasan di mana Indonesia-Malaysia-Thailand *Growth Triangle (IMTGT)*. Sekiranya seorang rakyat Indonesia mereka hendak pergi ke luar negara, mereka perlu membayar levi lebih kurang RM500 untuk ke luar negara.

Tetapi sekiranya mereka memilih Pulau Pinang sebagai satu tempat transit, di mana Pulau Pinang adalah di bawah IMTGT, maka mereka dari Medan datang ke Pulau Pinang tidak perlu bayar levi dan, mereka tinggal satu, dua malam di Pulau Pinang dari sana mereka pergi ke negara-negara lain. Dan, sudah tentu apabila mereka hendak menggunakan Pulau Pinang sebagai satu tempat transit, mereka akan membawa barangan bersama mereka, baik untuk buah tangan, baik untuk barang-barang yang hendak dibawa.

Maka, ini juga timbul satu masalah di Lapangan Terbang Pulau Pinang, di mana pegawai kastam kata barang ini kena bayar cukai. Walaupun penumpang atau pelancong itu memberitahu beliau bahawa ini hendak dibawa ke luar negara bukan bawa masuk ke Malaysia untuk kegunaan di Malaysia, ini satu masalah.

Saya ingin bertanya sama ada di Lapangan Terbang Pulau Pinang ini ada satu stor atau satu gudang supaya pelancong-pelancong dari luar negara yang hendak membawa barangan ini bukan untuk Malaysia tetapi untuk luar negara, mereka boleh simpan satu atau dua malam di sana dan perkara ini juga sebaliknya apabila mereka balik dari luar negara, singgah di Pulau Pinang hendak membawa barang-barang ini

balik ke Medan atau Indonesia, maka setibanya mereka di Pulau Pinang, mereka di *tax* kan. Jadi kita semua tahu apabila sudah bayar *tax*, apabila hendak menuntut balik, itu satu perkara yang cukup rumit.

Maka dengan ini saya berharap satu garis panduan atau keterangan perlu difahami oleh semua pegawai kastam di mana-mana tempat seperti pelabuhan, lapangan terbang atau di mana-mana tempat sahaja supaya segala kemudahan dan kelonggaran boleh diberi kepada orang ramai khasnya pelancong-pelancong dan bukan membawa kesusahan, kesulitan kepada warganegara kita dan warganegara lain. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

12.17 tgh.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan pindaan kepada Akta Eksais (No. 2) 2002 dan saya dapati bahawa pindaan kepada undang-undang ini adalah tepat pada masanya kerana disebabkan permintaan atau kehendak semasa, undang-undang di negara kita ini sentiasa perlu dipinda supaya mendatangkan keberkesanan dalam hal-hal penguatkuasaan undang-undang.

Saya dapati Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam pindaan ini ada banyak seksyen yang dipinda, ada seksyen yang baru dan nampaknya kali ini ia boleh dikatakan mendatangkan keadilan yang mana sesiapa yang telah membayar cukai, tetapi tidak berpuas hati mereka boleh bantah dan mereka boleh bayar duti eksais dengan bantahan dan jika tidak boleh diselesaikan menerusi prosedur jabatan, mereka akan berurusan di mahkamah dan pihak Ketua Pengarah ada kuasa dalam hal penyelesaian dan penilaian, dan ini kemungkinan akan mendatangkan keadilan kepada pihak pembayar dan kepada pihak kerajaan. Cuma di sini saya harap selain daripada kita ada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang, apa yang penting bila dilaksanakan ia perlu mendatangkan ketelusan dan kecekapan bila undang-undang ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat menghuraikan peraturan-peraturan tertentu kemungkinan peraturan akan banyak tetapi secara ringkasnya, ianya akan dapat keberkesanan mengadakan prosedur yang telus supaya akan menyenangkan pihak pembayar cukai dalam urusan, sekiranya mereka ada bantahan dalam hal pertikaian berhubung dengan penegasan dan penilaian barang-barang yang mereka telah dikenakan cukai. Saya ingin tahu syarat-syarat yang tertentu bagi pulangan balik apa-apa duti eksais yang dibayar secara bantahan di bawah Seksyen 8A oleh pengimport.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Seksyen 78 yang mana membenarkan seseorang pegawai eksais memeriksa pegawai lain yang lebih rendah pangkatnya apabila dia mempunyai syak yang munasabah bahawa pegawai yang lebih rendah pangkatnya itu telah menerima sogokan. Ini saya rasa ada dua perkara iaitu dengan mengadakan seksyen ini, kemungkinan ini akan mendatangkan pihak pegawai yang berpangkat rendah itu lebih bertanggungjawab dan komitmen dalam menjalankan kerja mereka, ini boleh dikatakan satu perkara yang baik, tetapi berkemungkinan ianya mendatangkan hal yang mana pihak pegawai atasan tidak percaya dengan pegawai yang di bawahnya, dan ini perlu prosedur yang tertentu bagaimana ini dapat dilakukan. Dan dengan seksyen ini boleh diibaratkan ini adalah *counter check* oleh pihak pegawai atasan dan kemungkinan ini akan dapat mengelakkan gejala sosial yang negatif iaitu rasuah dan kemungkinan salah guna kuasa, kerana ini adalah seksyen yang mana kemungkinan akan mendatangkan perkara yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang keemasan pada pagi ini di Dewan yang mulia ini, iaitu satu perkara yang mana teksi yang dimiliki oleh pihak individu biasanya dikecualikan dari duti eksais oleh pihak kastam tetapi bila mereka ingin menyertai sebuah syarikat seperti yang digalakkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, mereka menghadapi masalah pengecualian duti eksais. Ini telah menimbulkan banyak masalah di kalangan pemilik teksi individu yang ingin mematuhi seruan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan supaya dapat mempertingkatkan tahap pengurusan dan mutu perkhidmatan teksi melalui usaha sama pemilik-pemilik teksi individu dalam sebuah syarikat.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya harap koordinasi antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Kewangan khususnya Jabatan Kastam dan Eksais adalah amat penting supaya dapat melicinkan prosedur tersebut, dan akan dapat mengelakkan kekeliruan di kalangan pemilik teksi individu atas dasar kerajaan yang mana Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan penubuhan syarikat untuk teksi individu, dan Kementerian Kewangan tidak menggalakkannya dengan mengenakan duti eksais jika pemilik teksi ingin mendaftarkan teksi mereka kepada sebuah syarikat. Saya harap dapat penerangan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, tentang koordinasi dan kerjasama antara kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, misalnya lesen arak dan lesen cukai perkhidmatan di premis hiburan, yang mana pihak pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan tidak keluarkan lesen hiburan dan lesen premis atas ketidaksesuaian premis itu dijadikan premis hiburan seperti kelab malam, kelab karaoke kerana gangguan bising, gejala sosial negatif, penyalahgunaan pil-pil *ecstasy* dan ini mendatangkan satu masalah. Bila di pejabat ada rundingan dengan pihak Jabatan Kastam dan Eksais, pihak kastam mengatakan mereka tidak peduli sama ada mereka ada lesen arak, lesen hiburan atau lesen premis. Tugas mereka adalah kutip cukai dan ini telah menimbulkan masalah koordinasi antara jabatan kerana dalam hal ini menimbulkan masalah. Jabatan yang berkenaan hendak menghapuskan gejala sosial negatif ini tetapi jabatan yang lain keluarkan lesen. Bila peniaga nampak lesen dari kastam, mereka anggap sah berniaga dan ini merupakan satu masalah, walaupun ini terkeluar sedikit daripada akta ini, tetapi saya mengambil peluang ini minta penerangan kerana kadang-kadang kita wakil rakyat dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah kita timbulkan, tetapi pihak berkuasa tempatan dan pihak pejabat daerah mengatakan kastam tidak boleh bekerjasama. Hal ini mereka terus keluarkan.

Seperti di Johor Bahru ada lebih 600 premis kelab malam, karaoke *lounge* tetapi yang ada lesen hiburan cuma 60 sahaja. Cuma 10% yang ada lesen dan yang lain tidak ada lesen, tetapi kalau 600 lebih ini semua ada lesen daripada kastam. Lesen arak, lesen cukai perkhidmatan, yang ini mereka ada. Kastam kata mereka perlu keluarkan.

Tuan Ramli bin Ibrahim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Minta penjelasan - seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah mengenai kelab-kelab malam yang tidak ada lesen di Johor Bahru. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, ada atau tidak *salon*, pendandan rambut sebab saya nampak di Lembah Klang terlalu banyak kedai mendandan rambut. Adakah terdapat juga di Johor Bahru?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak kena-mengena dengan rang undang-undang yang kita bangkitkan sekarang.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tidak, saya hendak tanya dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan balik kepada tajuk.

Tuan Chang See Ten: Baik, terima kasih kerana ini tidak kena-mengena. Tadi saya sudah kata ini keluar daripada akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah keluar jangan buatlah.

Tuan Chang See Ten: Tetapi ini saya sentuh tentang koordinasi dan memang sama tadi walaupun ini terkeluar, iaitu Yang Berhormat bagi Kota Bharu sudah timbulkan, memang di kedai gunting rambut, *unisex* atau rumah urut memang tidak ada lesen premis tetapi kastam memang keluarkan lesen cukai perkhidmatan kerana mereka kata kita kutip cukai untuk kerajaan. Kita tidak peduli sama ada mereka ada lesen dari jabatan lain. Ini saya harap dapat penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya dapat mengelakkan kekeliruan antara rakyat jelata berbilang kaum ini dan antara peniaga supaya mereka faham tentang hal ini dan tidak disalahgunakan lesen yang mereka perolehi. Jika mereka sudah ada lesen dari pihak kastam, mereka kira mereka sudah sah berniaga. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang.

12.30 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit bahagian baru iaitu 15C dalam akta ibu dipinda.

Saya ingin mengetahui berkaitan dengan peruntukan khas berkenaan dengan kawasan pembangunan bersama. Minta pihak menteri tolong beri sedikit penjelasan apa maksud pembangunan bersama dan di mana sebenarnya letaknya kawasan pembangunan bersama ini kerana kalau dilihat 91o. (1), (2) ini antara Malaysia dengan Thailand, umpamanya pemindahan barang-barang yang dikeluarkan di kawasan pembangunan bersama dari kawasan pembangunan bersama ke dalam Malaysia, negara Thailand atau mana-mana negara lain.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak menteri di mana kedudukannya. Walaupun kita tengok status kawasan pembangunan bersama ini nampaknya lebih kurang sama dengan kedudukan Pulau Labuan, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman. Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan daripada pihak menteri.

Saya berterima kasih kepada pihak menteri kerana pada satu 1 November baru-baru ini telah pun mengisytiharkan zon bebas cukai di kawasan Rantau Panjang yang prosesnya terlalu lama iaitu semenjak 1986 lagi, iaitu kira-kira 16 tahun dan *alhamdulillah* sekarang ini telah pun diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri yang luasnya kira-kira 396 ekar dan ianya di bawah Akta Zon Bebas Cukai. Cuma saya ingin mengetahui daripada pihak menteri, bilakah sebenarnya kawasan ini diwartakan. Kalau tidak silap saya, masih tidak terdapat maklumat yang sebenarnya.

Dalam kawasan zon bebas cukai ini, Majlis Daerah Pasir Mas mendapat satu surat daripada pihak penguasa yang akan dilantik sebagai penguasa di kawasan tersebut. Saya berterima kasihlah kalau ianya menepati apa yang dimaksudkan dalam surat itu. Walaupun masih lagi tidak melantik tetapi dalam surat itu, 'akan melantik'. Jadi, saya tidak mengetahui bilakah akan dilantik kerana 1 November baru-baru ini, perkara ini telah pun diisytiharkan dan pihak kastam nampaknya telah pun ada di ketiga-tiga *check point* di kawasan Zon Bebas Cukai Rantau Panjang itu. Saya ingin tahu...

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tanah Merah bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Rantau Panjang. Berhubung dengan pengisytiharan zon bebas cukai bagi kawasan Rantau Panjang, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat kerana kita lihat walaupun kawasan ini adalah merupakan kawasan yang telah diisytiharkan sebagai zon bebas cukai, tetapi penyeludupan yang begitu ketara berlaku di kawasan ini juga iaitu di depan mata para pegawai kastam dan sebagainya.

Akhir-akhir ini kita lihat ekor dari komen Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berhubung dengan ugutan-ugutan yang telah dibuat oleh penyeludup-penyeludup ini terhadap kastam dan juga PGA dan polis. Jadi, saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Memang saya berniat untuk bertanya pihak menteri berkaitan dengan persiapan terakhir, walaupun perkara ini telah pun diisytiharkan terutama sekali persiapan berkenaan dengan keselamatan sempadan ini. Saya lihat memang koordinat antara PGA, kastam dan imigresen serta polis tidak begitu rapat dan satu masa pernah berlaku boikot-memboikot di antara sesama lain hasil daripada pertelingkahan yang berlaku di sempadan antara Malaysia dengan Thailand.

Di akhir-akhir ini yang saya rasa agak peliknya ialah pihak yang bertanggungjawab telah menghantar PGA ini dari Senoi Prak yang tidak mengetahui selok-belok budaya orang-orang sempadan ini dan Senoi Prak ini diarah supaya setiap kenderaan yang berada di lalu lintas di sempadan ini mesti membuka bonet belakang. Saya sendiri pada satu masa baru-baru ini, pada satu malam saya bertarawih di dalam

kawasan zon bebas cukai, waktu saya hendak balik, *check point* di Banggol Kulim, pihak kastam tidak ada apa-apa masalah, cuma waktu dalam perjalanan sampai di *road block* di Gual Periok, Senoi Prak telah meminta saya supaya beralih ke tepi jalan, dia minta saya buka lampu, kemudian dia minta saya supaya buka bonet Pajero. Saya kata, Pajero tidak payah buka boot sebab boleh tengok, cermin sekeliling, tengok begini boleh nampak apa-apa yang ada di dalam, tetapi oleh kerana Senoi Prak ini barangkali diarah demikian, dia pun tidak kira, bila arahan supaya setiap kenderaan buka belakang, mesti buka sebab dia tidak banyak

Barangkali inilah salah satu cara yang digunakan oleh pihak penguasa, kadang-kadang untuk membanteras penyeludupan yang berlaku dan mereka ini, Senoi Prak ini, rasuah pun tidak makan. Memang, kalau bagi duit pun, dia tidak layan. Dalam bulan puasa dia kerja kuat sebab dia tidak puasa. Ini bagus. Barangkali sebab itu dalam bulan puasa ini dihantar Senoi Prak, tetapi saya minta di sempadan terutama sekali di tepi sungai, saya nampak masih terdedah dengan penyeludupan yang akan berlaku, tidak ada sempadan.

Walaupun di luar sungai itu kita lihat ada kawat jaring telah dipasang dari Kampung Bagus sampai ke Banggol Kulim dan terus kepada berhampiran dengan kompleks imigresen, tetapi di sebelah sungainya terdedah tidak ada apa-apa pun, tidak ada sebarang benteng dan sebagainya. Maknanya macam pagar si Luncai, di depan ini ada, di belakang sempadan betul-betul di tempat yang sepatutnya diadakan pagar, dikosongkan. Ini bagaimana? Majlis daerah yang akan dilantik sebagai penguasa akan mendapat keuntungan sebab barang sepatutnya apabila melalui majlis daerah, majlis daerah akan mendapat 1% daripada semua barang yang dibawa masuk ke dalam zon bebas cukai tetapi oleh kerana keadaan terdedah, saya pun tidak yakin majlis daerah akan mendapat keuntungan walaupun ianya diberi kuasa sebagai penguasa dalam kawasan tersebut.

Saya minta supaya pihak menteri sebelum perkara ini berlarutan supaya mengambil tindakan yang tegas, malah bukan sahaja di tepi sungai yang tidak ada sebarang pagar, pagar yang sudah ada pun telah dirobohkan dan dikoyak. Saya boleh tunjuk beberapa tempat yang berlubang, hasil daripada 16 tahun terbengkalai projek tersebut, tidak dibaiki. Yang paling lucunya ialah oleh kerana kawasan itu terlalu luas, 396 ekar termasuk kubur, termasuk sekolah dan termasuk bendang padi.

Kita bayangkan bagaimana bendang padi di situ ada, di luar pun ada. Orang kampung yang mempunyai kerbau dan lembu, rumah dia dalam kawasan zon bebas cukai, tanah padi dia luar daripada kawasan zon bebas cukai. Bagaimana dia hendak bawa lembu kerbau dia untuk membajak tanah padi mereka itu? Mestilah melalui di hadapan *check point* kastam. Logik atau tidak logik, kerbau dan lembu dibawa di hadapan kastam. Ini adalah kerana kawasan ini terlalu luas termasuk bendang padi. Selain daripada kawasan-kawasan yang lain seperti kita kata di Pangkalan Kubor. Pangkalan Kubor ia hanya kawasan perumahan, kawasan bandar, kawasan pekan sahaja, tidak seperti mana yang berlaku di Rantau Panjang.

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih sahabat saya dari Rantau Panjang di atas penjelasan yang saya rasa agak baik. Saya juga ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat kerana satu lagi projek yang akan dilaksanakan ialah perhubungan di antara Malaysia-Thai ini ialah pembinaan satu jambatan baru yang menghubungkan Bukit Bunga dengan Bukit Thai di sebelah Thai dan ini termasuk dalam Parlimen Jeli, tetapi malangnya konsep yang sama yang hendak dirancang, tetapi pihak imigresen sebagai *lead agency* ataupun agensi yang bertanggungjawab terhadap program ini, pembinaan projek ini tidak mengetahui perancangan-perancangan yang telah diatur.

Jadi, imigresen juga melahirkan perasaan yang sama supaya tidak berlaku peristiwa-peristiwa yang Yang Berhormat sebut tadi sama ada di Rantau Panjang, di Pangkalan Kubor dan sebagainya. Saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih Tanah Merah. Berkaitan dengan projek yang akan dibuat di Bukit Bunga bersempadan dengan Bukit Thai di Thailand ataupun *wing* di Thailand itu, itu merupakan satu perancangan yang dibuat oleh seorang bekas Ahli Parlimen di situ iaitu bekas menteri yang tewas dan itu hanya di peringkat awalnya ialah satu projek untuk mengaut undi sahaja sebenarnya.

Sebab itu perkiraan ataupun kira bicara dengan imigresen dan kastam tidak diambil kira, tidak dibincangkan lebih awal. Itu sebagai projek untuk menarik pengundi, dibuat satu jambatan dan 'dikhayalkan' untuk dijadikan kawasan zon bebas cukai di kawasan tersebut, tetapi perkara ini tidak dirancang dengan teratur, sedangkan Rantau Panjang sudah 16 tahun baru perkara ini berjaya. Pagar sudah tiga kali roboh, dibuat lagi, roboh buat lagi, tiga kali baru berjaya. Inikan pula di kawasan Bukit Bunga yang menteri sendiri sudah menjadi *private* sekarang ini, tidak menjadi menteri lagi, dia tidak mempunyai taring lagi, itu betul-betul projek angan-angan sahaja, saya fikirkanlah.

Saya ingin mengetahui berkaitan dengan barang-barang yang akan dibawa keluar. Barang yang dibawa masuk ke dalam kawasan zon bebas cukai, saya dimaklumkan 1% akan dikutip dan ianya akan dapat kepada pihak penguasa iaitu Majlis Daerah Pasir Mas, Rantau Panjang. Kemudian, berapa peratus pula apabila barang itu berada dalam kawasan zon bebas cukai hendak dikeluarkan, berapa peratus kastam akan ambil.

Saya dimaklumkan, ia ada perbezaan sedikit. Kawasan zon bebas cukai, tidak sama dengan kawasan biasa, bila barang dibeli di situ. Sebab itulah, satu galakan kepada orang ramai supaya membeli barang di zon bebas cukai. Kalau cukainya sama, tidak bermakna. Saya minta supaya pihak kastam cuba menyenaraikan dan mempamerkan kepada masyarakat yang ingin membeli belah di kawasan tersebut, supaya mereka ini tidak terperangkap.

Ini kerana, sebelum ini mereka membeli belah di pekan Rantau Panjang ini, memang barang-barang murah dan tidak ada sebarang cukai pun, kerana barang yang dibeli dianggapkan barang Malaysia tetapi apabila mereka berada dalam zon bebas cukai, maka dikenakan cukai apabila barang keluar daripada zon tersebut, sudah tentulah mereka akan terperangkap kerana mereka tidak disenaraikan, berapa peratus barang ini, berapa peratus barang ini yang dikenakan, apabila keluar daripada kawasan zon bebas cukai tersebut.

Saya ingin tahu pula, bagaimana keadaan satu kedai yang ada sekarang iaitu Kedai Jasa Duti Free yang telah lama beroperasi di kawasan tersebut. Mereka ini mendapat lesen di bawah Akta Kastam. Ia satu kedai, namanya Jasa Duti Free. Bagaimana keadaan mereka ini? Apabila mereka berada di suatu kawasan zon bebas cukai, status dia bagaimana dan bagaimana barang-barang dia, tertakluk atau tidak kepada penguasaan di bawah majlis daerah? Itu saya ingin mengetahui.

Saya ingin mengetahui juga, apakah bezanya antara zon bebas cukai ini yang berada di tempat ini dengan kawasan bebas cukai? Umpamanya di Pangkalan Kubor. Saya dimaklumkan juga ada perbezaan antara kawasan bebas cukai dengan zon bebas cukai. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak menteri supaya kekeliruan ini tidak berlaku dan saya harap pihak menteri boleh memberi sedikit penjelasan.

Status dia sama sahaja dan kaedah percukaian pula, adakah serupa atau tidak? Kaedah percukaian, maksud saya barang-barang daripada luar, masuk di kawasan bebas cukai dengan barang-barang di luar, masuk di kawasan zon bebas cukai. Barang-barang yang berada di kawasan bebas cukai yang dikeluarkan dengan barang-barang yang berada dalam kawasan zon bebas cukai yang dikeluarkan, daripada segi peratus percukaian ini. Jadi, saya ingin minta penjelasan daripada pihak menteri.

Sebenarnya, memang kedudukan zon bebas cukai di Rantau Panjang ini berbeza kalau hendak dibandingkan dengan Bukit Kayu Hitam daripada segi latar belakangnya, daripada segi muka buminya. Demikian juga di Stulang Laut, Johor dan kemasukan barang-barang ke tempat ini memang saya anggap akan berlaku kebocoran kalau pihak kerajaan tidak mengatasi seperti mana yang saya sebut terlebih dahulu kerana sempadan sungai yang sempit, yang cetek antara Malaysia dan Thai ini lebih kurang dua kilo. Ia kosong, tidak mempunyai sebarang halangan ataupun pagar. Saya yakin, pihak penguasa tidak akan mampu untuk menjaga kerana kadang-kadang rumah orang di tepi sungai, sungai cetek. Sambil-sambil pergi buang air besar pun, dia boleh bawa masuk barang. Takkan kastam hendak *suspect* orang ini? Dengan kain tuala pun, dia turun ke sungai, sungai air cetek, takat ini sahaja, sambil-sambil pergi, barang dibawa masuk.

Jadi, ini yang saya ingin mendapat kepastian kepada pihak yang berkuasa, khususnya menteri ini supaya pihak majlis daerah yang dilantik sebagai penguasa, tidak teraniaya. Jadi, kalau beri kuasa, tetapi keadaan kawasannya tidak terjaga, tidak terjamin, maka ia merupakan 'indah khabar daripada rupa' sahaja. Satu lagi kawasan ini, waktu perancangan kawasan ini, tahun 1986 dahulu, waktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah di Kelantan. Ya, Kerajaan Barisan Nasional, dia jiwa besar. Sebab itu, kalau boleh, dia hendak luas kawasan dia. Orang lain buat kawasan kecil-kecil, dia buat luas, masuk sampai bendang padi semua. Itu kawasan zon bebas cukai, sampai 360 ekar.

Tetapi, dia lupa yang tidak termasuk ini ialah *quarters* kastam sendiri tidak termasuk, *quarters* polis tidak termasuk, balai polis tidak termasuk kawasan zon bebas cukai. Sedangkan sempadan sahaja, sempadan jalan kereta api. Sebelah kiri jalan kereta api ialah *quarters* polis, balai polis, *quarters* kastam. Sebelah kanan jalan kereta api ialah kawasan zon bebas cukai. Kenapakah ianya tidak tertakluk kepada kedua-dua *quarters* tersebut supaya kemudahan ini juga akan dinikmati bersama oleh pihak polis, pihak kastam dan pihak imigresen. *Quaters* imigresen pun berada di kawasan itu juga.

Jadi, ketiga-tiga kumpulan ini sepatutnya menikmati zon bebas cukai ini. Tetapi nampaknya, waktu perancangan itu dibuat, barangkali pihak kerajaan tidak nampak, diketepikan mereka ini sehingga manfaatnya ialah orang-orang yang lain, yang akan mengambil kesempatan manfaat ini. Akhirnya, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kementerian ini ialah sejauh manakah persiapan pihak kerajaan melalui beberapa agensi, beberapa kementerian untuk mengatasi supaya kesesakan lalu lintas di dalam kawasan zon bebas cukai ini tidak akan berlaku berterusan. Sekarang ini, kalau dilihat pada hari minggu, hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, bolehlah sesiapa pergi. Baru-baru ini, pada 2 Disember Tun Zahir sebagai Speaker, dia pergi ke Kelantan.

Dia sendiri beritahu saya, dia naik kereta hendak pergi ke bandar Rantau Panjang, tidak boleh pergi, *queue, jammed*. Maknanya ramai pelancong ke Kelantan, khususnya bandar Rantau Panjang ini dan saya minta supaya pihak menteri ambil kira perkara ini, misalnya apabila dibuat pada 1 November ini, makin ramai pelancong akan pergi *shopping* di sana. Jalannya sempit, pusat persiapannya tidak dibuat. Jadi, saya minta ketiga-tiga, kalau boleh, beberapa agensi lain supaya mengambil kira dan memikirkan bagaimana untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang akan berlaku berterusan kalau sekiranya tidak diatasi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Bagaimana dengan pandangan Yang Berhormat dengan penyiaran RTM yang mengatakan bahawa Kelantan dalam keadaan gerhana sedangkan pelancong-pelancong khususnya di bandar Rantau Panjang itu, kelihatan begitu sesak sekali dan pelancong-pelancong ini bukan daripada orang Kelantan, tetapi terdiri daripada orang Kuala Lumpur, orang Johor dan sebagainya. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini ada luar sedikitlah, luar daripada tajuklah. Kita sedang membincangkan Rang Undang-undang Eksais.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, eksais..... kawasan zon bebas cukai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keluar sangatlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak ada kaitan dengan kesesakan kawasan zon bebas cukai. Jadi, maksud dia walaupun kempen gerhana di Kelantan, kenapa orang pergi ramai lagi? Sekarang ini ialah pelancong-pelancong dari Johor dan Singapura, bukan sahaja dari negeri Kedah, bukan dari Selangor tetapi Singapura yang paling ramai sekali, terutama sekali yang berbangsa Cina, ramai di sana.

Tuan Ramli bin Ibrahim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, silakan.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya ingin minta pandangan Rantau Panjang. Adakah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bermaksud, daripada penjelasan tadi supaya kerajaan membina satu jalan yang besar dari Kota Bharu ke kawasan bebas cukai. Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, saya mengharapkan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu supaya kerajaan membuat perancangan pertama kali, jalan dan pihak kerajaan negeri bila masa sahaja kalau hendak *acquire* tanah pun, untuk kepentingan umum, untuk jalan dan sebagainya, memang kerajaan negeri bila-bila masa sahaja akan beri kerjasama. Biarlah jalan itu besar sikit.

Sekarang ini, kalau parking kereta sebelah, bas tidak akan boleh masuk. Sebab itu, pihak polis telah bekerja keras kerana ini. Hari minggu memang saya *salute*. Terima kasih banyak kepada pihak polis khususnya polis Rantau Panjang dan Pasir Mas/Rantau Panjang, telah membuat satu laluan se hala bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas ini. Tidak cukup kalau berterusan dengan pihak polis membuat kerja-kerja seperti ini, kalau pihak kementerian tidak cuba memainkan peranan supaya cari jalan *alternatif* ataupun membesarkan jalan tersebut bagi membolehkan pelancong-pelancong yang ingin *shopping*, ingin membeli belah di kawasan Zon Bebas Cukai di Rantau Panjang itu.

Yang akhirnya, saya memohon kepada pihak kementerian ini, supaya sewaktu pelaksanaan atau penguatkuasaan nanti, sekarang ini walaupun ia diisytiharkan, tetapi kastam masih lagi tidak menjalankan penguatkuasaannya, barangkali untuk menghabiskan stok barang-barang yang berselerak di kawasan tersebut dahulu, sementara masuk barang-barang baru melalui penguasa yang diamanahkan kepada majlis daerah iaitu penguatkuasaannya tidak berlaku lagi.

Saya mengharapkan, apabila penguatkuasaan ini berlaku, segala persiapan yang saya sebut tadi hendaklah dipersiapkan terlebih dahulu. Mana-mana pagar yang rosak, yang ditembusi, hendaklah dibaiki dan mana-mana kawasan yang tidak berpagar, hendaklah membuat pagar supaya tidak berlaku penyeludupan yang merugikan kita bersama, khususnya merugikan majlis daerah yang dilantik sebagai penguasa di dalam kawasan tersebut. Itulah, sahaja, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak majlis daerah kerana telah mengisytiharkan Zon Bebas Cukai Rantau Panjang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

12.50 tgh.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian bersama membahaskan pindaan kepada Akta Eksais 1976 ini. Kita telah melalui akta ini mengutip lebih kurang RM4.3 bilion mengikut anggaran untuk tahun 2003 dan saya akan menumpukan beberapa *item* yang disenaraikan di dalam kertas statut berkaitan dengan barang-barang yang dikutip duti eksais mereka. Di antaranya ialah berkenaan dengan air iaitu dalam muka surat 1526 gazet saiz ini menunjukkan 2 sen per liter dikutip daripada air sebagai duti eksais. Yang saya ingin pohonkan penjelasan ialah sedikit sahaja iaitu satu kenyataan rasmi dihantar oleh seorang pegawai kanan Singapura kepada sebuah majalah antarabangsa baru-baru ini yang mendakwa Malaysia telah membeli semula air yang diproses daripada Singapura dengan harga 50 sen bagi tiap-tiap seribu gelen dan menjualnya kepada para pengguna di Johor dengan harga RM3.95 sen bagi tiap-tiap seribu gelen dan kita mengimport daripada Singapura 37 ribu gelen air sehari.

Ini bermakna kita memperoleh untung kasar lebih kurang RM52 juta setahun daripada jualan air yang telah diproses daripada Singapura. Ini menunjukkan satu keuntungan yang sangat besar dan itu juga sebabnya kenapa Malaysia mengimport 37 ribu gelen air sehari daripada Singapura dan saya memohonkan penjelasan adakah ini benar ataupun tidak? Setakat hari ini saya tidak dengar penafian dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan ini menunjukkan bahawa ada kebenaran dakwaan Singapura. Jika ini benar ianya adalah sesuatu yang amat mengaibkan. Kita heboh dan bising tentang harga air 3 sen kita jual kepada Singapura yang dianggap rendah dan kita membeli 50 sen seribu gelen dan kita menjualnya dengan harga RM3.95 sen bagi tiap-tiap seribu gelen kepada rakyat kita. Itu belum diambil kira lain-lain kelemahan dalam urusan air

Malaysia dan Singapura yang tidak boleh disentuh oleh kerana tidak relevan dengan akta ini pada hari ini.

Saya ingin menyentuh perkara yang lain iaitu berkenaan dengan duti eksais ke atas barang-barang *electrical* yang juga telah disentuh sedikit sebanyak oleh Yang Berhormat bagi Tambun sekejap tadi. Daripada buku anggaran hasil yang dibentangkan untuk tahun 2003, saya lihat untuk beberapa tahun kebelakangan ini, kutipan kita bagi duti eksais bagi alat-alat *electrical* hanya daripada peti sejuk sejumlah RM24,000 setahun bagi tahun 2002 dan bagi peti televisyen dan barang-barang yang lain kutipannya ialah kosong bagi setiap tahun. Seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun berkenaan dengan *industry electrical* yang berlangsung dalam negara kita, pada satu masa kita pernah mendengar bahawa kerajaan melancarkan satu projek mega mengeluarkan barang-barang elektrik di Gambang di bawah jenama MEC, satu projek yang sangat ghairah dan pengarah urusan MEC dalam masa yang singkat daripada tidak ada apa-apa gelaran diberikan telah memperoleh gelaran Dato' selepas projek ini diluluskan dan beberapa bulan kemudian mendapat Tan Sri dalam masa yang begitu singkat.

Dalam satu *press conference* yang disiarkan di akhbar-akhbar utama pada waktu itu beliau telah membuat satu kenyataan yang sangat memberangsangkan iaitu MEC akan mengeksport *air-condition* ke Myanmar dengan nilai RM1 bilion setahun dan kerajaan percaya dengan kenyataan ini, kerajaan iaitu termasuk Timbalan Menteri Kewangan yang mengatakan sunat memberikan air kepada anjing tetapi mengatakan tidak sunat memberikan air ataupun bantuan kepada sekolah agama pun boleh terlena dan menerima taklimat ini. Kemudiannya kita semua tahu bahawa Myanmar bukan sahaja mereka ini tidak mampu membeli *air-cond*, bahkan setengah daripada pejabat di Myanmar saya difahamkan tidak ada kipas angin pun. Tetapi MEC membuat satu *press conference* mereka boleh mengeksport RM1 bilion nilai *air-condition* ke Myanmar, bukan ke United State tetapi ke Myanmar dan *vendor-vendor* telah dilantik dan Khazanah sendiri telah melibatkan diri dengan melaburkan dalam syarikat ini. Kerajaan negeri Pahang memberikan kawasan hutan yang sangat luas termasuk saya rasa ialah hasil balaknya dan Kerajaan Negeri Kedah telah memproses untuk memberikan hak milik tanah kepada satu cawangan dan MEC di Kedah di bawah IMT-GT kononnya.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian apakah yang telah terjadi dalam projek ini, bagaimana kedudukan projek ini dengan pelaburan yang demikian besar dan hasilnya ialah kita tidak dapat mengutip sebarang eksais, tidak ada eksais yang dikutip daripada peti televisyen, daripada peti sejuk dan juga daripada *air-cond*. Jadi, saya ingin penjelasan apa telah terjadi dengan projek ini dan mengapa industri elektrik yang kita ingin bangunkan menerusi projek MEC tidak berjaya dan bagaimanakah kedudukan pelaburan kerajaan dalam syarikat ini setakat pada hari ini.

Saya beralih kepada alkohol ataupun minuman keras yang menjadi sebahagian daripada perkara yang dikandung oleh akta eksais ini dan premis yang kerajaan telah gunakan ialah bahawa bagi menghilangkan ataupun mengurangkan tabiat meminum minuman keras di kalangan rakyat, caranya ialah dengan meningkatkan duti import dan juga duti eksais tetapi adalah amat kurang tekanan diberikan kepada pendidikan bagaimana rakyat harus dididik untuk mengurangkan tabiat mereka menggunakan minuman keras yang boleh merosakkan kehidupan mereka baik secara peribadi mahupun secara bermasyarakat.

Saya mengutip apa yang disebut dalam laman *web* WHO tentang alkohol *control policies* dalam muka surat yang pertama bahawa tiap-tiap kerajaan yang menjadi anggota kepada WHO dengan izin, *take all appropriate viewer to reduce the consumption of alcohol among all sectors of the population and to development intensive preventive program that include public information and education concerning alcohol problem*. Apa yang ditekankan oleh WHO ialah kerajaan selain daripada menggunakan duti eksais yang meningkat daripada satu tahun ke satu tahun seperti yang dibuktikan oleh buku anggaran hasil bahawa kutipan untuk minuman keras buatan tempatan meningkat kepada RM45 juta dan minuman keras yang lain kepada RM588 juta iaitu setengah bilion ringgit.

Peningkatan ini berlaku dari satu tahun ke satu tahun sebagai satu cara yang kononnya dengan harga yang lebih tinggi rakyat akan lebih kurang untuk meminum minuman keras ini tetapi pada hikmat ini sahaja adalah tidak mencukupi. Selain daripada kita meningkatkan duti eksais dan juga import, kita harus memberikan pendidikan yang lebih terbuka, lebih kemas kepada semua atau sebilangan rakyat kita

melalui cara-cara yang lebih berkesan. Ini termasuk mengawal kempen-kempen ataupun pengiklanan di negara-negara lain. Dalam kertas WHO juga umpamanya Croatia dan France, mereka bukan sahaja seperti Malaysia melarang daripada radio televisyen Malaysia termasuk RTM - tauke gerhana tidak datang hari ini, menyiarkan iklan-iklan minuman keras di dalam stesen penyiaran dan juga *bill board*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah sampai masanya untuk kita berehat. Ucapan Yang Berhormat boleh

Tuan Husam bin Haji Musa: Hari ini puasa mana boleh ada makan tengah hari, kita teruskan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat rehat tidak semestinya makan..

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak payah makan. Kalau Yang Berhormat hendak berehat, rehatlah, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rehat tidak semestinya makan..

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi ucapan Yang Berhormat boleh disambung lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oh! terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Ada satu Usul, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

"Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan."

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya haraplah diijamatkan masa sedikit ya, kalau tidak kita terpaksa sampai masuk lepas daripada pukul 5.30, jadi haraplah. Yang Berhormat Kubang Kerian, sila sambung.

2.33 ptg.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sri Gading, tadi semasa sebut air Singapura, dia tidak ada. Saya sambung ucapan saya itu berkenaan dengan minuman keras.

Dalam konsep pemerintahan Islam, orang-orang bukan Islam mempunyai hak untuk meminum minuman keras dan orang-orang Islam dihalang daripada meminum minuman keras, tetapi pada masa yang sama pendidikan haruslah ditingkatkan kerana dari segi perubatan dan sosial kesan minuman keras kepada masyarakat adalah buruk dan saya tidak akan membentangkan kesan-kesan secara *statistical* terhadap laporan-laporan daripada seluruh dunia berkenaan dengan perkara ini tetapi saya tekankan ialah bahawa selain daripada usaha kerajaan untuk mengenakan duti yang tinggi dari segi eksais kepada bahan-bahan yang merupakan minuman keras, kerajaan juga sepatutnya menokok tambah kempen yang lebih berkesan dan selain daripada itu, perkara-perkara ataupun langkah-langkah yang lain.

Saya telah menyebut tadi di Croatia dan France mereka bukan sahaja menghalang minuman keras daripada disiarkan di dalam siaran-siaran penyiaran ataupun stesen televisyen, tetapi mereka pergi lebih jauh daripada itu, iaitu semua majalah dan surat khabar juga dilarang daripada menyiarkan iklan minuman keras dan ini berlaku di France dan Croatia sebuah negara ataupun dua buah negara yang terkenal dalam Laporan WHO mempunyai kadar peminum alkohol yang tinggi tetapi mereka pergi lebih jauh daripada itu iaitu dalam usaha menyahut seruan WHO untuk meningkatkan kesedaran dan juga penyebaran maklumat tentang bahaya alkohol, mereka telah melarang pengiklanan dalam majalah-majalah dan surat-surat khabar.

Di negara kita perkara ini tidak berlaku, dalam setengah majalah *prestige* seperti *The Edge* tersiar iklan-iklan seperti ini juga, majalah-majalah yang lain. Jadi, saya berharap bahawa perkara ini dapat diambil perhatian oleh kementerian supaya pada masa yang sama kita mengutip eksais daripada bahan-bahan ini dan kemudian kita terpaksa membelanjakan sebahagian pendapatan negara bagi tujuan-tujuan untuk kesihatan, bagi membaik pulih para pesakit yang diakibatkan oleh gejala minuman keras.

Saya beralih kepada eksais kereta yang diuntukkan di dalam Akta Eksais 1976 iaitu mana-mana kereta buatan tempatan dikenakan kadar eksais sebanyak 30%. Perkara ini saya bangkitkan sehubungan dengan persiapan kita menuju AFTA dan Perdana Menteri telah pun dalam sehari dua yang lepas membuat satu kenyataan bahawa Malaysia akan meneruskan dasar perlindungan terhadap industri kereta tempatan, walaupun mengikut perjanjian yang telah disepakati dan ditandatangani oleh Malaysia dengan negara-negara Asia yang lain, termasuk negara jiran kita, bermula pada tahun 2005 kita akan membebaskan industri kereta kita daripada sebarang perlindungan termasuk eksais yang dikenakan dan cukai import yang tinggi terhadap kereta-kereta import.

Perdana Menteri kita telah membuat satu kenyataan yang sebaliknya iaitu dalam semangat yang lain, walaupun kita telah menandatangani persetujuan untuk sama-sama membebaskan pasaran automobil, Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan yang bercanggah dengan semangat ini iaitu kita akan mengkaji mengenakan kutipan-kutipan bukan cukai yang lain untuk memastikan bahawa kereta tempatan dapat kekal dengan persaingan yang tidak seimbang iaitu kereta-kereta yang diimport akan lebih berharga mahal.

Saya rasa dalam seperti yang telah dibangkitkan oleh Tambun, kenyataan ini akan membangkitkan rasa tidak puas hati negara-negara jiran kita yang lain terutama Thailand dan Indonesia. Saya telah bangkitkan dalam lima tahun yang lepas, Thailand telah berjaya membawa FDI ataupun pelaburan langsung asing dalam industri automobil sahaja sebanyak ASD1 bilion nilainya, berbanding dengan kita hanya RM40 juta dalam masa yang sama, dalam tempoh yang sama untuk industri automobil sahaja, dan ini menunjukkan satu jurang yang sangat besar dan bagaimana negara kita telah berjaya mempersiapkan diri mereka dalam persaingan industri automobil selepas daripada penghapusan perlindungan berupa tarif dan cukai yang lain seperti mana yang telah pun dipersetujui.

Mereka telah pun lama mengambil langkah menurunkan berperingkat-peringkat cukai terhadap kereta yang diimport dan komponen-komponen kereta yang diimport sebagai satu persiapan selain daripada persiapan-persiapan yang lain dan kerana itu mereka telah mendapat keyakinan daripada pelabur asing untuk melabur ASD1 bilion dalam masa lima tahun yang lepas.

Tetapi kita mengamalkan dasar perlindungan yang tidak berkesudahan, selain daripada kita selama ini mengamalkan dasar ini, tetapi selepas 2005 juga kita

menekankan ataupun menegaskan untuk mengenakan cara-cara lain untuk memastikan kereta yang diimport menjadi lebih mahal dan kereta yang dipasang dalam negeri dapat kekal dengan tidak menambahkan kecekapan mereka.

Mereka hanya kekal kerana dasar perlindungan dan bukan kerana kecekapan pasaran mereka, dan ini adalah satu perkara yang saya rasa adalah bercanggah dan menyebabkan Malaysia mundur ke belakang termasuk dalam perspektif kepuasan pengguna.

Kita semua tahu bahawa pengguna dalam laporan penjualan kereta motor bagi September dan Oktober menunjukkan penurunan yang sangat ketara, yang sangat drastik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Oh, terima kasih, sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada sahabat saya daripada Kubang Kerian. Adakah benar bahawa Malaysia tidak menggalakkan kecekapan, sedangkan kita sedang berusaha untuk bukan sahaja menambahkan kecekapan, malahan untuk menambahkan kita punya daya saing, *competitive edge* di dalam berhadapan dengan dunia yang sebahagiannya terbuka.

Jadi, sementara kita mahu lagi meneruskan perlindungan-perlindungan yang ada, semua apa *tariff barriers* dan sebagainya, kita adalah salah untuk mengatakan bahawa kerajaan tidak berusaha untuk meningkatkan kecekapan daya buruh ataupun kita punya *work force*. Saya minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Parit Sulong. Saya ucap takziah kepada Parit Sulong kerana baru sahaja digugurkan daripada Timbalan Pengerusi KUB satu jawatan yang saya kira prestij juga tetapi telah secara *restructuring* yang dipaksa menyebabkan beliau terundur dan saya faham beliau akan melepaskan peluru-peluru berpandu kepada Pengerusi KUB yang ada sekarang apabila tiba masanya.

Berkenaan dengan kecekapan, ia hanya dapat ditentukan melalui persaingan, kita tidak boleh kata ...*[Dewan bisung seketika]* Ya, ada penjasankah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, tidak ada, sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tidak ada. Kita tidak boleh kata kita cekap tanpa satu persaingan dan ini dibuktikan oleh apa yang telah berlaku seperti mana yang telah saya sebut tadi, mengapa Thailand boleh mendapatkan *investment* yang begitu besar, sedangkan negara kita hanya AS\$40 juta dalam masa lima tahun yang lepas.

Dan dalam konteks ini juga, tadi saya sebut kepuasan pengguna. Mereka telah mengikut statistik dalam bulan September dan Oktober, permintaan kereta motor telah menurun dengan agak besar, dan ini dikaitkan dengan semangat mereka untuk menunggu satu tahun lebih lagi bagi menunggu AFTA dan pada waktu itu, kereta Volvo akan menjadi lebih murah, kereta BMW akan menjadi lebih murah seperti yang dipakai oleh Parit Sulong akan menjadi begitu murah. Pada waktu itu dan kereta-kereta mewah yang lain juga akan menjadi lebih murah dan Ketua Menteri Melaka telah mencadangkan kereta-kereta mewah dibenarkan had laju yang melebihi 110 kilometer di lebuh raya kerana mereka mempunyai wang yang banyak dan kereta mereka adalah lebih besar dan tidak patut mempunyai had laju yang sama dengan kereta-kereta orang yang lebih miskin.

Itu perkara yang lain. Oleh kerana itu, pengguna menunggu kesempatan mendapatkan kereta yang lebih baik dengan harga yang lebih murah dalam persaingan antarabangsa yang terbuka, dan oleh kerana itu permintaan untuk kereta motor telah jatuh dan ini membuatkan kerajaan panik dan timbullah kenyataan bahawa kita akan meneruskan dasar perlindungan ini dan kita tidak pasti sama ada kita cekap ataupun tidak. Dalam konteks ini sahaja umpamanya, Petronas telah membangunkan satu jenis *prototype* daripada *engine sauber* dan saya difahamkan kosnya ialah melebihi RM250

juta, jika menteri ataupun timbalan menteri dapat menjelaskan apa akan jadi dengan *engine sauber* yang dibangunkan oleh Petronas ini dengan kos yang begitu besar. Adakah EON ataupun Proton akan menggunakan pakai *prototype* ini dan menggunakannya untuk mengeluarkan kereta daripada jenis *engine sauber* itu, ataupun Petronas tidak akan memasarkan *prototype* mereka kepada mana-mana pihak dan akan tinggal sebagai *prototype* dengan kos yang begitu besar dan ini akan membazirkan negara.

Oleh kerana itu, saya dapat lihat bahawa tidak ada satu *synergy* dan satu penyelarasan yang diatur, Petronas bagi pemegang saham dalam Proton dan pada masa yang sama telah diminta untuk keluar daripada *core business* nya iaitu petroleum dengan melibatkan diri termasuk dalam Formula 1 dan juga dalam industri kereta, adakah akhirnya kita tidak akan mencapai *synergy* itu dan meninggalkan Petronas tergantung-gantung dengan *prototype* nya dan akan membazirkan wang negara.

Persoalan-persoalan ini harus dijawab supaya satu kecekapan dapat dicapai dan pada masa yang sama, apabila Perdana Menteri telah mengumumkan perkara tersebut, ada kereta-kereta yang diimport telah mendapat keistimewaan, umpamanya kereta keluaran Kia yang diimport oleh Naza Motor, mereka saya difahamkan mendapat pengecualian ataupun *favour* bagi cukai jualan bagi kereta lazim 10%, mereka hanya dikenakan sebanyak 5%. Saya minta penjelasan adakah dakwaan ini benar ataupun tidak bahawa kereta-kereta KIA yang diimport oleh Naza hanya dikenakan cukai jualan sebanyak 5% walaupun kereta-kereta lain termasuk kereta Proton Saga dikenakan, kalau tidak silap saya 10% ataupun 13%.

Jadi, kalau ini berlaku dan ini benar dan saya yakin maklumat yang saya terima setakat ini adalah benar, ini menunjukkan bahawa kerajaan telah mengatakan satu *double standard* dan saya yakin bahawa kutipan untuk tabung-tabung tertentu dikutip melalui proses seperti ini dan ini adalah tidak wajar. Saya ingat Parit Sulong dan Sri Gading juga tidak bersetuju dengan langkah ini jika ianya benar-benar berlaku.

Kemudian saya beralih kepada isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan petroleum yang dikenakan dan juga berkenaan dengan satu seksyen baru yang dimasukkan iaitu Seksyen 6 Akta itu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan berikut iaitu:

'Menteri boleh dari masa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menetapkan duti-duti eksais yang hendaklah dilevi dan dibayar atas apa-apa barang di kilang dalam Malaysia, atau apa-apa barang diimport ke dalam Malaysia.'

Kita mengimport beras walaupun kita mengeluarkan beras tempatan dan nilai import kita dalam beras telah meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 1996, statistik yang terakhir yang saya ada ialah RM598 juta setahun beras diimport, dan pada tahun 1999 mengikut buku Laporan Tahunan BERNAS kepada BSKL, pada waktu itu import kita meningkat dengan begitu drastik sekali.

Persoalan yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan keselamatan bekalan makanan kita iaitu *food security* kita, terutama sekali beras. *Food security* telah menjadi satu tajuk yang begitu hangat dibincangkan di beberapa negara yang lain dan *food security* ini hanya akan dihargai apabila berlaku keadaan berikut; umpamanya perang - pada masa Perang Dunia Kedua dan kita ditawan oleh Jepun. Pada waktu itu berbangkit masalah kekurangan beras ataupun keadaan di mana apabila mata wang kita jatuh pada tahun 1997, 1998, jadi beras kita akan menjadi lebih mahal. Pada waktu itu kita akan terfikir tentang *food security* dan bagaimana hendak meningkatkan semula industri pertanian padi kita.

Pada waktu ini apa yang saya ingin sebut, apabila kita mengimport dengan begitu besar, dengan begitu berleluasa dan kita semua tahu bahawa mutu beras luar negara kadang-kadang jauh lebih baik daripada mutu kita dan dengan harga yang lebih murah, tentulah pengguna akan beralih kepada beras yang diimport dan pada masa yang sama BERNAS akan mendapat untung yang begitu mudah. Untung pada tahun 2001 seperti yang diisytiharkan ialah RM128 juta dan dividen ini dibahagikan kepada hanya 10 orang pemegang individu yang terbesar dalam BERNAS dan ini adalah satu perkara yang sangat mengejutkan.

Parit Sulong juga pernah menjadi kalau tidak silap saya, *Chairman* BERNAS pada satu masa. Boleh jadi dia lebih tahu daripada saya pemegang-pemegang saham itu, tetapi saya ada senarainya 10 pemegang individu yang terbesar melalui Syarikat

Budaya Generasi, Dohak bin Shafie yang juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah BERNAS mempunyai *share* yang paling besar. Dan Dohak untuk pengetahuan Dewan ialah adik ipar kepada Menteri Besar Perlis. Selain daripada Dohak ialah Norhaliza binti Dohak dan bila binti Dohak tentulah kita tahu bahawa ini adalah anak Dohak dan menjadi anak saudara kepada Menteri Besar Perlis.

Mereka merupakan pemegang saham yang terbesar dan untung daripada import beras ini dividennya, untung RM128 juta tadi dibahagi-bahagikan kepada pemegang-pemegang dividen. Sedangkan pada masa yang sama, beras ialah berkaitan dengan petani dan pesawah. Pesawah mengikut kajian Fatimah Arshad – Profesor daripada UPM merupakan di antara sektor masyarakat yang paling miskin di negara kita. Pendapatan mereka daripada hasil padi semusim ialah kadang-kadang sampai RM1,000 satu musim dan mereka merupakan golongan masyarakat yang paling miskin.

Tetapi dengan penswastan BERNAS dan dengan monopoli import yang diberikan oleh Menteri melalui kuasa-kuasa yang kita luluskan, adakah pada akhirnya akan memberikan manfaat kepada golongan yang paling miskin iaitu para petani padi. Jawabnya tidak! Kerana walaupun empat institusi ataupun agensi iaitu Persatuan/Kesatuan Peladang KADA, MADA serta NAFAS menjadi sebahagian daripada pemegang saham BERNAS tetapi percayalah bahawa dividen ini tidak akan sampai kepada petani yang menganggotai kesatuan-kesatuan ataupun agensi-agensi ini. Selain daripada....

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih. Bagus, bagus.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kubang Kerian ini telah pun jauh terpesong daripada paksi perbincangannya. Kalau kita membincangkan soal beras, kita bukan membincangkan soal pengeluar padi itu sendiri. Kita juga membincangkan soal pembeli beras itu. Jadi bermakna, ada *farmers* dan juga *consumers* dengan izin. Jadi kepentingan dua pihak harus diambil perimbangan. Jangan kita hanya melihat kepada kepentingan pihak pengeluar sahaja. Kepentingan pihak pengeluar padi di dalam negara ini telah pun diambil kira oleh pihak kerajaan dengan memberi subsidi-subsidi yang juga dibayar menerusi BERNAS dengan tugas BERNAS tanpa dibayar gaji oleh kerajaan.

Ia membayar subsidi kepada petani menerusi BERNAS kah ini? Itu satu. Tetapi pihak *consumers*, kita semua juga mesti diambil kira. Adakah Yang Berhormat mahu melihat harga beras di dalam negara melambung? Soal yang berkaitan dengan perut boleh menyebabkan peperangan Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta Kubang Kerian waras sedikit dalam perbincangan pada bulan puasa ini khususnya. Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada fahaman saya, saya masih waras. Saya pentingkan perkara ini ialah dalam perspektif.... saya belum habis hujah saya iaitu dalam perspektif *Self Sufficient Level* (SSL) iaitu jaya diri atau keperluan diri bagi sebuah negara dalam makanan yang paling penting ini sampai boleh perang kalau tidak ada nasi seperti kata Parit Sulong.

Pada tahun 70-an semasa Tun Razak, kita pernah sampai SSL kita ini - *achieved* SSL ini sampai 91% iaitu daya upaya kita mengeluarkan beras ialah 91% daripada keperluan negara. Ini statistik.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oh, teruskan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan, tetapi 91% berbanding dengan jumlah penduduk yang kecil pada ketika itu Yang Berhormat mesti sebut. Jangan 91% pada kadar penduduk yang rendah. Jadi sekarang ini kalau selepas merdeka bolehlah 91% pada kadar penduduk yang rendah. Kalau sekarang ini mungkin nampak rendah oleh kerana *population* basenya semakin meningkat. Jadi jangan kita melihat satu statistik secara statik sahaja. Kita mesti melihat kaitan statistik dengan *variable* yang berubah. Jangan kita dengan *fixed variable* sahaja. Ini tidak adil perbincangannya Tuan Yang di-Pertua

Satu lagi ialah mengenai soal *food security*. Soal *food security*, memang saya tahu soal *food security* pernah *diconference*kan di mana-mana pun tetapi adalah tidak wajar untuk sebuah negara menghebahkan soal *food security* nya kerana perkataan di situ adalah *secutity* – keselamatan. Keselamatan makanan. Itu rahsia. Berapa banyak stok beras kita simpan pun adalah rahsia kita. Takkan kita hendak hebah kepada seluruh dunia, oh kita menyimpan stok beras tiga tahun peperangan umpamanya. Itu satu perkara yang mustahil. Jadi saya minta Kubang Kerian, kita cakap...saya menerima setengah-setengah hujah Yang Berhormat, tetapi setengah-setengah hujah Yang Berhormat mengelirukan kita oleh kerana Yang Berhormat melihat perkara ini tanpa perkaitan dengan perkembangan yang lain. Macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian, minta pendekkan sedikit, perbincangan Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Minta Tuan Yang di-Pertua, tadi tidak ada had masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya minta 15 minit lagi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada had masa. Tadi masa saya

Tuan Yang di-Pertua: Tadi dihadkan dah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak, tak.

Tuan Yang di-Pertua: Setengah jam tadi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada? Kepongkah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, setengah jam tadi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Setengah jam? Saya ada berapa minit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sudah habis masa.

Tuan Husam bin Haji Musa: Habis dah? Tidak sempat jawablah Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua: Gulungkanlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *Stockpile*. *Stockpile* kita apabila kita swastakan beras

Tuan Yang di-Pertua: Gulungkanlah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ya. *Stockpile* kita, kita berikan percuma kepada BERNAS dan semua harta BERNAS diberikan dengan harga *nominal* RM1 sahaja. Tetapi tajuk ini menarik, saya boleh bincangkan, tetapi oleh kerana masa adalah singkat, yang saya pentingkan ialah apabila sekarang ini dalam DPN kita, kita hanya mencapai SSL kita, *target* kita hanya 65% dan ini ada turun naiknya. Kita tidak boleh kata *proportionate* dengan penduduk, tidak betul. Daripada segi statistik tidak betul. Ada masa kita tinggi, ada masa kita rendah. Walaupun statistik penduduk adalah meningkat pada asasnya, tetapi ada masa pengeluaran beras kita adalah begitu besar.

Mengikut statistik sekarang keluasan kawasan penanaman padi menurun begitu besar tetapi yang memudahkan BERNAS mencapai untung yang besar ialah dengan mengimport beras. Ini jalan yang paling mudah sekali. Sebab itu kesan sosialnya kepada para petani dan aspek lain tidak diambil kira. Kalau kerajaan mengambil kira kesan kepada sosial kepada para petani, mengapakah hanya 10 orang individu diberikan pemilikan saham yang paling besar dalam BERNAS melebihi mana-mana agensi kerajaan dan dimonopoli, dia dapat untung begitu mudah. Dan mereka membahagikan dividen. Masa saya tidak cukup untuk saya menjelaskan berapa Dohak mendapat dividen daripada BERNAS.

Adakah kita memperjuangkan nasib Dohak seorang? Dan kita mengorbankan *concept food security* yang kata Parit Sulong, dia tahu. Tahu sahaja tidak cukup. Dan kita mengorbankan nasib para petani dengan mengimport beras yang berleluasa. Yang saya maksudkan ialah kementerian ini harus memantau perjalanan BERNAS supaya importnya ialah *proportionate*. Dia tidak mendapat untung yang mudah dan cepat

dengan kuasa import monopoli yang diberikan oleh kerajaan kepada BERNAS. Itu hujah saya. Masa saya sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cukup? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Timbalan Menteri menjawab.

2.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak merakamkan berbilang-bersang terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat kerana telah sudi mengambil bahagian untuk membahaskan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Eksais 1976. Saya merakamkan ribuan terima kasih kerana banyak pandangan yang membina telah disuarakan dan saya akan cuba untuk menjawab seberapa boleh pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang mana saya tidak memberikan jawapan pada hari ini, kita akan mengambil perhatian atau kita akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Yang Berhormat bagi Kepong dan Bagan minta penjelasan berhubung dengan duti yang dibayar secara bantahan di bawah Seksyen 8A – Akta Eksais 1976. Untuk makluman Yang Berhormat, duti dibayar secara bantahan biasanya berbangkit daripada keadaan wujudnya pertikaian ataupun *dispute* dengan izin, daripada segi jenis penjenisan, penilaian dan lain-lain hal. Berkaitan dengan barangan yang diimport, maka dalam keadaan ini duti kena dibayar terlebih dahulu sebelum barang dilepas dari kawalan kastam. Ini juga adalah dilaksanakan demi kepentingan pengimport. Mengikut Seksyen 8B dalam kes duti dibayar secara bantahan, pegawai kastam berkenaan hendaklah mengemukakan laporan dalam tempoh 30 hari kepada Ketua Pengarah Kastam untuk keputusan.

Dan kadang-kadang terdapat kelewatan untuk ataupun dalam sesuatu keputusan ke atas barangan yang dibayar duti secara bantahan boleh berlaku dalam keadaan di mana barang terlibat adalah kompleks ataupun melibatkan aspek teknikal. Maka ianya perlu dirujuk kepada pakar-pakar tertentu seperti Jabatan Kimia, SIRIM, FRIM dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya kenapakah kebanyakan kain batik yang dijual di Langkawi datang dari Indonesia dan tiada batik tempatan. Saya tidak tahu sama ada kenyataan Yang Berhormat ini membayangkan keadaan yang sebenar di Langkawi. Walau bagaimanapun, tujuan penubuhan Pulau Langkawi sebagai pulau bebas cukai adalah untuk menarik para pelancong dari luar negara seperti dari negara jiran kita untuk membeli-belah di sana. Jadi barangan yang dijual di sana tentu sekali yang memenuhi cita rasa pembeli. Maka saya berpendapat bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong memang terdapat kain batik dari Indonesia tetapi saya tidak setuju bahawa tiada kain batik tempatan didapati di Pulau Langkawi.

Yang Berhormat bagi Kepong juga menyentuh tentang latihan penjenisan dan penilaian yang diberikan kepada para pegawai kastam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akademi Kastam mengendalikan kursus-kursus penjenisan dan penilaian setiap tahun. Di samping itu, pegawai-pegawai Jabatan Kastam juga menghadiri seminar/bengkel mengenai penjenisan dan penilaian yang dianjurkan oleh *World Custom Organization* dengan izin, dari masa ke semasa ke arah mempertingkatkan lagi kecekapan pegawai dalam kedua-dua aspek hal pengkastaman.

Mengenai kerahsiaan maklumat yang berkaitan dengan penilaian di bawah Seksyen 64A Fasal 33 adalah memastikan bahawa pegawai kastam tidak membocorkan maklumat perdagangan yang diberi oleh pihak pengimport bagi tujuan penilaian. Maklumat yang diperolehi adalah khusus untuk tujuan penilaian sahaja dan pihak kastam tidak boleh menyampaikan maklumat ini kepada lain-lain pihak khususnya kepada pengimport-pengimport yang lain atau pedagang yang lain.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya ataupun meminta penjelasan berkaitan dengan Fasal 32 berkaitan pewujudan Seksyen 62C yang baru. Peruntukan Fasal 62C adalah untuk menetapkan peraturan bagi mengemukakan bukti di mahkamah berhubung dengan jumlah duti timbal balas yang perlu dibayar.

Berkenaan dengan pungutan duti di Langkawi dan Tioman, Yang Berhormat bagi Kepong juga mengeluarkan perasaan risau tentang pengangkutan barang dari pulau bebas cukai ke kawasan utama kastam. Dalam perkara ini Jabatan Kastam memang sentiasa memberi perhatian yang cukup serius di atas segala aktiviti penyeludupan yang berlaku bukan sahaja di pulau bebas cukai, tetapi di semua, di seluruh negara.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya setakat mana CIA terlibat dengan urusan kastam Malaysia. Yang Berhormat bagi Kepong tidak harus bimbang dalam perkara ini, kerana setakat ini dan pada masa-masa depan juga kita yakin bahawa tiada penglibatan CIA dalam urusan pengkastaman Malaysia. Namun ada juga cadangan untuk menempatkan Pegawai Kastam Amerika di pelabuhan-pelabuhan bagi memeriksa barangan yang akan diekspor ke Amerika sahaja. Ini memang sudah ada cadangan di mana kita bersedia untuk memberikan pertimbangan.

Oleh kerana cadangan ini bertujuan untuk membantu pengekspor Malaysia supaya dagangan yang diekspor tidak menghadapi masalah semasa dagangan ini sampai ke Amerika Syarikat. Maka cadangan ini akan mendatangkan manfaat kepada pengekspor Malaysia. Maka kita bersedia untuk berbincang dengan pihak yang mengemukakan cadangan ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang bangun. Yang mana hendak bagi. Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai hal masalah bagi barang-barang yang akan diekspor ke Amerika Syarikat, apakah ianya melibatkan ke semua pelabuhan di Amerika Syarikat ataupun hanya melibatkan pelabuhan-pelabuhan di sebelah Pantai Barat Amerika Syarikat dari sudut barang-barang yang terlibat, kerana saya difahamkan mungkin tidak melibatkan kesemua pelabuhan. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Ahli Yang Berhormat, perkara untuk mengadakan *US Custom Officer* dengan izin memeriksa *container* untuk eksport dagangan ke US ini masih dalam perbincangan. Maka *detail* yang kita akan bincangkan ini belum dapat satu keputusan muktamad, maka saya tidak dapat memberikan maklumat lanjut dalam perkara ini.

Walau bagaimanapun saya hendak memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini kita sedia untuk berbincang, adalah untuk kepentingan pengekspor Malaysia untuk mengekspor barangan kepada Amerika Syarikat. Ini demi kepentingan rakyat Malaysia. Bukan demi kepentingan Amerika Syarikat.

Yang Berhormat bagi Tambun menyarankan supaya kerajaan mengkaji tentang kesan duti eksais ke atas SMI supaya SMI di Malaysia lebih kompetitif. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini duti eksais bukan dikenakan ke atas semua barangan buatan Malaysia tetapi cuma dikhususkan kepada empat kategori barangan sahaja iaitu:

- (i) kereta dan motosikal;
- (ii) minuman keras;
- (iii) rokok; dan
- (iv) *playing card*.

Empat jenis sahaja. Selain daripada itu, semua barangan buatan Malaysia memang tidak dikenakan duti eksais. Maka oleh itu duti eksais ini memang tidak melibatkan SMI.

Yang Berhormat bagi Tambun dan Kubang Kerian juga menyentuh tentang duti eksais ke atas alat *electrical* dan elektronik, setakat ini memang tiada sebarang kenaikan duti eksais dan seperti saya sebut tadi, barang *electrical* dan elektronik memang tidak tertakluk kepada duti eksais. Maka semua barangan elektronik dan

electrical yang dikeluarkan dalam negara ini memang tidak dikenakan duti eksais. Maka masalah ini memang tidak wujud.

Yang Berhormat bagi Tambun juga mencadangkan supaya kita mengenakan duti eksais ke atas automatif bagi mengawal alam sekitar. Cadangan ini adalah cadangan yang baik dan kita juga akan memberikan perhatian.

Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan perkara yang khusus di mana barangan yang ada kaitan dengan perubatan dan kesihatan diimport telah dikenakan duti dan syarikat yang berkenaan telah membayar duti di bawah *under protest* dan perkara ini Yang Berhormat telah mengemukakan kepada saya, dan saya akan memberikan perhatian yang khusus supaya saya memberikan jawapan dalam masa yang singkat kepada Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat kata *wooden spatulas* ini di bawah kod tarif 441700000 ini memang kena duti import. Tetapi kalau dia bukan *wooden*, kalau metal tidak ada duti import. Maka apa yang dikemukakan kepada saya, saya khuatir Yang Berhormat syarikat ini kena bayar duti import.

Walau bagaimanapun saya sedia untuk mengkaji secara menyeluruh dan sedalam-dalamnya perkara yang dikemukakan supaya saya boleh beri jawapan kepada Yang Berhormat sesingkat yang boleh.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang Seksyen 42A dan 42B berkenaan dengan pengisian borang ikrar import oleh penumpang. Untuk makluman Yang Berhormat, pengisian borang ikrar kastam dikenakan ke atas import melalui kargo sahaja. Maka import melalui bagasi cuma ikrar secara lisan sahaja. Kalau penumpang biasanya tidak dikehendaki untuk mengisi borang ikrar ini.

Untuk *green lane*, pegawai kastam, ini pengalaman Yang Berhormat sendiri di mana Yang Berhormat telah diminta supaya berbaris semula di barisan pemeriksaan. *Green lane* ini merupakan kemudahan untuk penumpang yang tiada mempunyai bagasi ataupun bagasi yang sedikit sahaja. Walau bagaimanapun pegawai kastam boleh di bawah peraturan meminta penumpang tertentu melalui pemeriksaan biasa jika pegawai berkenaan merasakan perlu. Ini memang di bawah peraturan pegawai kastam berhak untuk berbuat demikian.

Yang Berhormat bagi Bagan juga menyarankan supaya membenarkan Timbalan Menteri ataupun Ketua Pengarah untuk meremitkan duti eksais. Di bawah akta ini memang merupakan kuasa Menteri tetapi kuasa yang diberi kepada Menteri termasuk juga diberikan kepada Timbalan Menteri dan Menteri juga boleh mewakilkan ataupun *delegate* dengan izin, kuasa meremit ini kepada Ketua Pengarah bagi kes-kes tertentu dan ini memang sedang berlaku dalam pentadbiran kita ini.

Yang Berhormat bagi Bagan juga membangkitkan dengan barang transit untuk satu atau dua hari bagi mereka yang datang dari Indonesia yang menjadikan Pulau Pinang sebagai satu transit dan lepas itu pergi ke negara lain bila transit di Pulau Pinang membawa barang-barang, barangkali untuk kawan mereka di negara yang ketiga dan bila balik ke Indonesia juga menggunakan Pulau Pinang sebagai transit, maka adakah kemudahan gudang untuk menyimpan barang tersebut.

Pada masa ini kemudahan berkenaan tidak disediakan oleh kastam, tetapi perkhidmatan menyimpan barang-barang yang tidak bermaksud diikrarkan kepada kastam bolehlah disimpan dengan pihak berkuasa lapangan terbang. Ini tidak jadi satu masalah. Tetapi kastam tidak menyediakan kemudahan tersebut.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah seorang yang cukup prihatin, selalu mengambil peluang di Dewan ini untuk menyuarakan masalah-masalah rakyat. Kali ini sekali lagi telah membangkitkan suatu perkara mengenai pengeluaran lesen cukai perkhidmatan bagi perniagaan yang diperoleh lesen oleh Lembaga Pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut undang-undang cukai perkhidmatan, premis hanya boleh dilesenkan jika premis ini telah dilesenkan oleh Lembaga Pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan.

Mungkin perkara yang disebut oleh Yang Berhormat berlaku, mungkin disebabkan oleh masalah perlaksanaan, maka saya merayu kepada Yang Berhormat kalau ada kes-kes yang spesifik bolehlah dikemukakan kepada Jabatan Kastam ataupun kemukakan kepada saya dan saya sendiri akan mengarahkan pihak kastam supaya menjalankan siasatan dan langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang pengecualian duti eksais ke atas teksi untuk individu sahaja syarikat tidak diberikan pengecualian ini. Pada dasarnya pengecualian duti eksais atas teksi diberi kepada sesiapa yang mempunyai lesen teksi, maka sama ada orang perseorangan ataupun syarikat ataupun persatuan kalau sekiranya dilesenkan oleh pihak yang berkenaan untuk mempunyai teksi, maka teksi ini akan diberikan pengecualian duti eksais.

Maka perkara yang dibangkitkan kepada Yang Berhormat kalau sekiranya lesen ini telah dilesenkan tidak kira sama ada dia dilesenkan kepada orang perseorangan ataupun kepada syarikat ataupun persatuan. Teksi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini adalah dikecualikan daripada pembayaran duti eksais. Maka saya tidak nampak ada sebarang masalah dalam perkara ini tapi kalau masih ada masalah, saya juga akan memberikan jaminan kepada Yang Berhormat bahawa perkara ini boleh diselesaikan. Memang teksi untuk pengangkutan awam ini memang boleh diberikan pengecualian duti eksais.

Di sini saya juga hendak mengambil kesempatan untuk memberitahu Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Sri Gading dan juga Tambun pada hari semalam apabila membahaskan pindaan Akta Cukai Jualan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar merayu supaya kita memberikan pertimbangan untuk kita mengecualikan makanan-makanan seperti mi, kuetiau, mihun dan sebagainya. Saya telah juga mengadakan perbincangan serta-merta dengan pegawai-pegawai saya, yang juga cukup prihatin, dan kita akan membuat satu keputusan tidak lama lagi. Saya yakin bahawa boleh kita memberitahu satu berita baik kepada mereka, pengusaha-pengusaha dan rakyat Malaysia dalam perkara ini, mungkin sebagai satu hadiah raya dan kita akan membuat satu keputusan tidak lama lagi.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang mana dahulu Yang Berhormat, hendak bagi yang mana dahulu.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang mana satu idaman.

Dato' Chan Kong Choy: Gelang Patah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: MCA jugalah dulu. *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sangat prihatin tentang kepentingan orang ramai.

Semalam baru kita bahas, saya buat cadangan dan dapat sokongan kuat daripada Yang Berhormat bagi Tambun dan Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa ini bahan karbohidrat iaitu kuetiau, mi kuning, mihun adalah makanan yang penting untuk semua rakyat Malaysia kita, dan nampaknya walaupun Yang Berhormat tadi kata akan timbang, tapi nampaknya dari wajah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita akan berjaya, dapat mansuhkan cukai 5% di bawah Akta Cukai Jualan, yang mana semua pengusaha tidak akan dikenakan 5% kepada semua yang datang membeli kuetiau, mi kuning, mihun daripada mereka dan ini tidak akan menjadi beban kepada mereka dan amnya kepada para pengguna. Ini adalah satu kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang peka dan prihatin tentang kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga macam Gelang Patah..

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ulang baliklah *[Ketawa]* kita tidak ada masa, jangan ulang balik apa yang dikata.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak ulang balik Tuan Yang di-Pertua cuma menambah.

Tuan Yang di-Pertua: Tambah ya, tambahlah, yalah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya menambah saja seperti mana yang dikata oleh Gelang Patah pun hendak mengambil kesempatan Ramadan Al-Mubarak. Yalah maknanya terima kasih kepada Timbalan Menteri dan kementerianlah, dan saya rasa Menteri Kewanganlah bersama-sama dengan pegawai-pegawai Perbendaharaan, Kementerian Kewangan atas pengumuman yang menggembirakan ini dan kalau boleh raya hari sudah *start*lah, maknanya hari raya ini boleh teruslah, alang-alang kita hendak mansuhkan kita mansuhkan sebelum hari raya ini, jadi rakyat akan beli mi yang banyak dan apa-apa benda semua ini dengan banyak tanpa harga yang mahal dan ini akan menggembirakan rakyat.

Saya rasa orang PAS agak gementarlah dengan *[Ketawa]*Orang PAS bukan gembira dengan, dengan ... *[Disampuk]* Cerita ini pasal ini Kerajaan Barisan Nasional yang memang peka tentang masalah rakyat. Jadi diucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri, saya harap ini akan dapat dilaksanakan dengan seberapa segera. Terima kasih, saya menambah tadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Timbalan Menteri.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih kepada kedua-dua orang Yang Berhormat, yang begitu peka dengan kehendak dan juga kepentingan rakyat. Inilah cara Barisan Nasional memerintah selalu memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tanya bila diwartakan kawasan Rantau.....

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Gelang Patah, kita tidak ada masa yang cukup. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya lupa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya menggunakan kuasa saya tidak membenarkan kerana tidak ada masa ya. Sila dan teruskan.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bila kawasan Rantau Panjang diwartakan sebagai zon bebas dan untuk makluman Yang Berhormat kawasan Rantau Panjang telah pun diwartakan sebagai kawasan zon bebas mulai pada 1 Julai 2000. Yang Berhormat bertanya tentang kedudukan kawasan pembangunan bersama. Untuk makluman Yang Berhormat kawasan pembangunan bersama adalah satu kawasan yang dibangunkan bersama-sama oleh Malaysia dan negara Thai, tetapi telah diusahakan bersama dari aspek cari gali minyak dan gas, dan hasil di kawasan pembangunan bersama-sama ini akan dibahagikan sama rata antara kedua-dua negara selepas ditolak kos eksplorasi dan juga kos pengeluaran.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga bertanya sejauh mana persiapan kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Rantau Panjang ini, dan masalah yang disebut oleh Yang Berhormat ini telah pun dibawa ke pengetahuan pihak Majlis Daerah Pasir Mas, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak polis.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya mengenai duti eksais daripada barangan elektrik sedikit sahaja, perkara ini saya pun telah jawab tadi, duti eksais ke atas barangan elektrik telah pun dimansuhkan bagi tujuan untuk memastikan barangan yang dibuat dalam negara berdaya saing. Amaun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang ditunjukkan dalam buku anggaran adalah tunggakan yang masih dikutip sebelum pemansuhan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menyentuh tentang dasar perlindungan ke atas kereta dengan peneanaan lain-lain cukai dan perbuatan ini adalah bercanggah dengan semangat ASEAN. Kerajaan memang peka dengan semangat ASEAN dan apa-apa cukai yang akan dikenakan perlu dikenakan juga kepada kereta tempatan. Maka dengan itu masalah persaingan tidak dapat dielakkan oleh pengeluar kereta tempatan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga bangkit satu masalah iaitu kereta KIA yang diimport oleh NAZA telah dikenakan cukai jualan pada 5% sahaja. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, bahawa maklumat Yang Berhormat memang tidak tetap. Cukai jualan ke atas kereta adalah 10% termasuk kereta KIA yang diimport oleh pihak NAZA dan 10% ini adalah dikenakan kepada semua termasuk pengeluar

kereta tempatan termasuk proton. Tuan Yang di-Pertua itu saja yang dapat saya memberi penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Timbang dan Sukat 1972 dilaksanakan, ianya telah dipinda sebanyak tiga kali. Pindaan-pindaan tersebut telah dibuat bagi tujuan di antara lain:

- (i) untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan di dalam Akta ini selaras dengan kemajuan di dalam sistem unit antarabangsa iaitu S.I. Unit;
- ii) agar selaras dengan pembangunan semasa dalam bidang *legal metrology*;
- iii) meningkatkan kawal seliaan ke atas semua jenis alat timbang dan sukat di dalam aktiviti perniagaan yang sentiasa berkembang; dan
- iv) meningkatkan hukuman bagi kesalahan di bawah akta ini.

Berekoran dari keputusan kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan pengujian dan penentu sahan timbang dan sukat yang sekarang ini dijalankan oleh Bahagian Penguat Kuasa kementerian ini, cadangan pindaan kali ini adalah diperlukan untuk memberi laluan perundangan kepada program penswastakan tersebut.

Tujuan utama pindaan yang dicadangkan ialah untuk membuat peruntukan bagi menswastakan fungsi seseorang inspektor dan untuk membolehkan syarikat yang dilesenkan bagi menjalankan perkhidmatan berkaitan dengan pengujian penentu sahan, penandaan dengan cap pengesahan dan perakuan timbang dan sukat atau alat timbang dan sukat.

Rang Undang-Undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan, secara keseluruhannya mencadangkan tiga fasal

pindaan, iaitu yang berkaitan dengan kemasukan seksyen-seksyen baru 26A sehingga 26H, pindaan ke atas Seksyen 2 dan Seksyen 27.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memperkenalkan seksyen baru 26A adalah untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri untuk menswastakan fungsi seseorang inspektor atau melesenkan sesebuah syarikat untuk menjalankan tugas-tugas penswastaaan yang ditentukan iaitu untuk mengadakan perkhidmatan yang berhubung dengan pengujian penentuan, penandaan dengan cap pengesahan dan perakuan sebarang timbang dan sukat atau alat timbang dan sukat. Lesen yang dikeluarkan perlu mempunyai ciri-ciri tertentu seperti tempoh lesen, tahap prestasi yang perlu dipatuhi dan bayaran untuk lesen.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan seksyen baru 26B adalah bertujuan memberi kuasa autonomi kepada syarikat untuk memungut *fee* dan memiliki *fee* berkenaan. Seksyen berkenaan menetapkan bahawa segala *fee* bagi pelaksanaan fungsi dan perkhidmatan oleh syarikat berlesen berkenaan adalah perlu dipungut dan menjadi sebahagian hasil syarikat tersebut. Di antara perincian jenis pungutan *fee* yang terlibat adalah seperti berikut:

- i) *fee* bagi penentuan dan penentuan semula alat timbang dan sukat;
- ii) *fee* bagi tiap-tiap perakuan, penentuan yang dikeluarkan oleh inspektor timbang dan sukat;
- iii) *fee* bagi pinjaman timbang ujian atau sukat isi padu; dan
- iv) *fee* tambahan jika inspektor diminta mengadakan laporan pemeriksaan berkenaan sebarang timbang sukat atau alat timbang atau sukat.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan seksyen 26C pula adalah bertujuan untuk menentukan prosedur semakan *fee* yang dikenakan. Syarikat berlesen boleh mengemukakan satu memorandum kepada Menteri memohon perubahan pada *fee* yang sedia ada berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan perkhidmatannya.

Seksyen ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan atau menolak cadangan itu serta menimbangkan rayuan dalam masa tiga bulan dari penerimaan permohonan rayuan itu.

Sementara itu, pengenalan Seksyen 26D pula adalah bertujuan untuk memberi tanggungjawab kepada Menteri untuk meminda peraturan-peraturan berkaitan *fee* jika sekiranya beliau telah meluluskan sebarang perubahan *fee* berkenaan seperti mana yang telah disentuh di bawah Seksyen 26C di atas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Seksyen 26E pula adalah untuk memastikan syarikat yang mengambil alih tugas penswastaaan ini melaksanakan tugas-tugas berasaskan *standard* prestasi yang telah ditetapkan di dalam lesen. Di antara *standard* prestasi yang dimaksudkan ialah dari segi pematuhan *standard* perkhidmatan yang ditentukan dalam Akta Timbang dan Sukat 1972 serta peraturan-peraturan di bawahnya. Pemilikan *standard* kerja dan peralatan; keperluan pembukaan pejabat perkhidmatan di lokasi-lokasi yang ditetapkan dan lain-lain. Dalam hal ini, syarikat berkenaan perlu memberi perhatian sewajarnya kepada aspek-aspek kecekapan, perekonomian dan keselamatan.

Sementara itu, berasaskan peri pentingnya tugas-tugas pengawalseliaan dalam menentukan kejayaan perkhidmatan yang diswastakan, seksyen baru 26F yang diperkenalkan adalah bertujuan untuk memberi kuasa kawal selia kepada kementerian untuk memantau dan memastikan syarikat menjalankan tugas-tugas berasaskan syarat-syarat lesen. Di antara kuasa-kuasa yang diberi adalah:

- kuasa untuk memeriksa keadaan premis;
- kuasa untuk memeriksa dan menguji *standard*; dan
- kelengkapan yang digunakan;
- kuasa untuk memeriksa rekod dan dokumen dan lain-lain lagi.

Adalah diharapkan dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan ini, syarikat akan menjalankan tugas-tugas tersebut dengan lebih teliti, bertanggungjawab dan amanah demi kepentingan peniaga dan pengguna selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Seksyen 26G dan 26H pula adalah bertujuan untuk menentukan kuasa atau bentuk tindakan yang boleh diambil ke atas lesen syarikat yang melanggar syarat-syarat lesen atau mana-mana peruntukan Akta Timbang dan Sukat atau sebarang peraturan di bawahnya. Dalam hal ini, Menteri diberi kuasa untuk menggantung atau membatalkan lesen syarikat berkenaan. Keputusan yang akan dibuat oleh Menteri adalah bersifat muktamad dan *conclusive* selepas memberi peluang kepada syarikat untuk membuat *representative* dan dengan mengambil kira keseriusan pelanggaran tersebut serta kesannya kepada keselamatan dan kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cadangan pindaan-pindaan di atas, cadangan pindaan yang lain adalah berupa *consequential amendments* sahaja, seperti pindaan subseksyen 2(1) Akta tersebut untuk memasukkan takrif "syarikat berlesen" dan pindaan kepada nota di bawah bagi Seksyen 27.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

3.38 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil sedikit masa sahaja dalam Rang Undang-undang Akta Timbang dan Sukat 1972. Kalau dibaca Fasal 3 Akta 71 Seksyen 26A, 26B, 26C, 26D, 26E, 26F, 26G, ialah berkaitan hendak menswastakan kerja-kerja yang selama ini dijalankan oleh kerajaan. Apa faedahnya? Apa dia punya untung yang hendak diswastakan? Dan apakah terjamin bahawa penswastakan ini akan memberikan perkhidmatan yang tidak merugikan rakyat dalam erti kata rakyat tidak akan tertipu kerana mungkin nanti ada penyelewengan-penyelewengan di peringkat penswastakan ini, atau orang yang diberikan tugas ini yang tidak menjalankan tugasnya dengan amanah.

Timbang menipu ini, sukat menipu ini sudah cerita dari zaman dunia ini bermula. Saya harap ada benda-benda yang kerajaan kena buat, kena pikul. Ada benda-benda yang kerajaan sendiri mesti jalankan, sebagai sebuah kerajaan kita mempunyai kakitangan dan harus mempunyai kakitangan, bagi pihak rakyat dan kerajaan menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya dijalankan. Ini hendak menswastakan esok lama-kelamaan tutup kerajaan, kakitangan kerajaan semua berhenti pasal semua swasta.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pegawai-pegawai kerajaan ini semua akan berhenti, yalah semua swasta.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat berdiri.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan amat sealiran pandangan dengan Yang Berhormat Sri Gading sebab timbang dan sukat ini simbolnya daging. Daging hendak diswastakan, ini saya fikir suatu yang cukup menakutkan [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa] Ini sahabat saya, sahabat saya Tumpat yalah,... tapi daging lambang Barisan Nasional itu memang *special*, itu tidak boleh diswastakan dan tempat dia memang di situ sahajalah dan dia tidak ke lain, Tumpat dekat situ sahajalah duduk dia itu pun kalau nasib baiklah. Jadi maksud saya ini, apa faedahnya? Saya tidak nampak pula tadi, dihuraikan faedah-faedah dan

keuntungan kalau hanya hendak swastakan, saya takut ini hanya untuk kepentingan dan keuntungan 'segelintir orang'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah 'jari itu', sudah lama sangat sudah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dalam *inverted comma*. Saya takut hanya kerana itu sahaja, nanti ada satu dua kerat dan kerana kepentingan itu, maka satu agensi kerajaan yang sepatutnya memang kita amanahkan dia untuk menjalankan kerja penguat kuasa inspektor sukat dan timbang ini, jalanlah kerja. Sepatutnya kalau dia dibanyakkkan agaknya dan ditambahkan tenaga, diberikan dia kursus, diberikan dia pendedahan supaya kerja dia lebih berkesan dan lebih baik, daripada menguntungkan satu dua kerat, saya tidak nampak dalam pembentangan tadi, hujah kenapa dan mengapa? Perlu sangat diswastakan, itu yang saya tidak faham itu.

Jadi saya ingin penjelasan, nanti saya hendak menyokong atau tidak, tidak tahu ini tetapi dalam perbahasan ini begitulah rupa saya punya hujah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pasal saya nampak lagi lekas kita mesyuarat ini lagi lekas kita balik. Inilah sedikit sebanyak saya punya hujah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini Bukit Bintang. Ya, Bukit Bintang dahulu.

3.43 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang yang bernama Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk menswastakan fungsi seorang inspektor atau mengadakan perkhidmatan yang berhubung dengan pengujian, penentu sahan penandaan dengan cap pengesahan dan perakuan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat supaya dikendalikan oleh syarikat yang dilesenkan patut disambut baik oleh masyarakat terutama golongan peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini dilihat sebagai membantu golongan peniaga mengadakan perkhidmatan jualan yang cekap, bersih, cepat dan yang paling penting ialah mendapat kepercayaan para pelanggan. Selama ini perkhidmatan memeriksa menguji dan menentusahkan alat timbang dan sukat memerlukan masa yang lama, tidak cekap kerana kekurangan kemudahan dan kesetiaan oleh Kementerian.

Menerusi syarikat swasta ini saya percaya tugas inspektor timbang dan sukat ini akan lebih profesional dan cekap. Ini pun bergantung kepada jumlah bilangan syarikat yang dilesenkan oleh Kementerian bagi mengendalikan urusan sesebuah syarikat yang diberikan tugas, jika Kementerian hanya melesenkan satu syarikat monopoli atau melesenkan bilangan terhad bagi syarikat yang beroperasi, saya tidak nampak bahawa langkah menswastakan urusan ujian dan menentusahkan timbang dan sukat boleh lebih baik dari sebelumnya kerana syarikat lebih tertarik dalam mendapatkan keuntungan dengan *fee* ujian yang dikenakan. Untuk ini saya membantah jika Kementerian membenarkan *charge fee* yang tinggi, yang perlu dibayar oleh mana-mana peniaga yang menghantar alat timbang dan sukat mereka untuk diuji.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada potensi pemasaran yang sangat luas dan menguntungkan saya bimbang, syarikat yang dilesenkan hanya lebih tertarik mengenakan *charge* yang tinggi, saya lebih suka jika penswastakan perkhidmatan ini hendaklah dipecahkan mengikut kawasan operasi dengan penuh. Penubuhan syarikat dan cawangan di berbagai tempat bukan dimonopoli oleh sesebuah syarikat yang membuka cawangan di setiap negeri, tetapi peluang hendaklah diberikan kepada syarikat lain yang dilesenkan menurut zon utara, selatan, tengah dan timur. Alat timbang dan sukat ini semakin canggih dengan menggunakan komputer. Kini peniaga tidak perlu lagi menggunakan alat timbang seperti dacing seperti masa dahulu, namun demikian penipuan yang dilakukan oleh peniaga bukan tidak boleh berlaku, penipuan boleh berlaku tetapi tidak sekerap dahulu. Alat timbang dan sukat yang telah diubah saiz memang sukar dikenal pasti.

Untuk para pelanggan hanya pegawai pemeriksa Kementerian yang boleh mengesahkan sama ada alat timbang dan sukat itu sudah diubah suai atau dipinda. Ini berlaku kerana kesilapan dan pihak Kementerian sendiri yang jarang membuat pemeriksaan. Alat timbang bacaan pun boleh diubah jika peniaga mahu melakukannya.

Saya berkata demikian ialah untuk menggesa kementerian dan syarikat yang bakal dilesenkan ini supaya membuat pemeriksaan lebih kerap ke kawasan pasar, kedai malah stesen minyak sendiri serta teksi-teksi yang sedang beroperasi. Akibat kelemahan inilah maka penipuan terus berlaku.

Bagi pelanggan yang mengambil berat ke atas pemberiannya, mereka akan membuat timbangan dan menyukat semula di tempat lain, tetapi cara ini sering menimbulkan perbalahan antara peniaga dan pelanggan tentang kesan timbangan dan sukatan semula.

Tuan Yang di-Pertua, langkah terbaik ialah dengan mengadakan kaunter ujian semula bagi barang-barang yang dibeli oleh para pelanggan. Jika mereka tidak berpuas hati dan mengesyaki, mereka boleh mengadakan dengan percuma, mudah dan tidak melalui susah payah, maka bertambah mudahlah pihak kementerian dan syarikat yang diberi kuasa menanganai kesalahan ini.

Dengan ini adalah mustahak kaunter atau pusat aduan dibuka lebih banyak di setiap pasar raya, kawasan-kawasan sesak dengan perniagaan bukan sekadar aduan boleh dibuat tetapi penguatkuasaan lebih segera hendaklah dilakukan ke atas para peniaga yang melakukan kesalahan.

Di samping itu perkhidmatan menguji dan menentusahkan alat timbang dan sukut hendaklah dipercepat. Para peniaga tidak perlu untuk menunggu terlalu lama, bagi peniaga kecil memiliki lebih dari satu alat timbang dan sukut memerlukan belanja yang besar jika tempoh ujian memakan masa yang lama ini akan menjejaskan urusan perniagaan mereka. Bagi alat timbang elektronik ia hendaklah diperiksa lebih kerap dan rapi supaya ia berkeadaan baik bila diguna pakai. Alat timbang dan sukut elektronik yang kerap rosak atau melalui bacaan dan sukatan adalah perkara yang biasa. Sebagai mana mesin mengira elektronik mudah rosak, hal yang sama berlaku ke atas alat timbang dan sukut elektronik masing-masing mempunyai tempoh hayat penggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tekan di sini ialah bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat swasta ini janganlah terlalu tinggi. Kadar bayaran hendaklah tidak jauh dengan kadar yang ditetapkan kementerian sekarang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau dulu, Tebrau.

3.52 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil masa yang singkat sahaja untuk membahaskan pindaan Akta Timbang dan Sukat 1972 (Pindaan 2002) dalam Fasal 3 seksyen 26B, C, D dan F. Saya harap dengan ada pindaan akta ini dan tujuan kerajaan saya ingat adalah niat yang baik untuk mengemas kini lagi Akta Timbang dan Sukat ini. Cuma saya setuju dengan rakan saya daripada Bukit Bintang dalam masalah bila pelaksanaan dibuat oleh pihak kementerian dalam hendak menentukan jaminan timbang dan sukut itu betul-betul mengikut syarat dan peraturan dan tidak disalahgunakan sebab alat sukut ini boleh diubah oleh manusia. Kadang-kadang kita tidak tahu dalam jangka tertentu timbangan-timbangan ini pun akan berubah.

Jadi, dengan adanya pelantikan untuk diswastakan perkara ini saya harap kementerian meneghaskan. Saya tidak tahu jangka masa satu-satu timbang itu boleh digunakan. Ini timbang biasa dia boleh silap dalam bila-bila masa sahaja kita tidak ketahui. Saya tengok kakitangan yang memeriksa alat sukut ini saya tidak nampak sangatlah. Sejauh ini pasar raya dan kompleks besar-besar telah dibangunkan begitu pesat sekali dan menggunakan alat yang banyak tetapi yang memeriksa ini saya banyak kali pergi ke pasar-pasar raya dan saya tidak pernah satu ketika ternampak pegawai yang memeriksa alat ini terutama yang menggunakan elektrik atau digital ini. Selalu kalau kita beli dia akan letak sahaja kalau kita beli buah anggurkah, buah apakah dia akan mengenakan tekanan jadi dia keluarkan harga sahaja. Jadi, nampaklah harga itu kalau RM4, RM8lah.

Jadi, dalam pertimbangan ini berapa lama mesin itu boleh dijamin mengikut syarat yang betul timbangannya. Sebab maknanyalah orang ramai ini tidak semua kadang-kadang faham dalam bahagian ini tetapi kita juga kenalah supaya pengguna

atau pembeli tidak tersilap, disilapkan atau disalahgunakan dalam masalah timbangan. Kita kena curiga sebab perniagaan ini saya tidak hendak timbullah ada penipuan dan sebagainya. Ini sebagai waspada oleh pihak kementerian kerana tujuan pindaan ini untuk kebaikan.

Begitu juga dengan timbang yang dibuat di pasar kita beli menggunakan timbangan yang lain kita menggunakan timbang kilogram. Jadi, maknanya kita letak barang kita tengok berapa berat dan kita nampak. Kalau orang biasa beli, orang ramai beli dia nampak harga berat barang itu. Kalau di situ tulis 500 gram RM22 maka pembeli dan pengguna nampak yang elektronik ini sikit. Saya tidak nampak bila pegawai kementerian ini buat *surprise check* pergi ke *pasar raya*. Saya nampak kalau kawasan saya dekat lapan atau sembilan *supermarket* yang besar-besar yang dibina di kawasan saya tetapi dari segi pengawasan dalam hendak menjamin timbangan itu mengikut sebagaimana asal, ini saya hendak tanya dari segi penguatkuasaan yang dibuat oleh kementerian ini.

Jadi, saya cuma harap tujuan dan pindaan ini adalah baik, cuma dari segi kakitangan dan penguatkuasaan hendaklah diambil perhatian dan di *check* selalu. Cuma tempoh penggunaan itu tidak tahu berapa lama yang dihadkan oleh kementerian kepada setiap penjual dan di pasar-pasar raya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat.

3.55 ptg.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ingin membahaskan mengenai cadangan untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 ini. Saya sealiran dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading dari segi melihat bahawa sebenarnya adalah tidak perlu untuk kita menswastakan kerja-kerja dan tugas-tugas timbang dan sukat yang setakat hari ini dijalankan oleh kementerian ini sendiri.

Rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bertujuan jelas untuk menswastakan tugas-tugas timbang dan sukat ini. Sebagaimana yang kita maklum banyak projek yang diswastakan yang sepatutnya sesuai kalau difikirkan dari sudut objektifnya diswastakan sebab ianya memang bersifat perniagaan seperti syarikat *Malaysia Airlines System (MAS)*, seperti syarikat kenderaan untuk Kuala Lumpur seperti LRT, itu pun gagal. Kemudian kita lihat pula contoh yang mungkin tidak perlu diswastakan seperti Indah Water yang menguruskan sisa domestik, sisa kilang dan sebagainya itu juga gagal. Jadi, saya melihat bahawa timbang dan sukat ini dalam golongan seperti Indah Water yang sebenarnya memberi khidmat kepada masyarakat, kepada semua rakyat yang sebenarnya seharusnya kekal dianggap sebagai satu tugas penting dan pokok kepada kerajaan sesebuah negara.

Jadi, keputusan untuk sekarang ini menswastakan pula timbang dan sukat oleh kerajaan pada saya adalah amat mendukacitakan. Berbanding dengan contoh-contoh yang disebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, timbang dan sukat ini sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah sebut terlalu amat rapat dengan semua kita ini. Kiraan panas sejuaknya Dewan ini, kiraan waktu kita bermula Dewan dan tutup Dewan masa semuanya dalam golongan dan perkiraan timbang dan sukat. Waktu kita mula puasa dan tamat puasa adalah timbang dan sukat. Semua ini yang melibatkan kita semua dalam sehari-harian sekarang ini dengan keputusan yang akan dibuat ini hendak diswastakan. Pada saya ini satu keputusan yang besar yang akan akhirnya merugikan rakyat sebab kemungkinan-kemungkinan ianya disalahgunakan amat mudah untuk berlaku.

Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, kita telah ada dalam negara kita dalam sistem pentadbiran kerajaan kita suatu institusi yang penting yang mustahak dan yang pada kita dilihat dapat menjalankan tugasnya setakat ini dengan baik iaitu SIRIM. SIRIM ini telah banyak melaksanakan tugasnya termasuklah menentukan piawai-piawai atau *standards*, dengan izin, dalam negara kita ini. Maka saya fikir kalau kementerian ini tidak berminat lagi untuk mengendalikannya hal ehwal timbang dan sukat ini pindahkan sahaja kepada SIRIM, kepada kementerian yang lain. Saya fikir tindakan hendak menswastakan ini saya fikir amat bermotifkan yang tidak menguntungkan rakyat. Walhal sudah ada agensi kerajaan yang sudah dapat menjalankan tugasnya dengan

baik dan kita tidak dengar banyak masalah dengan SIRIM dan SIRIM memang sebahagiannya melakukan tugas dan tanggungjawab ini.

Jadi, daripada kita swastakan kenapa pula tidak kita pindahkan sahaja tugas seperti ini kepada SIRIM dan biarlah SIRIM menjadi orang baik "*White Knight*", dengan izin, istilah korporat, yang mengambil alih tugas yang nampaknya cukup tidak mahu dilakukan oleh kementerian ini. Kecualilah dalam bulan baik ini saya fikir kurang baik dan memikirkan bahawa ada kepentingan-kepentingan tertentu untuk menswastakan tugas ini. Ada minat-minat tertentu untuk menjadikan syarikat baru yang akan memegang saham dalam syarikat yang hendak diswastakan ini.

Ini kebimbangan kita. Dan, saya harap kepentingan-kepentingan seperti ini, kepentingan pihak-pihak tertentu dalam urusan perniagaan seperti ini tidak dilebihutamakan berbanding dengan pentingnya seluruh rakyat yang akan terkena nanti jika ianya disalahjalankan oleh syarikat yang diswastakan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada bahagian Fasal 26(h)(5) - keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif. Sekali lagi kalaulah andainya kita terima, ini saya harap Setiausaha Parlimen tidak tidur, yang menjaga undang-undang sebab ini adalah menafikan peranan undang-undang, menafikan peranan mahkamah yang mana sepatutnya mahkamah kekal ada peranan dan kuasa untuk *review*, dengan izin, untuk memberi pertimbangan yang terakhir dalam semua masalah dalam negara kita ini.

Amatlah tidak patut bahawa ada suatu klausa yang menyebut bahawa apa yang merupakan keputusan Menteri itu muktamad dan konklusif. Saya fikir kerajaan kita banyak sekali mengatakan kita ini berlandaskan kepada, dengan izin, *rule of law*, maknanya keluhuran undang-undang dan Perlembagaan. Oleh itu, janganlah kita menyalahgunakan sekali lagi prinsip *rule of law* itu dengan menggantikannya kepada *rule of the Minister*, dengan izin.

Jadi, inilah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah dahulu.

4.04 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bahas tentang pindaan kepada Akta Timbang dan Sukat 1972, yang mana saya dapati dengan pindaan Akta 71 ini ada satu kebimbangan kepada saya dan saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah ini boleh diibaratkan seperti pihak kerajaan mengkormersialkan bidang penguatkuasaan kepada pihak swasta kerana tujuan mengadakan seksyen baru 26A hingga H adalah bagi menswastakan fungsi seseorang inspektor atau mengadakan perkhidmatan yang berhubungan dengan ujian penentusahan, penandaan dengan cop pengesahan dan perakuan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat.

Sebelum ini perkhidmatan ini dilaksanakan oleh inspektor yang merupakan pegawai unit metrik Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ini saya dapati seperti kita swastakan penguatkuasaan undang-undang kepada pihak syarikat dan kemungkinan ini akan mendatangkan satu masalah kelak bila pindaan ini diluluskan. Sama ada pihak kementerian akan dapat kawal dengan efisien bahawa pihak syarikat yang dilesenkan akan dapat menjalankan tugas mereka dengan cekap dan amanah dan dapat mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang lebih baik daripada semasa yang dijalankan oleh pihak inspektor di bawah kementerian.

Saya ingin tahu apakah kelayakan pemegang lesen, yang mana akan dilesenkan oleh pihak kementerian dan fungsi-fungsi mereka termasuk sama ada *fee* akan lebih tinggi daripada apa yang dikenakan pada masa dahulu. Ini adalah soalan-soalan yang saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapati seperti kita menswastakan pembedaan kepada pihak IWK, pada masa dahulu ini adalah fungsi utama pihak berkuasa tempatan dan ini telah mendatangkan kegagalan dan pihak kerajaan telah ambil balik IWK dan sekarang menghadapi masalah hutang yang tinggi kerana ramai pengguna enggan bayar sampai perlu berikan surat notis daripada peguam swasta dan

telah mendatangkan kesan yang buruk kerana dapat banyak kritikan daripada pengguna kerana caj sangat tinggi.

Yang kedua, pihak berkuasa tempatan menguruskan kerja pembersihan parit, sampah sarap dan lain-lain dan pihak kerajaan pun ingin walaupun undang-undang belum diwujudkan, ingin menswastakan pengurusan sisa pepejal seperti pada masa sekarang di Kuala Lumpur, diuruskan oleh Alam Flora; di Johor Bahru diuruskan oleh *Southern Waste Management*, pun memang ada masalah, perlu diberi banyak subsidi oleh pihak kerajaan. Subsidi ini adalah wang rakyat.

Kita dapati bahawa bidang atau tugas yang utama pihak berkuasa tempatan dalam pembetulan dan sisa pepejal kita hendak swastakan. Pihak berkuasa tempatan sudah menjadi cuma satu badan penguatkuasaan. Sebenarnya bila kita adakan pihak berkuasa tempatan memang fungsi utama mereka adalah seperti yang saya katakan tadi dalam kerja pembersihan, pembetulan dan lain-lain. Dan bila diswastakan mereka cuma jadi satu jabatan kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang sahaja dan sudah tinggalkan fungsi utama mereka.

Apabila Kementerian Pengangkutan menswastakan kepada PUSPAKOM untuk pemeriksaan kereta, itu pun mendatangkan masalah. Oleh kerana masalah masa, saya tidak mahu sentuh banyak, ini PUSPAKOM pun ada masalah.

Satu lagi perkara yang mana untuk mendapatkan sijil halal. Pada suatu masa diswastakan, *fee* yang dikenakan oleh syarikat yang diberikan lesen oleh pihak kerajaan adalah amat tinggi dan pihak kerajaan atas desakan orang ramai sudah ambil balik kuasa itu dan sekarang boleh dikatakan perkara ini dapat diselesaikan tetapi ini adalah satu pengalaman iaitu swastakan kemudian nampak tidak seronok, ambil balik.

Sebab itu saya bimbang kemungkinan bila pindaan ini diluluskan dan syarikat dipilih untuk lesen menjalankan kerja pemeriksaan atau dan mengadakan perkhidmatan timbang dan sukat ini akan mendatangkan satu masalah yang mana *fee* akan lebih tinggi daripada yang dahulu dan ini satu perkara yang saya harap pihak kerajaan terutama kementerian perlu timbang tentang hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang sama ada peraturan-peraturan tertentu akibat pindaan Akta Timbang dan Sukat ini akan diadakan supaya kita akan dapat mendatangkan kawalan yang baik dan efisien kepada syarikat-syarikat yang akan menjalankan perkhidmatan ini dan lagi satu adalah kuasa kepada Ketua Inspektor untuk periksa dan buat cadangan kepada pihak Menteri jika didapati ada syarat-syarat yang dilanggar oleh syarikat berlesen itu dan syarikat itu perlu buat satu presentasi berkenaan sebelum lesen mereka dibatalkan.

Ini adalah perkara yang kita hari ini dalam Akta Ibu ini memang kita patut tahu bagaimana peraturan-peraturan yang akan datang. Saya harap selepas pindaan ini diluluskan, kita perlu memperketat peraturan-peraturan tertentu supaya kita dapat mengadakan satu penguatkuasaan undang-undang dan kualiti perkhidmatan yang baik melalui Akta Timbang dan Sukat untuk negara kita ini.

Dengan kata-kata yang demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Kota Melaka.

4.13 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ambil sedikit masa sahaja. Saya juga ingin meminta kementerian untuk menjelaskan tujuan untuk menswastakan perkhidmatan yang dijalankan oleh Unit Metrik Bahagian Penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000, kementerian telah mengarahkan supaya "*two-face spring scale*", kalau tidak silap dalam Bahasa Malaysia bermakna, neraca dua muka akan digunakan pada 1 Januari 2001 dan pada masa itu mengikut statistik yang dipunyai oleh kementerian pada tahun 1999, sebanyak 238,592 buah *scale* satu *face* masih wujud di pasaran. Jadi apabila kementerian membuat keputusan itu telah menimbulkan banyak sekali kekeliruan dan juga kebimbangan. Apakah sebabnya kementerian telah membuat hukuman yang begitu, dengan izin, *hasty*

menyebabkan walaupun nampaknya kementerian tidak begitu bersedia tetapi memang begitu tegas hendak melaksanakan keputusannya.

Jadi ada khabar angin mengatakan bahawa nampaknya kementerian telah dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan yang berpengaruh. Saya tidak ada bukti dan saya tanya kalau inilah yang menjadi kebimbangan rakyat yang mengesyaki bahawa ada sesuatu yang menyebabkan keputusan yang tidak munasabah dilaksanakan maka rakyat akan hilang keyakinan terhadap kerajaan. Jadi pada masa itu keputusan telah dilaksanakan walaupun dalam pasaran atau *in market* memang terdapat *shortage* kekurangan perbekalan *two-face scale* dan pada masa itu juga tidak ada langsung pembekalan *two-face scale* dalam kapasiti 1, 2 dan 3 kilogram.

Jadi memang begitu jelas sekali pada masa itu tidak ada langsung pembekalan *scale* dalam kapasiti ini, apakah sebabnya kementerian begitu tergesa-gesa hendak melaksanakan satu peraturan atau keputusan yang boleh menyusahkan rakyat? Itulah yang saya hendak tanya sebab saya tahu dalam Malaysia memang wujudnya *lobbyist* yang begitu *powerful* sekali, yang kuat sekali dalam Malaysia. Saya masih ingat Yang Berhormat bagi Tumpat telah mengatakan bahawa kalau menteri-menteri MCA dikenakan matlamat untuk memungut wang, seorang menteri berapa? Dua juta daripada sumber-sumber untuk menjayakan hutang. Maka apakah pengaruhnya terhadap polisi kerajaan?

Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, di negara lain SPR tidak menentukan berapakah perbelanjaan yang boleh digunakan dalam pilihan raya tetapi berapakah mereka boleh pungut oleh kerana atas satu prinsip bahawa kerajaan atau menteri-menteri tidak boleh dipengaruhi oleh penyumbang-penyumbang. Jadi, saya khuatir dalam konteks ini bahawa kalau kerajaan tidak boleh menjelaskan apakah tujuan untuk menswastakan maka kita takut ada apa yang akan berlaku.

Saya bagi satu contoh untuk mengakhiri ucapan saya. Kita telah diberikan, Ahli-ahli Parlimen kalau tidak silap bulan Disember lalu telah diberikan hanya dua hari notis sahaja Tuan Yang di-Pertua, untuk membincangkan dan membahaskan satu rang undang-undang yang begitu tebal. *I think it's a new Housing Development Act*, dua hari sahaja notis yang diberi, saya bantah. Tetapi apa boleh buat, kita turut mengambil bahagian untuk membahaskan undang-undang itu. Apa yang terjadi kepada undang-undang itu pada hari ini? Walaupun diwartakan, menteri tidak ada *sign, no effect*. Pada masa itu kita kena bahas dengan cepatnya, dua hari notis oleh kerana hendak melindungi kepentingan rakyat tetapi sampai hari ini dekat setahun menteri tidak mahu *sign*.

Dahulu pun, Tuan Yang di-Pertua, apabila bekas Menteri Perumahan ada pergaduhan dengan MCA, beliau telah mendedahkan yang saya kata pagi tadi bahawa walaupun Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang *Housing Development Act* tetapi proses untukewartakan dilengah-lengahkan, dilambat-lambatkan oleh kerana Presiden MCA mengatakan kepada Datuk....., "*Do you know who are the largest financial contributors to MCA?*" Itulah yang saya takut Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia ramai *lobbyist* dan kita tidak nampak tetapi orang-orang ini memainkan peranan atau pengaruh yang begitu kuat kemungkinan terhadap polisi-polisi kerajaan. Jadi saya minta, saya sokong Yang Berhormat bagi Sri Gading di hari yang terakhir menjelaskan apakah tujuan kita hendak menswastakan satu perkhidmatan yang pada saya *it's a sure gain services* oleh kerana ini undang-undang, semua orang kena pergi memperbaharui lesen itu.

Jadi saya kalau boleh semua orang pun hendak dapatkan kontrak ini sebab ini memang tidak akan rugi. Jadi sila berikan sebab-sebab dan tujuannya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar.

4.18 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian persoalan yang amat *basic* sekali. Apakah penswastakan ini akan mendatangkan perkhidmatan yang jauh lebih baik daripada apa yang kita ada sekarang ini? Ini adalah soalan yang

berbangkit daripada perkhidmatan yang bakal kita bagi kepada syarikat yang mengambil alih tanggungjawab ini nanti.

Di bawah Seksyen 26A sudah pasti tugas-tugas dan lesen yang diberi itu untuk pengujian menentusahkan, saya baca dalam bahasa Inggeris, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, "*stamping, testing, verification, authentication or certification of any weight or measures or instrument for weighing or measuring for the purposes of Part III*".

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, syarikat ini mestilah mempunyai satu kapasiti yang canggih, satu kapasiti yang tinggi, satu kapasiti yang mungkin kementerian itu sendiri tidak mempunyai. Jadi kalau syarikat ini tidak boleh menandingi prestasi yang wujud ataupun ada pada masa ini, dengan sendirinya *exercise* untuk menswastakan perkhidmatan ini adalah *exercise* kerana memberi perkhidmatan satu lagi *business* kepada pihak-pihak yang tertentu.

Jadi oleh kerana saya juga berasa sangsi tetapi walau bagaimanapun saya bersetuju kalau perkhidmatan kementerian *short-handed* ataupun mungkin tidak boleh mewujudkan instrumen untuk *stamping, authentication or certification, notification, stultification, testing, verification* ini tidak menandingi atau tidak boleh membeli dengan *cost effectiveness* benda-benda yang tidak hendak digunakan oleh kerajaan kerana banyak mesin dan *measures* sekarang untuk *weighing* dan *measures* sekarang yang mungkin *sophisticated* yang perlu kita *verify* dari masa ke semasa dan perlu instrumen-instrumen yang lebih canggih atau mesin yang lebih canggih lagi untuk menguji dan menentukannya.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya bersetuju dengan kerajaan untuk menswastakannya. Tetapi kerajaan mestilah memastikan bahawa syarikat ini tadi nanti bukan syarikat yang hanya *two-dollar company*, mungkin mempunyai latar belakang yang tidak menentu, jurutera mungkin dua tahun atau tiga tahun dalam praktis tetapi buat syarikat dua ringgit dan beri *privatization* kepadanya. Jadi, ini tidak akan mendatangkan hasil dan matlamat yang dituju oleh pihak kerajaan. Jadi, saya berharap sangatlah supaya penentuan ini pasti.

Yang keduanya, saya juga ingin menyentuh persoalan yang mana pihak menteri dikehendaki membuat garis panduan, *rules* dan *regulation* di bawah undang-undang ini kepada syarikat ini nanti. Kita juga kena memandangi tinggi *rules* dan *regulation* yang diguna pakai oleh pihak negara-negara yang jauh lebih maju daripada persoalan *testing, authentication or certification of any weight or measure or instrument for weighing or measuring* ini di negara lain.

Jadi, jangan kita hendak buat sebarang kerana kita melihat semua tindakan ini nanti ada *effect* yang jauh ataupun *far reaching effects* kepada masyarakat keseluruhannya dari segi keselamatan dan kepentingan masyarakat umum. Dalam keadaan sedemikian, kepentingan masyarakat adalah amat penting sekali untuk kita jaga kerana saya tahu apa sahaja mesin sama ada untuk menyukat atau menimbang ada batasan-batasan yang tertentu dan sukatan masa yang tertentu di mana mesin ini boleh berfungsi dengan cepat dan tepat. Kalau tidak, mesin ini akan mendatangkan sukatan ataupun timbangan yang tidak menentu.

Jadi, ada sebilangan mahkamah menunjukkan bahawa pendapat mahkamah mengatakan bahawa alat sukatan mesti dibuat pemeriksaan tiap-tiap enam bulan sekali kalau mereka mahu mendapat kepastian. Jadi, dalam keadaan sedemikian, pendapat-pendapat mahkamah yang boleh dikatakan sebagai satu *wisdom* yang telah *tested wisdom* ini patutlah diambil kira sebelum membuat satu-satu perundangan yang sedemikian ataupun *rules* dan *regulation* di bawah undang-undang ini nanti.

Jadi, melihatkan keperluan masyarakat umum jauh lebih penting daripada sesiapa, jauh lebih penting kepada syarikat ini nanti, jadi di dalam keadaan sedemikian saya berselisih pendapat dengan Yang Berhormat tadi mengatakan *the rules of law, decision of the Minister under this section shall be final and conclusive*. Jadi, saya bersetuju bahawa sub para ini sepatutnya diwujudkan. Oleh kerana kita tidak hendak keputusan Menteri itu nanti dicabar begitu rupa sehinggalah menteri itu menjadi tidak berfungsi kerana keputusan ini adalah berlandaskan kepada dua seksyen sahaja iaitu seksyen 36 dan seksyen 26G dan 26H. Jadi, ini ada hubung kait dengan keselamatan dan faedah orang ramai, kepentingan orang ramai. Jadi, ini tidak boleh dipermainkan.

Kalau keputusan Menteri ini boleh dicabar begitu rupa, dibawa ke mahkamah dan sebagainya, dengan sendirinya keputusan Menteri yang mungkin akan menjaga kepentingan orang ramai nanti akan boleh dicabar di mahkamah dan boleh dipanjang-panjangkan di mahkamah. Dalam masa yang sama, apa akan terjadi kepada penyelewengan yang dibuat oleh pihak syarikat kerana di bawah seksyen 26 ini menentukan bahawa kalau syarat lesen ini diganggu-gugat oleh pihak syarikat ini, kementerian bertindak sedemikian. Jadi, kita tidak hendak bahawa syarikat akan terbabit oleh kerana Menteri telah dibawa ke mahkamah ataupun dihalang membuat keputusan seberapa cepat yang boleh.

Dalam konteks ini juga saya merasa sangsi sedikit kalau dilihat di bawah seksyen 26(2)(b) yang menetapkan masa *not being less than thirty days from the date of the notice*. Bila ini *not less than thirty days*, maknanya dia punya skop masa itu *verge*. Panjang boleh, pendek tidak boleh. Patutnya kita pendekkan sahaja, jangan panjangkan, ini masa tidak boleh kita buka. *Open-ended* masa ini tidak mendatangkan hasil yang baik. Walaupun keputusan Menteri itu *final* tetapi kalau masa itu *open-ended*, jadi dengan sendirinya matlamat undang-undang itu sendiri tidak mencapai kecepatan yang perlu yang hendak kita rangka.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak kementerian melihat semula peruntukan-peruntukan dalam ini walaupun telah dibawa ke Dewan dan diluluskan selepas ini nanti, kita perlu melihat semula soal *effectiveness* matlamat undang-undang ini dari segi perkataan-perkataan dan bahasa yang digunakan.

Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdulah]: Ya, Kepong dulu.

4.26 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan pendekkan ucapan saya kerana sama-samalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdulah]: Selepas itu, Bachok, kemudian Setiausaha Parlimen menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula kawalan ke atas semua projek yang telah diswastakan dan dengan timbang dan sukat yang akan diswastakan. Sementara itu, laporan-laporan terhadap projek-projek yang gagal seperti Indah Water Konsortium (IWK), PERWAJA, PLUS, MAS dan LRT hendaklah dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk diteliti dan dibahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa penswastaan mampu menyumbang kepada pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat walaupun beberapa projek yang diswastakan sebelum ini mengalami kegagalan dan Yang Amat Berhormat mengakui bahawa ada kegagalan. Ditambah pula bahawa terdapat banyak faktor yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan termasuk kebajikan pekerja dan kepentingan awam.

Bagi membiarkan syarikat-syarikat yang gagal itu tutup atau dijual kepada mereka yang hanya mahu mendapatkan harga pembelian yang baik dan membuat keuntungan hanya mendatangkan masalah ekonomi dan sosial yang buruk. Oleh kerana itulah, maka dalam beberapa kes kerajaan memutuskan untuk membantu atau mengambil alih semula syarikat yang diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan seumpama ini mestilah diikuti dengan laporan-laporan yang lengkap supaya kita semua dapat mengambil iktibar daripada kegagalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya boleh sebut banyak syarikat termasuk Puspakom, FOMEMA dan ada disebut LRT, PLUS, UEM, PERWAJA dan sebagainya, ini merupakan syarikat-syarikat raksasa yang kerugian sebesar raksasa juga. Setakat ini kita pun tidak dapat tahu apakah sebenarnya berlaku dengan syarikat-syarikat ini, macam mana kita boleh mengambil iktibar. Dan sebab itulah saya berharap Unit

Perancang Ekonomi mestilah mempertingkatkan rancangan penyelarasan serta penilaian untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Unit Perancang Ekonomi adalah untuk menggubal dasar strategi program pembangunan sosioekonomi negara bagi menjangka masa sederhana dan jangka masa panjang untuk mencapai matlamat perpaduan negara. Seterusnya mengenai penswastaan, UPE ialah hendak merancang dan menyelaraskan program peringkat persekutuan dan negeri serta menilai keupayaan projek penswastaan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

Daripada dasar dan program tersebut, kita nampak sesetengah itu ada menimbulkan masalah. Pada tahun 2001, pihak UPE atau EPU sudah pun mempertimbangkan, menyediakan dan mengkaji 120 kertas memorandum untuk projek-projek penswastaan dan diluluskan 32 projek.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Pada tahun ini, dipertimbangkan 100 kertas memorandum untuk mengkaji dan diluluskan 29 termasuklah timbang dan sukat kita dan pada tahun hadapan, mungkin lebih 100 lagi memorandum akan diterima dan mungkin satu pertiga ataupun 30% akan diluluskan. Dengan sedemikian, saya tidak nampak macam mana pihak EPU sudah mengambil iktibar

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sebut mengenai FOMEMA sahaja kerana saya hendak menamatkan ucapan saya. FOMEMA, konsep itu bukan salah, baik kerana beratus-ratus ribu pekerja asing, pendatang dengan izin (PDI) masuk ke negara ini dengan melalui FOMEMA, semua diadakan ujian darah supaya mereka tidak membawa penyakit kepada Malaysia, itu baik. Konsep itu memang baik tetapi di dalam pelaksanaan itu saya nampak susah sedikit untuk difahami.

Misalnya kalau ada seorang itu membayar RM80, RM30 dibayar kepada FOMEMA, mereka tidak buat apa-apa saya nampak dan kerja dibuat oleh klinik dan dibuat oleh makmal swasta. Tambah pula sekarang, hendak bagi kepada syarikat subsidiari FOMEMA pula dan yang tinggal bagi pihak klinik dan pihak makmal swasta, cuma RM30. Dan saya tidak nampak sebab apa kita mesti bayar lebih daripada 70% kepada FOMEMA dan syarikat subsidiari yang langsung tidak buat apa-apa. Adakah ini disebut sebagai penswastaan? *Rendered system* lah itu. Tidak buat apa-apa, pungutkan sahaja.

Jadi, saya tidak faham apa yang dimaksudkan dengan penswastaan. Kalau baik untuk kes seperti ini, kita namakan ini bukan penswastaan, ini sistem *rendered*, penyewaan, itu baik. *rendered system* lah itu. Kalau banyak sangat *rendered system*, negara kita bankrap. Dan tambah pula ini menggalakkan makmal-makmal swasta, dia nampak ada di atas itu tidak betul, dia pun buat tidak betul juga. Sama ada melalui FOMEMA ini, ujian itu benar-benar dilakukan. Mungkin dia kata di atas itu tidak buat apa-apa, dia sudah meraih keuntungan dan kita buat kerja pun sambil lewa sahaja dan itulah masalah kita di dalam negara ini.

Sebab itulah, saya sekali lagi hendak menyeru supaya pihak UEPU benar-benar mengkaji hal-hal yang timbul ini termasuk pemberian konsesi dan sebagainya. Bagaimana kita boleh elakkan daripada berlakunya masalah-masalah yang telah saya timbulkan tadi.

Di celah pipit makan pulut,

Perutlah yang berkembang,

Setelah murah di mulut,

Patutlah mahal di timbangan.

Sekian, terima kasih [*Disorak*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bachok. Selepas Bachok, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

4.36 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh kepada rang undang-undang pada hari ini, Akta Timbalan Sukat

1972, pertama sekali, apa yang dibangkitkan oleh pihak Kepong tadi hendak menggambarkan banyak isu penswastaaan yang dijayakan oleh negara kita menghadapi masalah dan kegagalan. Itu di antara resolusi daripada apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi harapan saya, menerusi kuasa yang dipinda kepada akta ini ataupun rang undang-undang pada hari ini adalah memberi satu maksud supaya tidak berlaku kegagalan ataupun perkara-perkara yang dianggap boleh menjejaskan maksud sebenar untuk menguruskan semua urusan termasuklah perdagangan yang melibatkan urusan timbang dan sukat.

Apa yang penting ialah masyarakat pengguna khususnya dan masyarakat peniaga, pedagang ataupun agensi-agensi tertentu yang menyediakan perkhidmatan terpaksa menggunakan alat timbang dan sukat ini, boleh mendapat suatu perkhidmatan yang terbaik serta membawa suatu keuntungan di kedua belah pihak, sama ada pihak pengguna ataupun pihak pemberi perkhidmatan itu sendiri.

Isu timbang dan sukat ini sebenarnya suatu isu besar dalam pendekatan agama, lebih-lebih lagi agama Islam yang meletakkan suatu hukum yang jelas, lebih-lebih lagi agama Islam yang meletakkan suatu hukum yang jelas, tidak boleh sama sekali untuk kita menipu ataupun menyeleweng ataupun mengambil suatu pendekatan yang bersikap tidak adil, yang boleh mencetuskan penindasan menerusi alat-alat timbang dan sukat kerana ianya memberi suatu maksud sekiranya kesilapan atau penyelewengan di sebalik penggunaan alat-alat ini, akan membawa suatu perkara yang dianggap penindasan secara halus ataupun penindasan secara berpanjangan yang memberi kesan daripada sudut ekonomi dan juga pendapatan pada satu-satu pihak.

Oleh kerana itu, di sebalik perkataan timbang dan sukat, memberi suatu maksud adanya suatu keadilan ataupun suatu penindasan dan tidak berlaku apa yang disebut suatu pihak golongan lintah darat untuk mengaut keuntungan daripada rezeki orang lain.

Itulah di antara perkara yang selalu dibincangkan oleh masyarakat pengguna sehingga berlakunya beberapa kes tuntutan-tuntutan sampai kepada peringkat mahkamah kerana adanya penyelewengan-penyelewengan seumpama itu, seperti mana yang telah pun disebut dalam Parlimen ini juga, adanya rungutan tidak puas hati daripada pihak penanam kelapa sawit dalam menjual buah-buah kelapa sawit kepada agensi yang dilantik oleh FELDA. Ini kerana, agensi tersebut telah mengamalkan sukatan yang tidak munasabah dan tidak mematuhi *grade* yang ditentukan oleh pihak FELDA sendiri dan dipersetujui oleh pihak penanam kelapa sawit ataupun pihak pengusaha.

Hal ini membuktikan bahawa amalan standard dalam penggunaan alat timbang dan sukat itu, walau baik setakat mana sekalipun, canggih ataupun mempunyai suatu nilai timbang yang berasaskan digital ataupun berasas kepada buatan daripada sistem elektronik yang moden setakat mana pun, kalau amalan sebenar yang berasaskan konsep kemanusiaan dan juga dosa pahala tidak dipraktis dalam orientasi perniagaan yang menggunakan alat-alat tersebut. Oleh kerana itu, kita mengharapkan pelantikan ataupun persetujuan pihak kerajaan untuk memberi sebarang lesen kepada syarikat-syarikat yang dianggap berkapasiti, mempunyai peralatan yang canggih ataupun mempunyai suatu perkhidmatan yang boleh mencapai tahap puas hati oleh pihak menteri ataupun pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen-lesen ini, saya yakin dan percaya, ianya tidak mempunyai suatu makna sekiranya amalan standard dalam memastikan nilai-nilai yang saya sebut lebih kurang tadi tidak dipraktikkan dengan sebaik mungkin.

Misalnya disebut dalam rang undang-undang ini di bawah artikel 26(e) ini, khususnya di bawah cerai 2, disebut syarikat berlesen hendaklah memberi suatu perhatian yang sewajarnya kepada kecekapan nilai ekonomi dan juga keselamatan pengendalian. Walaupun nilai ini disebut dengan begitu jelas, kita yakin sekiranya pengabaian syarikat berkenaan, akan memastikan tidak akan berlaku sesuatu yang kita harapkan dalam memastikan alat timbang dan sukat itu benar-benar menepati piawaian ataupun standard yang ditentukan oleh pihak kementerian atau pihak kerajaan. Ini kerana, kita biasanya mendengar rungutan-rungutan daripada pengguna. Misalnya, dalam kes meter air, kita ambil contoh. Dalam kes meter air, apabila air tidak ada, angin yang keluar, meter tetap berjalan dan bacaan berlaku sebagaimana air berlaku mengikut meter tersebut dan bacaan meter ini akan menyebabkan kadar kepada bayaran berapa unit bagi satu meter padu. Jadi perkara ini, mungkin syarikat yang akan mengendalikan urusan peralatan timbang dan sukat ini harus mengambil kira

kepekaan ataupun sensitiviti meter tersebut supaya bacaan kerana angin sahaja itu tidak dapat dikira ataupun tidak diambil kira dalam menetapkan unit itu mesti dibayar atau tidak.

Demikian juga berbangkit ialah meter yang dipasang di rumah-rumah dalam bekalan elektrik. Elektrik yang dibekalkan ke rumah-rumah itu ada meter yang terlalu lama yang dipakai sehingga tidak ditukar-tukar oleh pihak TNB dan didapati meter itu ada bacaan orang kampung atau pengguna-pengguna domestik, mereka menganggap bahawa perjalanan meter mereka itu terlalu laju, menyebabkan bacaannya bertambah dan hasilnya mereka terpaksa membayar bil lebih.

Jadi, syarikat yang akan dilantik ataupun syarikat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan penuh kecekapan, *economic* dan *security* ini, saya yakin ianya mempunyai suatu nilai yang mengambil kira perkara-perkara sedemikian. Maknanya, dari sudut jangka hayat alat timbang dan sukat yang akan direkomendasikan untuk dipakai oleh mana-mana agensi yang berkait dengan penggunaan-penggunaan berasaskan meter dan sukat. Penggunaan ini mesti ada satu tempoh yang munasabah supaya dalam tempoh tertentu, lima tahun, sepuluh tahun misalnya, semua rumah-rumah yang dibekalkan dengan elektrik menggunakan bacaan meter tersebut mesti ditukar kepada meter baru, baru ada nilai keadilan itu dan kepuasan kepada pengguna.

Begitu juga dibangkitkan oleh pihak pengguna berhubung dengan standard ukuran panggilan-panggilan telefon yang dipakai oleh Telekom sendiri ataupun syarikat-syarikat telekomunikasi yang banyak dalam negara kita hari ini. Didapati biasa menjadi suatu pertikaian di antara pihak penyelia perkhidmatan dengan pengguna itu sendiri, dengan suatu perkara yang mereka mempertikaikan, mereka tidak buat panggilan, mereka bercakap biasanya dalam tempoh yang singkat tetapi bil yang datangnya adalah banyak, meningkat luar biasa daripada panggilan-panggilan biasa. Ini membuktikan suatu standard ukuran ataupun sukatan kepada penggunaan telefon melalui alat-alat sukat yang dipasang ataupun yang dipakai oleh syarikat-syarikat telekomunikasi berkenaan dan dipertikaikan oleh pengguna dan saya yakin alat-alat tersebut perlu dipantau ataupun dibuat suatu pendekatan semula daripada segi *engineering* nya supaya suatu perkara yang puas hati betul-betul dapat diwujudkan dalam isu yang dibangkitkan menerusi rang undang-undang ini.

Kemudian lagi, kita lihat di *supermarkets* ataupun di *hypermarkets*, mereka ini banyak menggunakan alat timbang yang tidak menggunakan meter, jejarum tetapi mereka menggunakan alat timbang berasaskan digital ataupun elektronik. Nilai standard ketepatan ataupun keadilan bacaan-bacaan meter tersebut perlu dihebohkan kepada pengguna sendiri khususnya pelanggan-pelanggan di *supermarket* ataupun *hypermarket* sendiri supaya mereka tidak tertipu dan mereka sebenarnya membayar mengikut nilai ekonomi sebenar, tidak membayar di sebalik bacaan yang sebenarnya dipermainkan oleh pihak pengusaha ataupun penjual atau seumpamanya.

Ini kerana, alat-alat timbang yang berasaskan elektronik itu, kita nampak ianya begitu sensitif dengan ukuran-ukuran timbangan dan sukatan. Maka, ianya memberi suatu keraguan di sebalik pengguna yang terpaksa membayar lebih mungkin, ataupun membayar kepada suatu harga yang tidak munasabah. Kita membeli suatu barang misalnya buah-buahan di *supermarket*, setangkai buah anggur dia letak, meternya bergerak begitu pantas, jawapannya 500 gram, maka dibayar dengan harga RM10.00. Ini suatu perkara yang kita lihat daripada sudut nilai buah yang ada hanya setangkai tetapi timbangnya 500 gram.

Jadi, ini suatu perkara yang dipertikaikan dan diragui dan dipersoalkan oleh pihak pengguna tetapi disebabkan oleh selera, kehendak dan keinginan hendak kepada barang itu, biasanya perkara-perkara itu didiamkan sahaja dan tidak dibuat suatu rungutan tetapi bila dinilai-nilai, ianya mungkin ada sesuatu yang boleh disyaki daripada sudut ketepatan alat timbang dan sukat yang dipakai. Jadi, keseluruhan daripada masyarakat pengguna akan melihat bahawa keperluan kepada suatu spesifikasi alat timbang dan sukat yang benar-benar menepati ukuran sebenar mengikut apa yang dipersetujui oleh pihak kementerian adalah suatu harapan yang diingini, dicita-citakan.

Kemudian, saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan perkara yang berbangkit di bawah fasal ini khususnya seksyen 26(h) ini, khusus yang berkait dengan pelanggaran-pelanggaran akta ini oleh syarikat yang mempunyai lesen. Kita nampak tidak ada suatu dikenakan denda kepada syarikat yang berlesen, yang melanggar ataupun yang menyalahi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Maka kuasanya, tidak ada denda kepada syarikat yang melanggar peraturan yang ditetapkan tetapi terus dikenakan tindakan gantung ataupun dibatalkan terus lesen kepada syarikat berkenaan. Apakah tidak ada suatu proses daripada sudut tindakan dengan mengenangkan juga jasa syarikat berkenaan sebelum ini, syarikat itu juga telah pun mempunyai suatu kecekapan, peralatan, perkhidmatan dan seumpama tetapi dengan beberapa kes yang terpinggir atau kes yang spesifik yang menyebabkan dianggap melanggar peraturan sehingga dia terus digantung ataupun dibatalkan terus lesen.

Pada pandangan saya, langkah yang lebih baik perlu dikenakan denda dalam bentuk sama ada denda itu dengan nilai ringgi ataupun denda itu dikenakan dalam tempoh operasi tertentu mereka dihadkan ataupun dihalang sehingga mana mereka membetulkan semula perjalanan syarikat mereka. Ini satu perkara daripada sudut nilai keadilan dan roh yang sepatutnya ada dalam rang undang-undang ini.

Akhirnya, yang *last* sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu rumusan, walau apa pun usaha yang baik menerusi pendekatan penswastan untuk mewujudkan suatu pembudayaan timbang dan sukat yang harmoni, di antara pihak penyedia perkhidmatan ataupun pihak peniaga dengan pihak pelanggan ataupun pihak pengguna, yang utama adalah kita mesti mewujudkan suatu perhubungan yang timbal balas, setara dan harmoni di antara kepuasan pengguna dengan pihak pembekal.

Pihak pembekal adalah pengguna kepada peralatan sistem timbang dan sukat, sementara pihak pengguna satu laginya ialah yang menerima kesan daripada penggunaan alat-alat tersebut. Oleh itu, kepuasan di antara kedua-duanya sudah pasti membawa suatu natijah yang baik dalam hubungan ataupun dalam pendekatan muamalah di antara dua pihak tersebut. Dengan yang demikian, kita tidak akan berbunyi lagi isu-isu pihak syarikat tertentu menyaman pihak tertentu, pihak pengguna membawa perkara ini kepada pengguna-pengguna atau seumpamanya dan itulah natijah sebenar kebaikan di semua pihak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

4.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak kementerian saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, Bukit Bintang, Tebrau, Tumpat, Gelang Patah, Kota Melaka, Batang Lupar, Kepong dan Bachok yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pemindaan Akta Timbang dan Sukat 2002.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading membangkitkan apakah faedah penswastan dan apakah jaminan kepada kerajaan tugas penentusahan akan dijalankan sebaiknya dan apakah keuntungan kepada kerajaan. Tugas penentusahan alat timbang dan sukat adalah kerja-kerja teknikal. Pegawai-pegawai penguat kuasa boleh memfokuskan kepada tugas penguatkuasaan dengan penswastan tugas-tugas itu. Kementerian juga mempunyai bentuk kawalan bagi memastikan tugas syarikat dan penswastan dijalankan dengan sempurna.

Beliau juga menyentuh berkenaan dengan penswastan ini maka kepentingan rakyat akan terjamin. Untuk menjamin bahawa perkhidmatan yang diberikan cekap dan menjaga kepentingan rakyat, rang undang-undang ini ada memperuntukkan kuasa pemantau untuk memastikan bahawa syarikat menjalankan tugas mengikut akta dan syarat-syarat lesen. Selain daripada itu, kerajaan akan menetapkan tahap kecekapan dan profesionalisme yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang dilesenkan.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan sama ada kaunter ujian semula dan beliau juga mencadangkan membuka lebih banyak pusat aduan dan ujian semula. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada pejabat bergerak oleh Bahagian Penguatkuasa, kementerian akan menambahkan kaunter aduan.

Berkenaan dengan cadangan beliau iaitu penentusahan alat timbang elektronik lebih kerap, peraturan-peraturan timbang dan sukat diwajibkan penentusahan semula alat timbang dan sukat setiap dua belas bulan sekali. Berkenaan dengan *fee*, beliau ragu-ragu sama ada *charge fee* yang dikenakan akan meningkat tinggi pada masa yang akan datang. *Fee* yang akan dikenakan oleh syarikat

yang dilesenkan adalah terdapat di dalam Jadual Kesembilan, Peraturan-peraturan Timbang dan Sukat 1981. Syarikat yang dilesenkan hanya boleh meminda kenaikan lesen dan kenaikan *fee* selepas lima tahun. Kenaikan *fee* yang dicadangkan oleh syarikat tidak boleh melebihi 10%.

Beliau juga mencadangkan pemberian lesen secara zon dan bukan secara monopoli. Adalah didapati pembelian lesen secara zon tidak begitu ekonomik kerana perolehan syarikat yang diunjurkan adalah terhad dan tertakluk kepada bilangan alat timbang dan sukat yang disahkan sahaja. Yang Berhormat bagi Tebrau ingin tahu had sesuatu alat timbang yang boleh digunakan dan bila penguatkuasaan pemeriksaan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu alat timbang dan sukat yang ditentukan adalah sah untuk digunakan bagi tempoh dua belas bulan sebelum ianya perlu disahkan semula. Namun begitu, jika alat-alat tersebut rosak ianya perlu disahkan semula sebelum digunakan. Dari aspek penguatkuasaan, pegawai-pegawai Kementerian dari masa ke semasa menjalankan pemeriksaan bagi menentukan hanya alat-alat timbang dan sukat yang sah sahaja digunakan bagi tujuan perdagangan. Beliau juga bertanya berkenaan dengan pelaksanaan oleh Kementerian akan menentukan betul-betul dan tidak disalahgunakan. Kuasa Kementerian untuk membuat pemantauan di bawah seksyen 26F, untuk memastikan syarikat akan menjalankan tugasnya mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Akta Timbang dan Sukat dan peraturan di bawahnya.

Yang Berhormat bagi Tumpat menyentuh tentang tugas penentusahan alat timbang dan sukat tidak diserahkan kepada SIRIM. Mengapa tugas ini tidak diserahkan kepada SIRIM. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 SIRIM telah dilantik sebagai penyimpan timbang dan sukat iaitu dengan izin, *custodian of weights and measures*. Tanggungjawab SIRIM sebagai penyimpan adalah untuk menyimpan dan menyelenggarakan *standard* utama Malaysia dan standard kerja yang digunakan oleh Inspektor Timbang dan Sukat dan bukannya menjalankan penentusahan ke atas alat-alat timbang dan sukat. Sebaliknya peranan mereka ialah membuat pengesahan ke atas standard yang digunakan oleh Inspektor Timbang dan Sukat.

Berkenaan dengan kuasa Menteri untuk menggantung atau membatalkan lesen syarikat dan keputusan itu adalah muktamad dan *conclusive*. Beliau mendakwa Menteri merampas kuasa mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, mahkamah masih boleh menyemak keputusan Menteri melalui proses semakan kehakiman atau *judicial review*. Mahkamah masih boleh menggunakan *judicial powers*, dengan izin, untuk menyemak keputusan Menteri.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah bertanya sama ada Kementerian hendak menswastakan tugas penguatkuasaan yang sebelum ini dijalankan oleh Unit Metrik. Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan skop penswastan iaitu melibatkan tugas-tugas penentusahan dan pengujian sahaja. Tugas-tugas lain dari aspek penguatkuasaan masih dijalankan oleh Kementerian dengan mengasingkan skop tugas aspek perlindungan pengguna dan penguatkuasaan undang-undang boleh dipertingkatkan.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga menyentuh satu dua perkara iaitu seperti menswastakan penguatkuasaan undang-undang kepada syarikat dan adakah Kementerian akan dapat memantau syarikat supaya dapat melaksanakan tugas atau prestasi syarikat itu dan kelayakan syarikat pelesen.

Syarikat yang dilesenkan hanya akan menjalankan tugas penentusahan alat timbang dan sukat sahaja. Penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat masih terletak di bawah Bahagian Penguatkuasa Kementerian. Untuk membolehkan kerajaan memantau prestasi syarikat, rang undang-undang ini ada memperuntukkan kuasa pemantauan di dalam seksyen 26F. Ini bermakna kuasa-kuasa ini semua tidak diserahkan kepada syarikat swasta semata-mata. Selain itu kerajaan juga akan menetapkan standard profesionalisme yang perlu dilakukan oleh syarikat itu. Pemilihan syarikat berdasarkan kelayakan yang ditetapkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan dari segi modal berbayar, cadangan syarikat untuk menambahbaikkan perkhidmatan penentusahan, pengalaman teknikal syarikat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar menanyakan adakah penswastan ini akan mendatangkan perkhidmatan yang lebih baik daripada

kerajaan, adakah syarikat ini berwibawa dan juga beliau menanyakan berkenaan seksyen 26G iaitu kenapa tempoh *not less than thirty days* diberikan untuk syarikat membuat tapisan. Kerajaan ada menetapkan standard prestasi di dalam lesen yang diberikan. Di dalam standard prestasi ini kerajaan ada menetapkan alat-alat yang perlu diperolehi oleh syarikat, jumlah minimum alat timbang dan sukat yang perlu ditentusahkan dalam setahun, taburan pusat dan stesen penentusahan dan tempoh masa untuk syarikat menyempurnakan tugas-tugas penentusahan.

Syarikat ini juga dikehendaki oleh banyak pegangan swasta untuk mempunyai modal berbayar sebanyak RM3 juta. Selain itu syarikat ini telah dipilih oleh Jawatan-kuasa Teknikal yang mengambil kira pengalaman teknikal daripada 14 syarikat yang membuat tawaran. Setiap syarikat telah diperiksa untuk memastikan bahawa syarikat tersebut layak dan berwibawa untuk menjalankan tugas penswastaan.

Tempoh syarikat untuk membuat representasi akan ditetapkan di dalam notis yang diberikan oleh Menteri. Tempoh minimum yang diberikan untuk membuat representasi adalah 30 hari seperti yang dinyatakan di dalam rang undang-undang. Rang undang-undang ini menetapkan tempoh minimum untuk berlaku adil kepada syarikat untuk memberikan syarikat tempoh yang munasabah supaya syarikat dapat membuat pembelaan yang baik. Jika tempoh yang diberikan adalah kurang daripada 30 hari, syarikat tidak akan dapat membuat pembelaan yang baik dan ini adalah kurang adil kepada syarikat.

Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan iaitu selama ini syarikat-syarikat yang diswastakan di dalam program penswastaan kerajaan adalah gagal. Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan telah memasukkan peruntukan syarat-syarat lesen dan standard prestasi. Kuasa kementerian dan kawal selia untuk membuat pemantauan dan kuasa Menteri untuk menggantung dan membatalkan lesen. Saya rasa dengan kuasa-kuasa ini dan kawal selia yang masih ketat dijalankan oleh kementerian ini adalah yang cukup *deterrent* supaya syarikat itu dijalankan dengan baik.

Yang Berhormat bagi Bachok.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun untuk apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat nak buka surat. [Ketawa]

Tuan Wong Kam Hoong : Ha! penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dia mengambil berat dengan kerjanya, ada membuat *homework* saya nampak dan yang saya sebut ada segelintir yang gagal, yang saya sebut nama pula. Yang Berhormat, masalah kita dengan penswastaan ini pihak berkenaan tidak dapat mengawal dengan betul termasuklah PLUS, LRT semua. Walaupun Yang Berhormat kata di dalam Dewan ini semua kaedah, semua cara untuk memantau pun ada tetapi pada praktisnya tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan, itu masalahnya, termasuklah Puspakom. Apabila diluluskan di dalam Dewan ini semua itu baik, pada prinsipnya cantik belaka. Apabila pada praktisnya kita nampak ada kelemahan-kelemahannya yang wujud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini telah disebut tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada sebut? Saya sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah sebut tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sebut, saya sebut, sebab saya hendak beri dia peringatan kerana tadi dia kata saya semua syarikat gagal, bukan semua gagal, yang gagal itu saya sebut tadi.

Saya bangkitkan hal ini kerana Yang Berhormat itu orang rajin, dia mengambil berat mengenai tugas dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang semua di sini semua orang rajin.

Dr. Tan Seng Giaw: Semua, ooh, bukan semua, Tuan Yang di-Pertua, ada yang lemah sedikit.

Tuan Wong Kam Hoong: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong, saya terimalah dengan hati yang ikhlas, kita belajar daripada pengalaman kita dan kita akan cubalah dengan sedaya upaya untuk kebaikan pengguna. Dan di sini juga Yang Berhormat, jangan sekali tengok hantu dan selalu takut kegelapan.

Yang Berhormat bagi Bachok membangkitkan kepentingan untuk menentukan semua alat timbang dan sukat adalah tepat.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 14(1) Akta Timbang dan Sukat, mewajibkan setiap alat timbang yang digunakan untuk perdagangan diperiksa dan disahkan oleh Inspektor Timbang dan Sukat.

Berkenaan dengan masalah meter air, meter elektrik, meter teksi, meter telekom yang tidak tepat, ingin saya menjelaskan kepada Yang Berhormat, meter-meter utiliti iaitu meter air, meter elektrik dan meter teksi dan meter telekom adalah dikecualikan daripada peruntukan Akta Timbang dan Sukat 1972. Penentusahan meter tersebut adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Bekalan Air, Suruhanjaya Tenaga, JPJ dan Suruhanjaya Multimedia.

Beliau juga menanya tidak ada denda yang dikenakan terhadap syarikat yang dilesenkan. Jika syarikat melanggar akta atau syarat lesen, lesen akan ditamatkan. Di dalam perjanjian penswastaaan di antara kerajaan dan syarikat, terdapat elemen denda yang akan dikenakan sekiranya syarikat melanggar syarat lesen. Lesen syarikat hanya akan ditamatkan sekiranya syarikat berterusan melanggar akta dan syarat lesen. Sekiranya syarikat berterusan melanggar akta atau syarat-syarat, walaupun didenda, barulah tindakan di bawah Fasal 26H akan diambil.

Berkenaan dengan alat-alat timbang elektronik yang terlalu sensitif, adakah semua ini tepat. Semua alat-alat timbang dan sukat yang digunakan untuk perdagangan, termasuk alat-alat timbang elektronik diwajibkan supaya ditentusahkan oleh Inspektor Timbang dan Sukat setiap 12 bulan sekali. Sesiapa yang menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak disahkan adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan denda atau penjara.

Itulah sahaja dan yang saya tidak sempat memberi jawapan, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEGUAM BELA
(SABAH) (PINDAAN) 2002**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela Sabah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguam Bela Sabah mengawal selia penerimaan masuk seseorang Peguambela dan Peguamcara di negeri Sabah dan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Seksyen 4(1) Ordinan tersebut menentukan orang yang berkelayakan, yang boleh diterima masuk sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara di Sabah dan antara kelayakan yang diwajibkan ialah seseorang itu mestilah memegang ijazah dalam bidang undang-undang daripada institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf dan ditentukan dalam perenggan 4(1)(cc) Ordinan.

Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA Malaysia, masing-masing telah diberi kuasa untuk mengurniakan ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) kepada siswazah Fakulti Undang-undang mereka

Namun begitu, ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada kedua-dua universiti tersebut tidak termasuk dalam senarai ijazah yang diiktiraf di bawah Ordinan untuk melayakkan seseorang diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara di negeri Sabah.

Untuk membolehkan siswazah yang memegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada kedua-dua universiti tersebut, diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara di negeri Sabah, Ordinan Peguam Bela Sabah perlu dipinda untuk menjadikan ijazah tersebut sebagai salah satu daripada kelulusan yang diiktiraf. Rang undang-undang bertujuan untuk melaksanakan pindaan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguam Bela Sabah ialah undang-undang yang hanya boleh dipinda oleh Parlimen kerana perkara-perkara tentang profesion dan khususnya tentang orang-orang yang berhak menjalankan amalan di mahkamah, selain Mahkamah Syariah dan Mahkamah Anak Negeri adalah terkandung dalam Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 1 rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan, sementara Fasal 2 bertujuan untuk membuat pindaan am kepada seluruh ordinan untuk menggantikan gelaran jawatan *Chief of Justice* dengan gelaran *Chief Judge* di mana-mana jua gelaran jawatan itu terdapat supaya ianya selaras dengan gelaran jawatan yang digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Fasal 3 rang undang-undang bertujuan untuk meminda sub-seksyen 4(1) Ordinan. Pemotongan perenggan 4(1)(b) dan pindaan kepada perenggan 4(1)(c) dicadangkan kerana peruntukan-peruntukan itu tidak lagi berguna. Perenggan baru 4(1)(ca) dan (cb) dicadangkan untuk menggantikan perenggan 4(1)(cc) yang akan dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah perenggan 4(1)(ca) yang dicadangkan itu, ijazah yang dikurniakan oleh institusi pendidikan tinggi dan diiktiraf bagi maksud membolehkan seseorang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah ordinan akan seperti yang dinyatakan dalam Jadual. Kemasukan Jadual ke dalam ordinan dicadangkan dalam Fasal 5 Rang Undang-undang. Jadual itu mengandungi kelayakan yang kiranya dinyatakan dalam perenggan 4(1)(cc) Ordinan dengan tambahan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Teknologi MARA Malaysia.

Perenggan 4(1)(cb) yang dicadangkan itu merupakan pindaan yang berbangkit daripada pemotongan perenggan 4(1)(cc). Fasal 4 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 18 ke dalam ordinan untuk memberi Tuan Yang di-Pertua Negeri selepas berunding dengan Peguam Besar Negeri, kuasa untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela Sabah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Tumpat.

5.18 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkanlah supaya kita ringkaskan kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, sebahagian besar Ahli Yang Berhormat yang akan juga berbuka puasa, jadi kita

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Malah ahli-ahli yang dilantik – CPA, IPU ini patut hadir, tetapi hanya Tuan Yang di-Pertua seorang hadir. Patut Tuan Yang di-Pertua jadi calon yang paling tinggi undi, tetapi hendak buat macam mana Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat bolehlah sokong.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan rang undang-undang yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Kita menganggap bahawa undang-undang ini dan undang-undang adalah suatu perkara yang amat penting. Dalam negara kita ini, kita sentiasa memanggil diri kita sebagai negara yang ditadbirkan menurut undang-undang ataupun dengan izin, *the rules of law*. Perjuangan kami sebagai parti politik juga banyak berlandas kepada menuntut supaya undang-undang ini ditukar supaya berlandaskan kepada undang-undang dan syariah Islam dan syariah-syariah dan undang-undang yang memberikan keadilan kepada masyarakat.

Akan tetapi malangnya [*Disampuk*], insya-Allah. Malangnya di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran undang-undang adalah bercelaru. Misalnya tajuk ini sahaja pun menunjukkan kecelaruan itu. Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela (Sabah), maknanya akta - Parlimen, ordinan - Negeri. Maknanya *legislature* dengan izin, Persekutuan – *Federal Legislature* hendak pinda undang-undang yang dibuat oleh negeri. Jadi ini adalah simbol kepada kecelaruan pengurusan undang-undang dalam negara kita. Dan untuk meneguhkan fakta saya tadi, Seksyen 3 yang dibaca tadi - Yang di-Pertua Negeri *may after consultation with the State Attorney General by order published in the gazette amend the schedule*.

Maknanya, kita hendak meminda undang-undang yang berkaitan dengan kuasa Tuan Yang di-Pertua Negeri yang tidak ada pengaruh daripada kita yang akan berunding dengan *State Attorney General* yang mana *State Attorney General* sebagaimana kita tahu adalah jawatan yang bebas yang dipilih oleh kerajaan negeri, yang dipilih oleh Yang di-Pertua Negeri, yang tidak ada kuasa secara undang-undang Perlembagaan dan sebagainya di peringkat Persekutuan ini.

Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini supaya Kerajaan Persekutuan memikirkan bagaimana hendak menyelaraskan anomali pengurusan pentadbiran undang-undang dalam negara kita ini supaya tidak timbul lagi masalah Ordinan Peguam Bela dan juga Akta Peguam Bela dan sebagainya. Kita mempunyai tiga badan peguam – Majlis Peguam *Malaysia (Malaysia Bar Council)*, kita ada Majlis Peguam Sabah dan Majlis Peguam Sarawak. Sekali lagi tiga cara pengurusan.

Kita ada tiga cara menentukan disiplin peguam-peguam. Peguam Sarawak saya fikir, saya yakin Yang Berhormat bagi Batang Lupar ditadbirkan menurut apa yang

diputuskan oleh Majlis Peguam Sarawak, manakala Majlis Peguam Malaysia hanya berkuasa untuk menguruskan tingkah laku dan taraf profesionalisme peguam-peguam di Semenanjung Tanah Melayu ini sahaja. Jadi perkara-perkara ini saya harap akan diambil berat oleh pihak kementerian supaya kita hentikanlah anomali pengurusan pentadbiran ini supaya kita dapat menyelesaikan masalah undang-undang yang lain yang lebih besar.

Masalah ISA misalnya yang mana pada hari ini pun kalau kita baca akhbar, Majlis Peguam Malaysia mengeluarkan kenyataan menyeru supaya keseluruhan Akta ISA itu dihapuskan kerana tidak lagi bersesuaian dengan semangat demokrasi yang ada dalam negara ini [*Tepuk*]. Begitu juga kita hari ini dilihatkan berita bagaimana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri apabila seorang yang ditahan di bawah ISA itu dibebaskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam masa 20 minit sahaja, ditangkap semula di bawah Akta ISA yang dianggap sebagai tidak sesuai lagi oleh Majlis Peguam Malaysia.

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi inilah yang kita hendak tekankan Tuan Yang di-Pertua dalam kita melihat kepada rang undang-undang yang hendak dipinda ini supaya ada penyelarasan, ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ringkas sahaja. Tadi persoalan dengan mahkamah membebaskan saudara Shahrudin ya?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Nasaruddin.

Tuan Mohamad bin Sabu: Nasaruddin yang ditahan di bawah ISA kemudian ditangkap semula dengan tuduhan yang sama sedangkan mahkamah telah membebaskannya dengan tuduhan yang pertama itu. Boleh tangkap, tetapi boleh buat tuduhan yang lain. Kalau tuduhan yang sama ditangkap orang itu, sedangkan mahkamah telah melepaskan, apakah ini kerajaan tidak menghormati langsung keputusan mahkamah. Minta Tumpat tanya Timbalan Menteri hal ini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya bersetuju benar dengan Kuala Kedah dan yang lebih membimbangkan kita lagi ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bersangkutan dengan undang-undang telah mengeluarkan kenyataan beberapa kali bahawa kerajaan akan terus meminda lagi dan memperketat lagi Akta ISA ini supaya mahkamah tiada kuasa langsung untuk menyemak dan memberi apa-apa pandangan dan keputusan apabila seseorang itu ditahan di bawah ISA. Inilah kebimbangan kita dalam penyelenggaraan pentadbiran undang-undang dalam negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan pindaan yang khusus berkaitan dengan pertukaran nama *Chief Justice* kepada *Chief Judge* itu, saya fikir tidak ada masalah kerana ia sekadar penyalarsan. Dan berkenaan dengan pengiktirafan untuk menjadi ahli kepada peguam ini, kelulusan universiti-universiti yang disebut tadi, saya fikir sesuai dengan pergolakan yang terbaharu.

Yang ketiga yang saya hendak komen ialah bahawa peguam-peguam dalam negara kita sebagaimana yang saya telah sebut tadi dihadkan bidang dan kawasan mereka boleh bertugas. Peguam Semenanjung hanya di Semenanjung, ada sekatan-sekatan terpaksa mengambil lesen sementara untuk misalnya yang di Semenanjung hendak masuk di mahkamah di Sabah atau Sarawak ada sekatan lesen sementara ada sekatan Imigresen yang masih lagi berkuat kuasa. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini selain daripada perkara-perkara yang saya sebut tadi itu untuk kementerian mengambil berat akan perlunya penyalarsan pengurusan pentadbiran undang-undang dalam negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong dan lepas Parit Sulong, Yang Berhormat bagi kawasan Bandau.

5.25 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini. Keduanya, saya juga bangun untuk merakamkan keprihatinan saya terhadap perkembangan undang-undang di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi komunikasi dan juga maklumat atau ICT telah pun mendorong kelahiran dan kebangkitan undang-undang baru dan juga menyebabkan pindaan ke atas beberapa undang-undang yang sedia ada. Dalam negara kita sendiri kita telah pun dalam lebih kurang lima tahun yang lalu melihat bagaimana undang-undang digubal dan diluluskan dalam Dewan ini. Bermula dengan Undang-undang Jenayah Komputer diikuti dengan Undang-undang tele-perubatan diikuti dengan Undang-undang *Digital Signature* lepas itu diikuti dengan pindaan terhadap undang-undang berkaitan dengan *Intellectual Properties* dan juga ada penyesuaian terhadap BAFIA.

Saya menyatakan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kerana kelahiran undang-undang ini relevan dengan tuntutan zaman mutakhir. Relevan dengan kemunculan perkembangan-perkembangan baru seperti perkembangan perniagaan berasaskan internet, e-dagang, ataupun dengan aplikasi-aplikasi baru seperti e-kerajaan dan juga tele-perubatan dan sebagainya. Ini bermaksud bahawa undang-undang baru ini perlu difahami dan perlu ditangani.

Yang menjadi persoalan sekarang adalah adakah kita sekarang ini memunculkan kurikulum-kurikulum perundangan yang selaras untuk mereka memahami undang-undang ini. Saya telah pun membuat beberapa kajian kerana saya terlibat dengan satu syarikat yang membuat kajian ini. Di dalam negara ini kalau ada pun satu fakulti undang-undang yang mengajar mengenai ICT Law (undang-undang ICT ataupun *Cyber Laws*) hanya di UMM (Universiti Multimedia) itu pun sekadar satu *department* dengan satu pensyarah dan belum ada lagi pengajaran undang-undang mengenai ICT di peringkat ijazah. Yang ada pun hanya peringkat *certificate*.

Begitu juga di *Post Graduate Department* (Undang-undang UKM) ada diajarkan undang-undang berkaitan dengan ITC tetapi tidak menyeluruh. Ada juga Universiti Utara Malaysia di bawah pengajian *Business* diwujudkan undang-undang berkaitan dengan internet. Dan begitu juga di UNITAR di bawah pengajian *Business* dan juga teknologi maklumat diajarkan undang-undang hanya secara *as a matter of fact* dengan izin mengenai internet, tidak menyeluruh. Jadi saya cadangkan mulai sekarang untuk menyahut wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan untuk juga memajukan lagi perkembangan ICT di negara kita, saya minta undang-undang yang berkaitan dengan perkembangan ICT ini diajarkan sebagai salah satu kurikulum di mana-mana Sekolah Perundangan *in any school of law* dalam negara kita.

Undang-undang ini juga harus diajarkan mana yang relevan kepada kursus-kursus profesional yang diajarkan di negara kita. Contohnya, sewaktu saya belajar dahulu, kalau mana-mana yang membuat *Public Administration* contohnya diperkenalkan dengan *constitutional law* dengan *basic principle English Law*. Kalau mereka yang membuat kursus di bidang Pengajian Perniagaan diperkenalkan dengan *Company Law*, *Taxation Law* dan sebagainya.

Hari ini saya minta mereka yang membuat pengajian Perniagaan umpamanya, diperkenalkan dengan *Digital Signature Law* umpamanya, *Law of E-contract*, *Law of E-commerce*, *Data Protection and Privacy* untuk mereka yang mungkin membuat pengajian *Mass Communication* ataupun *Marketing*.

Perkara ini satu hari akan meletus sebagai masalah dan semua perkara ini akan meletus sebagai masalah tetapi kita tidak menyiapkan peguam-peguam yang akan menangani soal ini. Jadi kita harus mempersiapkan peguam-peguam kita dengan ilmu undang-undang termasuk ilmu undang-undang yang terbaru iaitu undang-undang yang berkaitan dengan teknologi komunikasi dan maklumat. Pada waktu yang sama saya harap juga pihak yang duduk sebagai pengadil, sebagai hakim, sebagai majistret perlu juga di *familiarize*, bermakna perlu diperkenalkan walaupun mereka telah mengenali bermakna *to further familiarise* dengan undang-undang ini menerusi kursus-kursus jangka pendek umpamanya, oleh kerana sekarang ini perkhidmatan perundangan ianya mempunyai kolej-kolej tersendiri untuk kursus *familiarization*, kursus memperkukuh lagi penguasaan undang-undang. Saya harap sama ada secara peringkat sijil ataupun *short courses* peguam-peguam kita, majistret kita, pendakwa raya kita harus diperkenalkan dengan undang-undang yang berkaitan dengan ICT. *The future commercial crime* ataupun jenayah perdagangan di masa akan datang lebih banyak membabitkan jenayah berkaitan dengan ICT.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Ini saya amat yakin tetapi kalau kita tidak mempunyai pendakwa raya, penyiasat, penolong pendakwa raya ataupun hakim yang berkaitan yang mahir dan mampu menangani soal-soal masalah ICT apa akan jadi kes-kes ICT di negara kita. Kalau kes-kes yang membabitkan jenayah ICT di negara kita tidak dapat diselesaikan, apa akan terjadi kepada keyakinan pelabur-pelabur ICT kepada negara kita. Apa akan terjadi kepada pelaburan kerajaan di dalam MSC. Apa akan terjadi kepada pelaburan kerajaan di dalam Bio Valley dan sebagainya.

Jadi dalam kita melihat perkembangan teknologi, kita harus proaktif di dalam menyediakan tenaga kerja, kita harus juga proaktif menyediakan tenaga kerja bukan sahaja di bidang teknikal, bukan sahaja di bidang penyelidikan, tetapi juga di bidang perundangan.

Yang Berhormat, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bandau, lepas itu Setiausaha Parlimen menjawab.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut juga untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, sekali gus menyokong semua cadangan yang termasuk dalam rang undang-undang ini khususnya terdapat di Perkara 2, seterusnya di dalam senarai subseksyen Perkara 3 Seksyen 46(1).

Tuan Yang di-Pertua, semuanya perubahan ini adalah baik dan sebenarnya dengan izin *formality* yang telah pun dipersetujui dan telah sudah mulai berjalan dalam soal pelaksanaan dalam bidang kedua-dua mahkamah tinggi iaitu Mahkamah Tinggi Borneo dan Mahkamah Tinggi Malaya seperti mana yang disebut setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan-perkataan *Chief Justice* semuanya ini dahulu adalah bersandarkan kepada penubuhan asalnya Mahkamah Tinggi Borneo dan Mahkamah Tinggi Malaya pada zaman itu dan itulah memanglah sudah ketinggalan zaman tajuk-tajuk tertentu selepas perubahan-perubahan yang dilakukan dalam sektor ini ataupun dalam hal ini. Namun, saya ingin mengatakan syabas kepada kerajaan kerana walaupun perubahan-perubahan ia telah mengambil masa yang lama tetapi dia telah menerusi perundangan yang rapat, yang padu dan saya difahamkan bahawa undang-undang ini telah pun mendapat *input* dan pandangan daripada kedua-dua Bar di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, beliau mengatakan ada penyelarasan dan seterusnya saya rasa inilah kelebihan Kerajaan Barisan Nasional bahawa khususnya dalam soal Mahkamah Tinggi Borneo dan Mahkamah Tinggi Malaya yang mana ditubuhkan pada tahun 1963 setelah Malaysia dibentuk. Maka hal-hal seperti wujudnya *Bar Council*, *Sabah Bar* dan *Sarawak Bar* adalah berasaskan kepada persetujuan, berasaskan kepada *Interdepartmental Report*, dengan izin berasas kepada Perjanjian Malaysia.

Dalam soal inilah kita mengatakan syabas kerana apa juga perubahan yang perlu dibuat di peringkat Mahkamah Borneo khasnya sentiasa dilaksanakan dengan perundangan bagi kedua-dua pihak bukan sahaja bagi pihak Sabah Bar dan Sarawak Bar tetapi juga dengan kerajaan kedua-dua pihak.

Maka dalam soal inilah, ia tidak sewenang-wenang untuk tujuan penyelarasan, buangkan itu atau luputkan itu kerana bukan sahaja kerana perkara yang berasaskan kepada perlembagaan dan menjadi asas-asas penubuhan Malaysia tetapi dia juga tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan soal perundangan di negara kita.

Jadi, kita sekadar mengatakan selaraskan dan seperti mana pernah dikatakan bahawa tidak perlu ada Sabah Bar dan seterusnya kerana kata-kata seperti ini tidaklah membangun dan memperkukuh tiang-tiang negara dan tiang-tiang perundangan negara kita. Memang ada juga peguam-peguam yang mengatakan kalau mahu praktis dengan izin, di Sabah maka perlu lagi kerana panggil dan *admitted* dengan izin, kepada Mahkamah Borneo dan seterusnya tetapi memang begitu. Inilah kekuatan-kekuatan sistem perundangan negara kita yang sedia wujud selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada masa yang sama juga, saya ingin mengambil peluang untuk menekankan dan memohon kepada kerajaan supaya terus berusaha mengatasi hal-hal asas keperluan mahkamah-mahkamah di negara kita dan

juga khasnya mahkamah di Sabah dan Sarawak dan memang di negeri-negeri yang lain. Antaranya, misalnya kekurangan hakim-hakim.

Kekurangan hakim-hakim bukan sahaja di peringkat mahkamah tinggi tetapi di peringkat majistret. Misalnya kalau di Sabah Tuan Yang di-Pertua, tidak ada hakim mahkamah tinggi di Tawau untuk sepenuh masa dan tidak ada juga di Sandakan setakat ini dan sekadar dua *chambers* dengan izin, yang wujud di Kota Kinabalu terpaksa pergi ke Sandakan dan Tawau untuk mendengar kes-kes kerana tidak ada hakim sepenuh masa di tempat tersebut.

Begitu juga di peringkat majistret. Masih kurang tenaga-tenaga majistret dan saya menggesa kepada pihak kerajaan supaya mengkaji masalah ini dan adakah ini kerana pihak peguam yang muda dan tidak yakin untuk memasuki skim ke jawatan ini ataupun barangkali skim-skim itu sudah ketinggalan zaman dan perlu disemak balik kerana mereka nampaknya lebih suka bertugas di pihak swasta daripada dalam pihak perundangan kerajaan.

Memanglah beberapa keperluan yang lain seperti *quarters*, rumah-rumah majistret ini walau pun kerajaan sedang membina secara besar-besaran ataupun secara meluas tapi kekurangan itu masih wujud lagi dan mudah-mudahan pihak kerajaan akan terus mengatasi masalah ini kerana ia juga menjadi penghalang ataupun tidak menjadi tarikan kepada peguam-peguam muda untuk mengambil dan melaburkan tenaga dan profesion mereka di dalam sektor perundangan khususnya di peringkat majistret. Barang kali ada juga sebab-sebab lain di mana kelayakan itu tidak memenuhi tetapi kita merayulah kepada pihak kerajaan supaya memberi tumpuan yang khas dalam perkara ini.

Juga beberapa tempat di luar bandar yang kekurangan bangunan majistret dan *court* misalnya di beberapa tempat di kota Marudu ia terpaksa memakai mahkamah anak negeri dan fahamlah itu. Kalau gunakan sekadar bilik mahkamah anak negeri, kalau di Sabah atau di Sarawaklah tetapi antara mahu dengar cerita-cerita yang aneh-aneh itu, kita dengar di mahkamah anak negeri. Ya, jadi kalau bangunan yang sama itu dipakai juga untuk majistret, saya rasa tidak memberi gambaran kemuliaan mahkamah di peringkat majistret.

Jadi, saya berharap keperluan-keperluan seperti ini dapat terus diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Seterusnya kes-kes *backlog* dengan izin, masih menjadi masalah dan ini kerana kekurangan di peringkat hakim-hakim yang diperlukan tetapi sudah sampai masanya pihak kerajaan mengkomputerisasikan mahkamah khususnya mahkamah-mahkamah tinggi supaya masalah *backlog* ini atau kes-kes lewat di dengar dan seterusnya dapat lagi diselesaikan dengan lebih sempurna, supaya kalau boleh mengurangkan tempoh untuk kes itu didengar kepada tahap yang begitu singkat sekali kerana seperti kita sedia maklum dengan izin, *justice delayed is justice denied*.

Jadi saya difahamkan beberapa tindakan kerajaan sudah pun mulai dilaksanakan dalam bidang ini dan saya dengar misalnya Mahkamah Tinggi Sandakan telah pun memulakan mengkomputerisasikan mahkamah tersebut hinggakan hampir tidak ada *backlog* dengan izin, yang wujud di mahkamah.

Jadi, barangkali itu boleh digunakan sebagai model bagi pihak kerajaan untuk memperluas usaha untuk mengkomputerisasikan mahkamah di semua peringkat khususnya di peringkat mahkamah tinggi kerana di situlah *backlog* dengan izin, yang wujud dengan begitu banyak.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya mengatakan syabas kepada kerajaan dan mudah-mudahan semua tiang-tiang kekuatan dan asas penubuhan negara kita termasuk tiang-tiang perundangan itu terus dipelihara, walau pun memang ada keperluan untuk terus memperbaharui dan memastikan ada jalan yang progresif ke arah yang lebih berkesan tanpa mengabaikan apa juga perjanjian-perjanjian dan penentuan-penentuan dilaksanakan pada masa Mahkamah Tinggi Borneo, Mahkamah Tinggi Malaya ditubuhkan. Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Setiausaha Parlimen.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, Parit Sulong dan juga bagi Bandau yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan akta ini.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat mengenai *the rule of law*. Sesungguhnya yang kita buat ini ialah mengikut *rule of law* di mana di bawah Akta Malaysia 1993, semua undang-undang yang ada di Sabah yang bergelar ordinan yang menjadi hal perkara Kerajaan Persekutuan selepas Hari Malaysia menjadi undang-undang persekutuan. Nama Ordinan Peguam Bela Sabah dikekalkan kerana ia nama khas. Memandangkan ia sekarang Undang-undang Persekutuan, Parlimen hanya boleh membuat akta. Parlimen tidak boleh membuat ordinan untuk meminda suatu ordinan tetapi kenalah membuat Akta Parlimen. Jadi yang kita pinda ini mengikut *rule of law*.

Perkara yang dibangkitkan juga mengenai kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertua Negeri, berunding dengan Peguam Besar Negeri. Ini ialah untuk memudahkan kita di masa-masa hadapan. Sebagai contoh kalau katalah ada Universiti Utara Malaysia atau pun lain-lain IPTA yang belum tersenarai dalam Jadual ini, maka di masa-masa akan datang, mana-mana universiti ini yang memberi, mengeluarkan Ijazah Kepujian Undang-undang maka tidak perlu lagi bawa ke Parlimen seperti hari ini. Hanya memadai Yang di-Pertua Negeri berunding dengan Peguam Besar Negeri dan jika kedua-dua pihak bersetuju maka senarai universiti itu boleh terus dimasukkan di bawah Jadual.

Yang Berhormat juga menyentuh sedikit isu ISA, isu Nasharudin yang telah dibebaskan dan kemudian ditangkap. Saya hendak jelaskan di sini bahawa isu ini, seperti yang telah kita sedia maklum ialah isu ISA. Di bawah ISA ini ada dua seksyen. Satu, Seksyen 73 yang diberi kuasa kepada polis untuk menahan. Lagi satu ialah Seksyen 8 di bawah kuasa Menteri Dalam Negeri. Jadi, tangkapan yang mula-mula yang dibebaskan ialah di bawah Seksyen 73. Jadi selepas Seksyen 73, Menteri Dalam Negeri pula mempunyai kuasa di bawah Seksyen 8 untuk menahan orang-orang yang disyaki boleh memberi ancaman kepada keselamatan dalam negeri kerana keselamatan dalam negeri ini ialah urusan eksekutif. Jadi adalah terpulang kepada eksekutif membuat kajian, membuat penilaian sama ada seseorang itu memberikan mudarat daripada segi keselamatan kepada negeri.

Begitu juga Yang Berhormat ada menyentuh mengenai penyelarasan undang-undang. Ya ada. Tidak boleh dinafikan memang ada tiga badan peguam yang berlainan kerana tiga undang-undang ini berlainan untuk mengawal selia hal-hal kepeguaman di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bandau kerana telah memberi penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya ingat penjelasan itu sudah cukup bahawa dasar Barisan Nasional ini kita pegang kepada perjanjian kita.

Kita tidak suka hendak pindah-pindah. Janji kalau kita sudah berjanji, kita kena kekal – kalau dalam UMNO, UMNOlah, tidak payah melompat kepada parti lain pula. Jadi di Semenanjung Malaysia kita menggunakan Akta Profesion Undang-undang 1976. Di Sabah kita ada Ordinan Peguam Bela Sabah dan di Sarawak kita ada Ordinan Peguam Bela Sarawak. Mengikut Akta Malaysia 1963, undang-undang sedia ada di negeri Sabah dan Sarawak dikekalkan sehinggalah dipinda atau dimansuhkan.

Sehingga kini belum ada cadangan untuk memansuhkan kedua-dua ordinan tersebut. Begitu juga mengikut Seksyen 2 Akta Profesion Undang-undang 1976, akta itu terpakai bagi seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Bagaimana pun, buat masa ini akta itu hanya telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia mulai 1 Jun 1977. Akta masih belum dikuatkuasakan di negeri Sabah dan Sarawak. Akta Profesion Undang-undang 1976 boleh dikuatkuasakan di negeri Sabah dan Sarawak pada bila-bila masa apabila negeri Sabah dan Sarawak bersedia. Buat masa ini belum ada apa-apa cadangan *formal* daripada negeri Sabah dan Sarawak untuk menerima pakai Akta Profesion Undang-undang 1976. Keputusannya terpulanglah kepada pihak negeri Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah menyentuh mengenai undang-undang supaya mengikut perubahan zaman sebab ini zaman ICT. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberikan pandangan yang jauh ke hadapan, cadangan-cadangan yang baik dan dalam masa yang sama pihak kerajaan juga telah bersedia dengan menyediakan Pendakwa Raya supaya mereka diberikan pendedahan dan kepada ICT ini. Ertinya, kita mengadakan latihan untuk pilihan raya dan juga kursus-kursus tertentu supaya pegawai-pegawai kita, khususnya Pendakwa Raya tidak ketinggalan untuk mereka mengendalikan kes-kes yang melibatkan jenayah ICT. Latihan ini kita adakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan

Mengenai cadangan Yang Berhormat berkaitan kursus-kursus di universiti, saya kira itu adalah terpulang kepada universiti yang berkenaan tentang bagaimana cara mereka memperkenalkan kursus-kursus untuk pelajar-pelajar mereka, dan saya percaya pelajar-pelajar juga pihak universiti akan sentiasa memikirkan supaya apabila mereka tamat belajar nanti mereka ini *marketable* – mereka boleh menggunakan ilmu yang mereka dapat di universiti apabila mereka keluar. Kalau tidak ada perubahan maka yang ruginya ialah pihak universiti dan juga pelajar itu sendiri.

Namun demikian, dalam mata pelajaran undang-undang ini, kita memang ada *core subject* kita – ada *core subject* tertentu yang wajib mesti diambil oleh semua pelajar dan kemudian ada pula tambahan mata-mata pelajaran pilihan. Jadi, saya kira pihak universiti dan juga pelajar amat peka untuk memajukan diri mereka, dan mudah-mudahan bila mereka ada ilmu ini mereka lebih mudah menjalankan tugas di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat bagi Bandau membangkitkan masalah kekurangan hakim dan kelambatan kes *backlog*, kita telah mengambil beberapa langkah untuk kita mengatasi masalah ini. Contohnya, kes *management* yang diperuntukkan bagi *fast-track* kes-kes yang telah kita tentukan. Malah dalam kes-kes tertentu kita juga telah membuat *computerised system*. Seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, ianya telah dimulakan di Mahkamah Tinggi Sandakan. Ini menunjukkan bahawa inilah langkah-langkah positif yang sedang diambil oleh pihak mahkamah. Itu saja yang saya hendak berikan jawapan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAM BELA (SARAWAK)(PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela Sarawak dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Silakan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguam Bela Sarawak mengawal selia penerimaan masuk seseorang peguam bela dan peguam cara negeri Sarawak. Sub-seksyen 4(1) ordinan tersebut menentukan, orang-orang yang berkelayakan yang boleh diterima masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di Sarawak dan antara kelayakan yang diwajibkan ialah seseorang itu mestilah memegang ijazah dalam bidang undang-undang daripada institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf dan ditentukan dalam perenggan 4(1)(cc) Ordinan.

Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA Malaysia, masing-masing telah diberi kuasa untuk mengurniakan ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) kepada siswazah Fakulti Undang-undang mereka. Namun begitu, ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada kedua-dua universiti tersebut, tidak termasuk dalam senarai ijazah yang diiktiraf di bawah Ordinan, untuk melayakkan seseorang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di negeri Sarawak. Untuk membolehkan siswazah yang memegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada kedua-dua universiti tersebut diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di negeri Sarawak, maka Ordinan Peguam Bela Sarawak perlu dipinda untuk menjadikan ijazah tersebut sebagai salah satu daripada kelulusan yang diiktiraf. Rang undang-undang ini bertujuan untuk melaksanakan pindaan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguam Bela Sarawak ialah undang-undang yang hanya boleh dipinda oleh Parlimen, kerana perkara-perkara tentang profesion dan khususnya tentang orang-orang yang berhak menjalankan amalan di mahkamah selain daripada Mahkamah Syariah dan mahkamah anak negeri, adalah terkandung dalam senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 1 rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) Ordinan. Pembentangan perenggan 4(1)(b) dan pindaan kepada perenggan 4(1)(c) dicadangkan kerana peruntukan-peruntukan itu tidak lagi berguna. Perenggan baru 4(1)(ca) dan 4(1)(cb) dicadangkan untuk menggantikan perenggan 4(1)(cc) yang akan dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah perenggan 4(1)(ca) yang dicadangkan itu, ijazah yang dikurniakan oleh institusi pendidikan tinggi dan bagi maksud membolehkan seseorang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah Ordinan akan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual. Kemasukan Jadual di dalam Ordinan dicadangkan di dalam Fasal 4 Rang Undang-undang. Jadual itu mengandungi kelayakan yang kini dinyatakan di dalam perenggan 4 (1)(cc) Ordinan, dengan tambahan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Universiti Teknologi MARA Malaysia. Perenggan 4(1)(cb) yang dicadangkan itu merupakan pindaan yang berbangkit daripada pemotongan perenggan 4(1)(cc).

Fasal 3 Rang Undang-undang bertujuan untuk memasukkan satu seksyen baru, iaitu seksyen 18 ke dalam Ordinan, untuk memberi Yang di-Pertua Negeri, selepas berunding dengan Peguam Besar Negeri, kuasa untuk meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sokongan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguam Bela Sarawak, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar dahulu.

5.55 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Profesion guaman orang kata konservatif tetapi saya beranggapan tidaklah begitu konservatif saya ingat hinggalah perkara yang tidak dipakai semenjak tahun 1851 masih kita jumpa dalam *advocate* ordinan Sarawak.

Alhamdulillah pada hari ini kita kurangkan perkara itu. Umpamanya disebut di sini hendak membuang *the writer of the signet* yang di bawah pindaan ini akan dihilangkan. Ini telah dihilangkan di England 1851 dan di Scotland pada tahun 1983 tapi masih wujud sampai tahun 2002 di Sarawak. Tapi terima kasihlah, *it's better late than never*. Kalau kita lihat juga, senarai universiti-universiti yang bakal diiktiraf, juga

telah wujud begitu lama dan mengeluarkan siswazah undang-undang tetapi belum lagi dimasukkan ke dalam undang-undang ini dan dapat pengiktirafan di Dewan yang mulia ini pada hari ini iaitu kita juga berterima kasih kepada kerajaan kerana telah peka dengan keadaan ini.

Sekali pintas Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kurang menyenangkan pindaan kepada Seksyen 18 iaitu Yang di-Pertua Negeri, *after consultation the State Attorney General by order published and the gazette amend the schedule* kerana tidak ada *central control* dalam persoalan *recognition*. Jadi maknanya dalam semangat undang-undang ini menunjukkan kalau ada sebuah universiti diwujudkan di Sarawak, Sarawak boleh mengiktiraf walaupun belum diiktiraf di Semenanjung ataupun di Sabah. Pandangan saya sepatutnya *there must be* penyelarasan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia untuk pengiktirafan seluruh negara bagi satu-satu ijazah terutama sekali kalau ijazah itu dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Jadi bukanlah saya bersetuju sangat dengan apa yang Yang Berhormat bagi Tumpat sebut tetapi hakikatnya bahawa kita hendak satu-satu ijazah itu apabila diiktirafkan di satu negeri sepatutnya juga diiktiraf di semua negeri di seluruh Malaysia bukan daripada segi praktik tapi juga daripada segi perundangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara. Di Sarawak kita melihat negeri Sarawak itu besar dan kita masih belum mencukupi *resident judges* kita di seluruh kawasan dan bahagian-bahagian bandar besar di seluruh Sarawak. Jadi kita menyeru dan saya menyeru bagi pihak Sarawak agar kemudahan untuk hakim-hakim ini dan pelantikan hakim dipercepat untuk menjadi *resident judges* di tempat-tempat bandar yang besar terutamanya di Bintulu, Sri Aman, Sibul, Sarikei dan sebagainya supaya kita boleh melaksanakan tugas kehakiman ini lebih bermutu dan lebih berkesan lagi.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya juga memohon supaya kementerian melihat bagaimana persoalan kemudahan *secretarial* dan *recorder* untuk hakim-hakim. Kerana ini adalah relevan dengan persoalan menuliskan laporan hakim kerana kalau kita lihat banyak hakim menulis secara *longhand*, kalau dia tulis secara *longhand* mendengar kes dalam masa tiga hari ataupun seminggu sekali sudah mengakibatkan banyak kes yang tertunggak oleh kerana kena tulis cara *longhand*. Jadi kalau ada *recorder* yang boleh buat *recording* secara verbatim sebagaimana yang dibuat di Amerika ataupun *secretary* yang boleh mengambil secara trengkas, dengan sendirinya hakim boleh menyelamatkan masa membaca skrip yang telah disediakan oleh pihak *secretary* ini dan mungkin juga kita boleh *verify* dengan secara *recorder* yang mekanikal supaya *to verify recorder* yang dibuat oleh pihak *secretary* dan *recorder* ini. Jadi dengan sendirinya kita boleh mempercepat hakim ini membuat keputusan dan membuat laporan kehakiman. Mungkin boleh mengurangkan persoalan *backlog cases* di mahkamah-mahkamah tertentu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh persoalan etika hakim dan peguam. Baru-baru ini kita telah melihat bahawa hakim membawa persoalan peribadi mereka yang berbangkit daripada kes-kes di mahkamah ke pihak media. Jadi perbalahan ataupun pertelingkahan hakim di hadapan media berkehendakkan *public trial*. Ini adalah kurang sihat. Walaupun kita menerima hakikat bahawa setiap individu berhak membuat pengumuman ataupun membuat *expression* mereka di khalayak ramai tetapi sebagai seorang hakim apabila satu kritikan yang dibuat oleh seorang hakim yang kanan kepada hakim yang *junior*, berbangkit daripada keputusan yang telah dibuat dalam satu-satu mahkamah *case*, adalah tidak wajar bagi hakim yang muda itu membawakan kes-kes ini ke hadapan media. Dan hakim yang lebih kanan itu pula sepatutnya mengikut garis panduan yang tertentu supaya tidak mengambil tindak balas membawa perkara ini balik kepada media.

Jadi ini kita melihat dua hakim bagai Ahli Parlimen berbalah di Dewan juga membawa *public trial* pada perkara-perkara yang berbangkit daripada pendengaran kes-kes tertentu dan *opinion* yang dibuat berlandaskan apa yang telah diputuskan oleh seseorang hakim yang mungkin tidak memutuskannya sebagai sebijak yang mungkin.

Jadi ada parameter yang tertentu yang mana hakim boleh membuat kritikan-kritikan tapi dalam corak kehakiman dan *judiciary* itu sendiri dan landasan-landasan mereka sendiri dan saluran-saluran mereka sendiri di dalam jurnal, dalam artikel dan kritikan-kritikan yang bercorak legalistik ataupun dalam jurnal *law* yang tertentu bukan dalam surat khabar, *public* sebagai *public trial*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin berpindah beberapa perkara persoalan peguam atau guaman. Jadi saya bukanlah mengatakan bahawa undang-undang Sarawak, Sabah dan Semenanjung ini kita mesti kekalkan selama-lamanya. Perundangan ini kita mewujudkan tiga badan iaitu *Bar Council* untuk Malaysia, *Advocate Association* Sarawak dan *Advocate Association* Sabah tetapi dalam masa yang sama kita di sana sini mengatakan WTO, AFTA pembukaan liberalisasi, globalisasi dan sebagainya.

Saya sudah menyebut tadi, perkataan yang utama saya sebut ialah peguam ini konservatif tetapi tidaklah sampai begitu rupa *conservativeness* kita sehinggakan profesion ini tidak terbuka langsung. Jadi kita ini hendak jadi jaguh kampung semua. Jaguh di Semenanjung, jaguh di Sarawak dan jaguh di Sabah tetapi apa salahnya kalau profesion ini, ini bukan kerajaan, inisiatif bukan kerajaan, inisiatif adalah pihak guaman di Sabah dan di Sarawak. Bukan masanya lagi bahkan bukan ketikanya lagi pihak Sarawak mengatakan, oh! kita tidak boleh bertanding dengan peguam-peguam di Semenanjung. Begitu *timid* kah peguam di Sarawak, begitu *timid* kah di Sabah? Takut dengan orang di Semenanjung berbincang ataupun menerusi undang-undang di mahkamah atau berjumpa dengan peguam-peguam di Semenanjung ini di mahkamah.

Saya percaya tidak mungkin. Bahkan kita hanya mempertahankan apa yang kita fikir iaitu *threat* kepada kita itu sebenarnya wujud. Sebenarnya *threat* ini tidak wujud. Kita boleh lebih belajar daripada pembukaan ini bahkan siapa yang kurang berkemahiran dalam satu-satu bidang sebagaimana yang Yang Berhormat bagi Parit Sulong sebut tadi mungkin ada peguam-peguam di sini sudah bijak dalam soal ICT dan apa-apa *extension of law practices* umpamanya dalam bidang jenayah yang berhubung kait dengan ICT, bidang *taught* yang berhubung kait dengan ICT, bidang *negligent* berhubung kait dengan ICT, bidang apa sahaja yang *extension of law, the existing law, extension existing law* dalam *practices* undang-undang di Semenanjung ini yang telah diamalkan di Semenanjung ini tetapi sepatutnya di *send* kita ke Sabah dan Sarawak tetapi kalau Sarawak dan Sabah masih menutupkan *curtain* mereka, menutupkan *great wall* mereka namun orang di Sabah dan Sarawak sepanjang zaman akan menjadi jaguh Sarawak, jaguh Sabah sahaja. Bahkan orang Semenanjung pun ada jaguh dia sendiri yang tidak mahu kerana kita pun tidak boleh *practice*, orang Sarawak pun tidak boleh *practice* di Semenanjung kerana berkehendakkan, *you must be the member of advocate bar council Malaysia* sebelum boleh didaftar sebagai peguam di Semenanjung. Begitu juga di Semenanjung *you must satisfy the residences status* di Sarawak sebelum boleh mengamalkan undang-undang di Sarawak dan Sabah.

Jadi, perkara ini sepatutnya kumpulan yang dikatakan *very proactive*, pungutan yang intelektual ini sepatutnya membuka minda mereka dan membukakan ruang ini supaya *practice* ini boleh diamalkan *cross border* Sabah dan Sarawak dan Semenanjung mungkin, *if you restriction* di sana sini tetapi tidaklah sebagaimana yang wujud pada masa sekarang supaya kita boleh berhadapan apabila liberalisasi betul-betul nanti terbuka Malaysia di mana boleh kita hendak bersaing dengan orang daripada luar negeri. Orang sudah begitu maju sementara kita takut berhadapan dengan orang kita sendiri di Malaysia.

Jadi, saya menyarankanlah kepada semua pengamal undang-undang, berhubunglah dengan kerajaan-kerajaan negeri sendiri, berbincang persoalan ini bagaimana kita dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain supaya pengamalan undang-undang ini boleh di *liberalize* kan di seluruh Malaysia untuk memperkaya amalan undang-undang kita di sini.

Jadi, saya ingin hendak menyentuh dua perkara sebelum saya menyokong mengatakan habis. Pertama soalan pengamalan undang-undang lagi. Kalau kita melihat di England, di Australia, peguam yang terlebih ke hadapan dalam soalan *taxation*. Tetapi di sini kalau soalan *taxation* semuanya di *handle* oleh akauntan. Tetapi dalam masa yang sama adakah masyarakat, *business people* ataupun peniaga mendapat keuntungan daripada menggunakan akauntan oleh kerana akauntan bukanlah orang yang menginterpretasikan undang-undang tetapi dalam perhubungan pegawai cukai dengan pegawai akauntan ini, soalan undang-undanglah yang diperbincangkan, persoalan undang-undanglah yang dipertikaikan.

Jadi, sentiasa akauntan ini oleh kerana akan menerima interpretasi undang-undang daripada pihak pegawai cukai dan bagaimanakah, adakah pegawai cukai ini begitu mahir sekali yang mana dia punya keputusan itu adalah undang-undang yang sebetulnya ataupun ini pandangan dia sahaja. Kerana undang-undang, kita boleh

mewujudkan perkataan undang-undang dan undang-undang itu tetapi *the sole and interpreter of law* ialah mahkamah. Jadi, garis panduan ini adalah berlainan sedikit yang mana pengamal undang-undang tidak menunjuk ke hadapan mereka sendiri supaya menjadi konsultan kepada semua soalan *taxation*. Jadi, dalam keadaan sedemikian banyakkah mungkin perundangan kita yang mana *interpretation* nya dibuat oleh pegawai daripada IRD dan diterima pakai oleh pihak akauntan, mungkin ini mendatangkan satu kelemahan kepada soalan percukaian itu sendiri.

Bahkan sepatutnya peguamlah yang sepatutnya menunjukkan diri mereka sebagaimana dibuat di Australia, sebagaimana yang dibuat di England sebagai satu badan ataupun profesion yang boleh memberi nasihat kepada pihak masyarakat peniaga tentang persoalan undang-undang *taxation*. Itulah kenapa makanya, *body of law in respect of taxation* di England dan di Australia jauh lebih *develop than what we found in Malaysia*. Oleh kerana kita tidak menggunakan jurusan yang sebetulnya sebagaimana yang telah diamalkan di negara yang jauh lebih maju daripada kita dalam soalan undang-undang.

Begitu juga soalan setiausaha syarikat. Umpamanya *secretarial company*, kalau kita lihat rata-rata *secretarial company* adalah dibuat oleh pihak akauntan, *auditor* dan sebagainya tetapi persoalan undang-undang juga yang dilaksanakan. Siapakah ini akauntan yang boleh membuat pentafsiran undang-undang dan sebagainya diambil sebagai autoriti sebagai peniaga dan sebagainya, sepatutnya peguamlah. Jadi, kalau ada waswas persoalan interpretasi dan guna pakai interpretasi yang telah dilaksanakan itu sepatutnya peguamlah yang tahu untuk membawa kes ini ke mahkamah untuk *ultimately to be interpreted by the court* untuk diguna pakai dalam negara ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian bukan sahaja kita memberi satu bidang lagi kepada peguam tetapi juga akan memperkaya perundangan di negara kita ini daripada segi yang mana telah tidak dipelopori oleh pihak peguam di negara ini. Jadi, saya cukup yakin bahawa pihak-pihak yang tertentu nanti akan mengambil inisiatif apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, saya masih sebut kita akan terbuka luas, kita akan *liberalize* apa sahaja bidang kita. Jadi, dalam keadaan liberalisasi ini kalau kita tidak memberi latihan yang mencukupi kepada bukan sahaja pegawai *judiciary* kita, pegawai *legal department* kita dan peguam kita di tiap-tiap universiti, nescaya kita akan kebelakangan nanti. Apabila di *liberalize*, kita tidak lagi mempunyai satu inisiatif kerana orang akan boleh masuk ke Malaysia, masuk ke Sarawak, masuk ke Sabah dan *they will take over the whole thing because we don't have the knowledge and the experience to handle what we should*.

Jadi, dengan keadaan sedemikian, saya menyarankanlah supaya inisiatif ini bukan sahaja dibawa kepada *judiciary* tetapi juga dibawa ke universiti-universiti agar kita tidak akan dilihat sebegitu konservatif sangat sehingga tidak mahu belajar benda yang sepatutnya datang ke hadapan muka kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

6.12 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang lama. Masalah kekurangan hakim atau majistret bukan sahaja berlaku di Sabah dan Sarawak tetapi juga di Peninsular Malaysia. Ini menjadikan orang ramai merasa susah hendak mendapatkan keadilan apabila mereka menghadapi masalah dengan pihak-pihak tertentu. Walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyatakan bahawa telah mengambil tindakan mengadakan *case management* dan *fast tract* untuk mengatasi masalah *backlog of cases* tetapi saya ingin tahu, apakah sebabnya *what is the root cause of problem* dengan izin, menjadikan ramai tidak berminat untuk memasuki *judiciary service* dengan izin. Sebab ada peguam-peguam dari Sabah dan Sarawak telah menghubungi dan memaklumkan kepada saya sebagai contoh di Kuching, walaupun sepatutnya ada empat orang hakim mahkamah tinggi tetapi sekarang ini ada seorang sahaja.

Perkara yang kedua adalah mahkamah rayuan, hanya bersidang sekali sahaja dalam masa setahun di Sabah. Saya pohon satu penjelasan terhadap perkara ini. Saya juga ingin tahu, apakah rancangan jangka panjang Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan bahawa sentiasa mempunyai hakim yang mencukupi untuk mendengar kes. Sebagai contoh kita boleh nampak, apabila ekonomi baik, kita nampak

kurang kes di mahkamah. Kalau ekonomi kurang baik lebih banyak kes di mana projek tergendala, projek perumahan, pembeli akan membawa tindakan ke mahkamah, barangan yang dijual tidak dapat balik wangnya dan kontraktor-kontraktor tidak mendapat bayaran-bayaran mereka. Jadi, kita boleh nampak *trend* nya apabila ekonomi kurang baik tindakan mahkamah pula akan lebih banyak.

Jadi, apa rancangan jangka panjang. Jangan macam hospital-hospital sekarang mengalami masalah kekurangan doktor. Bukan sahaja kekurangan hakim dan majistret kita juga mengalami masalah kekurangan jurubahasa. Saya rasa Yang Berhormat sentiasa dengar dalam Dewan ini masalah kekurangan jurubahasa ini walaupun sentiasa ada temu duga dijalankan. Saya ingin tahu, apakah sebab masih ramai tidak minat jadi jurubahasa di dalam mahkamah sebab saya bagi contoh kerap kali berlaku apabila mahkamah majistret tidak ada jurubahasa, peguam-peguam kena bawa jurubahasa mereka yang terdiri daripada bekas jurubahasa untuk ke mahkamah. Selepas itu mereka kenakan bayaran RM300 seorang sebagai contoh dari Ipoh ke Sitiawan. Apabila sampai ke mahkamah, mahkamah kata, saya ada kes lain, kes ini kena ditangguhkan.

Jadi, ini menyebabkan kes-kes ini tidak dapat diselesaikan dan berlanjutan, mengakibatkan orang ramai hilang harapan. Kalau orang tanya, ada ramai yang berjumpa saya, dia kata, "*Ini saya ada kes, lewat penyerahan hak milik rumah.*" Dia kata, minta saya bantu dia. Saya kata, kalau kerana ini RM6 ribu, RM7 ribu untuk faedah, saya rasa tidak patut bawa kes, sebab kalau kita bawa kes ini ke mahkamah, *we may be getting a paper judgement*, dengan izin, tambahan lagi kos tinggi dan juga kes lama hendak dengar. Berulang-alik beberapa kali ke mahkamah dan kita boleh nampak kos semakin tinggi.

Jadi, saya pohonlah agar Yang Berhormat beri perhatian terhadap perkara ini. Dan juga pernah sekali ada peguam mengadu kepada saya, mereka minta nota keterangan yang kemas dari mahkamah. Mahkamah kata, "*Maaf saya tidak mempunyai kakitangan mencukupi, tidak boleh menyediakan kertas keterangan yang ditaip.*" Jadi, yang dihantar adalah nota keterangan tulisan hakim dan mahkamah majistret yang berupa cakar ayam sebab mereka kena tulis semasa saksi-saksi memberi keterangan dalam mahkamah. Itu saya mohon penjelasan berkenaan beberapa perkara ini.

Akhir sekali, saya sokong tindakan kerajaan menarik balik Rang Undang-Undang Akademik. Saya harap itu telah menjadi pelajaran kepada kerajaan agar mendengar mereka yang pakar dalam bidang sebelum ia membentangkan apa-apa rang undang-undang di dalam Dewan ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman, Yang Berhormat bagi Tumpat. Yang Berhormat, saya hendak tanya, panjangkah semua....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pendek sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab selain daripada ini kita ada dua usul lagi. Jadi, Yang Berhormat bagi Sri Aman berucap dan lepas itu Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Setuju, setuju, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun hendak buka puasa, sembahyang Maghrib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman dahulu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman dahulu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Eh! Oh. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas itu Yang Berhormat.

6.17 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja, oleh kerana saya sedar rakan-rakan dan pegawai-pegawai kita hendak berbuka puasa.

Pertama, saya ingin merayu kepada Setiausaha Parlimen kita yang pada petang ini bertindak sebagai Menteri Undang-undang kita, merayu supaya pendidikan undang-undang di universiti kita dikaji semula. Oleh kerana sekarang kita mendengar penuntut-penuntut kita, kadang-kadang mereka gagal apabila di tahun yang terakhir di semester yang terakhir.

Jadi, ini saya rasa sungguh merugikan dan di manakah hasrat kita hendak mengadakan pendidikan sepanjang hayat. Jadi, kita mintalah mungkin kita boleh menggunakan model University of London di mana penuntut kita boleh menduduki peperiksaan mata pelajaran itu sehingga beliau lulus dan supaya beliau selepas itu dapat diberi, dikurniakan ijazah.

Yang kedua, saya nampak Tuan Yang di-Pertua, di Universiti Teknologi MARA begitu banyak kursus yang dikenakan kepada penuntut-penuntut kita. Sekali lagi saya ingin merayu supaya kita mengenakan *core courses* sahaja, wajibkan *core courses* dan kursus yang sampingan itu saya rasa mereka boleh ambil apabila mereka sudah lulus ataupun mereka boleh mempelajari itu. Oleh kerana di universiti lain pun saya nampak tidak begitu banyak kursus, bolehkah Yang Berhormat minta ini dikaji semula.

Seterusnya di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak *litigation* berkaitan dengan adat bumiputera daripada kaum Dayak dan kaum Iban. Saya mintalah *Iban jurisprudence* ini diangkat, dinaikkan kepada satu tahap yang lebih tinggi dan dipelajari mungkin diajar di universiti, kalau tidak peguam-peguam kita yang hendak *practice* di Sarawak patutlah arif dalam *Iban jurisprudence*.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta jasa baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apabila membuat pelantikan hakim-hakim yang kekurangan di Sarawak fikirkanlah hakim daripada kaum Dayak. Oleh kerana apabila kita melihat kekosongan, kita menunggu pelantikan, *we* daripada *Dayak community wait with abated breath to see who is going to be appointed*, dengan izin, tetapi selama ini kita hampa. Pada hal orang dari kaum Dayak, kaum Iban dalam tahun 60-an pun mereka sudah ada kelayakan dan tidak patut hingga sekarang belum seorang pun yang dirasai cukup arif untuk menjadi hakim. Inilah rayuan saya kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat. Untuk makluman, selepas ini kita ada dua usul. Jadi, saya ...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang saya takut nanti semua pergi buka puasa, tinggalkan saya seorang. *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ha, itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, cuba ringkaskan.

6.21 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja di dalam membahaskan Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak.

Saya ingin nyatakan dengan gembiranya bahawa mungkin di bulan baik ini nampaknya pandangan saya dengan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, saya amat bersetuju sekali dengan pandangan beliau bahawa kita perlu katanya liberalisasi. Pada saya integrasi profesion perundangan dan sistem perundangan kita dengan meleburkan perbezaan yang menjadi dinding perpaduan antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak ini.

Walaupun dalam menjelaskan dan menjawab teguran saya tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengan cara yang halus dan baik menyindir bahawa inilah cara Barisan Nasional, sudah kita bersetuju tahun 1963 kita tidak boleh pecah

persetujuan itu. Dan, dia kata, begitu juga kalau kita ahli UMNO, kita jangan tinggal UMNO.

Saya hendak maklumkan dalam nota itu bahawa saya tidak melompat, saya dipecat daripada UMNO dan apabila saya menyertai PAS, saya menyertai bukan sebagai orang UMNO tetapi sebagai orang yang tidak berparti tetapi yang malangnya UMNO sendiri pecah janji, Tuan Yang di-Pertua. Dalam tahun 1957 kita membuat keputusan, bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan; bahasa Melayu bahasa pengantar, hari ini UMNO yang menghancurkan perjanjian keramat antara kerajaan dengan rakyat semasa kita merdeka dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Beralih kepada rang undang-undang ini, saya ingin menyentuh satu perkara yang khusus iaitu yang menjadi bahan terpenting pindaan ini, iaitu mengenai kelayakan untuk menjadi peguam-peguam yang ditulis dalam ordinan ini ialah bahawa dalam Fasal 4, *no person shall be admitted as an advocate unless:*

- (a) *he is a member of the Bar of England, Scotland, Northern Ireland or the Republic of Ireland;*
- (b) *he is a solicitor or attorney of a Superior Court in a British Possession to which the Colonial Solicitors ... dan sebagainya;*
- (c) *he is a solicitor of the Supreme Court in England, Northern Ireland or the Republic of Ireland or he is a Writer to the Signet, yang telah dibatalkan, Solicitor to the Supreme Court or a Solicitor in Scotland;*

ialah berkenaan kelulusan-kelulusan universiti tempatan.

Saya harap saya sekali lagi tidak melanggar semangat perjanjian keramat tahun 1963 yang sangat ditekankan oleh Yang Berhormat bagi Bandau, jika saya mencadangkan supaya aturan kelulusan itu diterbalikkan. Kenapa kita sangat mengutamakan lulusan *Bar of England, Scotland, Northern Ireland, solicitor Superior Court in a British Possession* yang diutamakan. *Bar of England, Superior Court in a British Possession*, sekali lagi, yang ketiga (cc) barulah kelulusan universiti-universiti tempatan.

Boleh atau tidak dan maaf kalau saya sekali lagi bercanggah dengan semangat perjanjian persefahaman 1963 itu kalau kita 'a' kan lulus universiti-universiti tempatan. Adalah sedikit semangat saya fikir yang sesuai dengan masa kita merdeka hampir 50 tahun ini mengutamakan kelulusan universiti tempatan daripada *Supreme Court of UK, Bar of Ireland*, entah mana-mana lagi itu.

Saya fikir saya tidak sangat melanggar perjanjian yang sangat dimuliakan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

6.25 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Sri Aman, Batu Gajah dan Tumpat yang telah pun memberikan pandangan mengenai rang undang-undang yang telah dibentangkan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah menyentuh mengenai pindaan seksyen 18 katanya tidak ada *central control* kepada yang telah dapat ijazah. Saya nyatakan dalam keadaan undang-undang sekarang, *central control* tidak mungkin kerana ketiadaan *single bar* untuk mengawalselia kepeguaman kerana kita sedia maklum, sekarang ini ada tiga *Bar Council*, Sarawak, Sabah dan juga *Malaysian Bar Council*.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya diselaraskan ramai yang menyatakan, begitu juga Tumpat memberi sokongan. Telah saya nyatakan tadi bahawa kita telah pun bersedia untuk membuat penyelarasan ini kerana di bawah Akta 1976 kita boleh menguatkuasakan di Sabah dan Sarawak pada bila-bila masa tinggal lagi Sabah dan Sarawak belum bersedia untuk menerimanya dan saya fikir Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang merupakan salah seorang dari ahli *Bar Council* dari Sarawak, hujah-hujah yang bernas daripada Yang Berhormat elok dikemukakan terus

kepada *Bar Council* di Sarawak mungkin dalam mesyuarat agung mereka supaya mereka dapat memberikan pertimbangan kepada hujah-hujah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat.

Begitu juga mengenai dengan Etika Kehakiman. Perkara hakim mengkritik antara satu sama lain dalam media tertakluk kepada bidang kuasa Ketua Hakim Negara untuk mengawalselia. Ketua Hakim Negara telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengawalselia tingkah laku hakim-hakim. Kod Etika Hakim telah kita gubal untuk mengatasi perkara seperti ini. Buat masa ini Kod Etika Hakim yang baru sedang kita kaji untuk kita memperketat lagi peraturan-peraturan mengenai tingkah laku hakim supaya perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tidak berulang lagi.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan mengenai masalah kekurangan kakitangan, hakim dan juga masalah-masalah yang dihadapi di dalam mahkamah. Kerajaan sentiasa prihatin tentang masalah kekurangan hakim dan juga kakitangan dan langkah-langkah untuk menambahbaikkan keadaan sentiasa diambil. Tetapi ini kita memerlukan masa dan telah pun kita nyatakan tadi, kita dalam proses yang positif untuk kita kemaskinikan dan juga mencukupkan hakim-hakim. Seperti yang kita sedia maklum, kita sekarang ini melantik ramai pesuruhjaya kehakiman untuk mengatasi masalah kekurangan hakim ini.

Pihak mahkamah sedang mengambil tindakan untuk menyelesaikan kes-kes dengan cepat dan pihak mahkamah sedar bahawa keperluan-keperluan mahkamah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi harus diatasi dengan segera.

Mengenai dengan *interpreter*, skim perkhidmatan yang ada mungkin kurang menarik bagi jurubahasa untuk memasuki khidmat di mahkamah. Walau bagaimanapun, perkara ini di luar bidang kuasa pihak mahkamah kerana skim perkhidmatan terletak kepada bidang kuasa yang ketiga iaitu di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan saya juga ucapkan terima kasih di atas kesedaran Yang Berhormat bahawa kepekaan kerajaan kepada pandangan-pandangan rakyat seperti pandangan-pandangan daripada bijak pandai dalam bidang guaman, kita telah pun menarik semula akademi undang-undang. Jadi ini jelas membuktikan bahawa kerajaan kita amat peka dengan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh badan-badan tertentu dan juga oleh rakyat.

Yang Berhormat bagi Sri Aman telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pelajar-pelajar tahun akhir ini yang seingat saya daripada mana-mana universiti ini dia ada *refer* dari *re-seat*. Kalau dia *fail* dua *paper*, dia boleh *re-seat* untuk dua *paper* itu tetapi kalau dia *fail* lebih dari dua *paper*, dia boleh mengulang balik tahun yang berkenaan tetapi kalau keputusan itu teruk, memang kena buang daripada universiti kerana memang dia tidak ada kemampuan untuk menjadi peguam kalau tidak mendapat keputusan-keputusan yang baik di dalam peperiksaan.

Mengenai hakim daripada Orang Iban, kita percaya bahawa dasar yang kita gunakan, peruntukan Hakim ini bukannya tertakluk kepada kaum ataupun sesuatu bangsa. Kita lantik kepada kebolehan dan juga keupayaan dan juga pengalaman-pengalaman seseorang dalam bidang kehakiman dan juga undang-undang sebelum seseorang itu dilantik menjadi hakim. Saya percaya akan sampai masanya apabila ada seorang Iban yang lama berkhidmat dalam bidang perundangan dan memenuhi kelayakan untuk menjadi hakim, maka akan dilantik daripada golongan Iban untuk menjadi hakim.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga membangkitkan tentang isu bahasa. Saya tidak perlu bahaskan di sini, telah kita bahaskan panjang lebar, tinggal lagi beginilah adat pembangkang, cakaplah sampai bila-bila pun, dia tidak akan mudah menerima segala apa yang kita hujahkan, masih lagi mengatakan kita mengetepikan keutamaan bahasa Melayu sedangkan banyak kali dijelaskan bahawa penggunaan bahasa Inggeris untuk Matematik dan Sains tidak akan menjejaskan kedaulatan bahasa Melayu di negara kita.

Begitu juga perkara-perkara yang dibangkitkan tadi, susunan-susunan di dalam akta, saya lihat susunan itu ialah mengikut daripada yang asal kerana ordinar ini adalah ordinar yang asal sebelum merdeka. Jadi seperti yang kita maklum pada ketika itu memang lawyer ini kebanyakannya berkelulusan daripada *Bar Council* luar negara seperti Scotland, England dan sebagainya. Jadi ini juga tidak menjadi apa-apa masalah

kalau kita kekalkan turutan itu dan ini juga merupakan satu penghormatan perjanjian kita bahawa yang sudah lama itu kita kekalkan dan kita ikut seperti mana yang kita telah pun nyatakan di dalam ordinan tersebut.

Saya ingat itu sahaja yang saya hendak jawab dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1967 (PINDAAN 1972) Meminda Jadual Kedua

6.33 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Prosedur Kewangan 1967 (Pindaan) 1972 membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:

Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat Dimiliki.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan seksyen 10(4)(a) Akta Prosedur Kewangan 1967, Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua tersebut.

Tujuan Kumpulan Wang ini adalah untuk menampung kos pembinaan rumah-rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Dimiliki. Kumpulan Wang ini akan mempercepat pembinaan lebih banyak rumah awam kos rendah untuk dijual supaya meningkatkan peluang golongan rakyat berpendapatan rendah bagi mendapatkan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli.

Sebanyak 40,000 unit rumah akan dibina di bawah program tersebut dalam tempoh lima tahun. Kerajaan akan membiayai 100% kos tanah dan 50% kos infrastruktur dalam bentuk subsidi untuk rumah-rumah itu.

Walau bagaimanapun, kumpulan wang ini perlu ditubuhkan supaya peruntukan kepada kerajaan dapat disediakan pada peringkat awal lagi bagi pembiayaan titian atau dengan izin, *bridging finance* untuk menampung kos pembinaan. Baki 50% kos infrastruktur dan bayaran lain berkaitan dengan pembangunan rumah-rumah tersebut. Peruntukan berjumlah RM1,140.6 juta telah pun dipersetujui oleh kerajaan untuk maksud ini. Hasil penjualan rumah-rumah itu akan dipulangkan dan dimasukkan ke dalam kumpulan wang ini yang boleh digunakan seterusnya untuk membina rumah-rumah di bawah program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi itu terbuka untuk dibahas. Kepong.

6.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam usul ini secara ringkas sahaja kerana saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain hendak kembali ke rumah.

Tetapi kalau jumlah wang yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi yang begitu besar amaunnya, kita tidak ada seorang pun membahaskannya, ini merupakan satu kecuaiian Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak semestinya mereka sokong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya. Bukan sokong tidak sokong tetapi wang rakyat. Kita tidak boleh gunakan istilah sokong dan tidak sokong. Kita gunakan istilah mengawal selia dan memantau wang rakyat. Itu istilah yang perlu digunakan di Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini saya hendak bangkitkan beberapa perkara. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya memerlukan banyak rumah untuk melaksanakan skim-skim mencapai satu wawasan setinggian sifar di seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Kalau kita kira Selangor, pada tahun 2005, Selangor memerlukan sebanyak hampir satu juta unit rumah yang dirancang melalui beberapa studi perumahan dan apabila disebut oleh Yang Berhormat tadi hanya 40,000 unit.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah 40,000 unit ini dan adakah unit-unit akan ditambahkan lagi untuk memenuhi keperluan. Maklumlah, untuk wawasan ini sampai 2020, kita memerlukan hampir lima juta rumah baru. Yang memerlukan paling banyak ialah negeri Perak dan yang keduanya negeri Selangor. Sebab itulah kita perlu meneliti semua ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan sedikit sebanyak, bagaimana usul ini apabila diluluskan kelak dapat memberi sumbangan wawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak membangkitkan beberapa perkara untuk membantu Yang Berhormat. Wang yang diperuntukkan untuk membina 40,000 unit rumah kos rendah itu, yang pertama saya berharap Yang Berhormat boleh menumpukan perhatian kepada program kerosakan sifar dalam pembinaan rumah yang telah pun dilancarkan pada 7 Oktober 1999 untuk menghasilkan rumah yang berkualiti. Walaupun rumah kos rendah tetapi kita mestilah mengurangkan kecacatan pembinaan, kelewatan menyiapkan projek dan pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi.

Kita pun mesti menumpukan perhatian kepada susun atur rumah kos rendah itu dan juga adakah susun atur ini memenuhi sistem perumahan Wawasan 2020 dan di sini saya perlu bangkitkan masalah harga rumah kos rendah. Adakah 40,000 unit ini hanya untuk pinjaman, untuk disewakan kepada rakyat ataupun dijual kepada rakyat? Dan kalau dijual kepada rakyat, adakah harga rumah kos rendah ini di antara RM48,000 hingga RM70,000 seunit?

Sebab pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, rumah kos rendah ini harganya sudah dinaikkan untuk kononnya menggalakkan lebih ramai pemaju menambah pembinaan rumah bagi kategori.

Dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan beberapa perkara mengenai Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Dalam hal ini, saya nampak ada Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR) dan juga program skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK) dan jua program Skim Pinjaman Perumahan (SPP). Adakah semua ini termasuk di dalam skim-skim yang telah saya sebut tadi?

Di sinilah Tuan Yang di-Pertua, kita pun hendak menanya peranan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di dalam skim amanah ini dan SPNB, maklumlah

telah pun menjadi pemaju perumahan bersepadu iaitu membina dan menjual rumah kos rendah atau sederhana terus kepada rakyat.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya pun hendak balik ke rumah. Pada September 2000, SPNB telah diamanahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Kewangan untuk memulihkan 56 lagi projek perumahan terbengkalai di seluruh negara dan sekarang kita diberitahu bahawa sekurang-kurangnya 458 projek perumahan terbengkalai. Adakah skim amanah ini terlibat dengan memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai?

Semua ini saya harap Yang Berhormat dapat memberi jawapan yang tepat supaya kita sama-sama memahami apa tujuan Kumpulan Wang Amanah yang diminta diluluskan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

6.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya, matlamat setinggian sifar pada tahun 2005 iaitu kita begitu yakin akan dapat capai, kerana selain daripada skim yang kita bincangkan sekarang ini Yang Berhormat bagi Kepong, bahawa ada skim-skim lain yang kita wujudkan untuk kita mencapai matlamat tersebut. Misalnya, Program Perumahan Bersepadu yang dirancang oleh MTEN, keseluruhannya berjumlah 55,688 unit.

Di samping itu, PPR disewa sebanyak 50,000 unit di bawah dasar baru ini dan juga PPR dimiliki iaitu *fund* yang kita bincangkan sekarang ini berjumlah 40,000 unit dan PAKR Yang Berhormat sebut tadi iaitu sambungan daripada program perumahan yang lama sebanyak 28,820 unit.

Jadi, keseluruhannya saya rasa untuk tempoh lima tahun akan datang ini kita akan dapat memberikan rumah yang cukup kepada rakyat kita. Di samping itu, untuk setinggian, keseluruhan jumlah setinggian yang ada di seluruh negara, Yang Berhormat ialah 97,646 keluarga dan untuk Wilayah Persekutuan sahaja, 3,000 keluarga telah pun kita pindahkan ke rumah untuk disewa dan cuma 20,970 yang masih belum lagi dapat kita sempurnakan tujuan ini dan dengan sebab itu, dengan adanya program yang saya sebut tadi iaitu PPR disewa, PPR program bersepadu oleh MTEN dan sebagainya itu, maka kita harap dapat kita memenuhi matlamat sifar setinggian tahun 2005.

Untuk soalan Yang Berhormat yang kedua, apakah 40,000 ini cukup? Telah saya sebut tadi bahawa 40,000 ini adalah untuk lima tahun yang akan datang dan dengan bantuan lain-lain program tadi, *Insyaa-Allah*, ia akan mencukupi dan kita akan terus melaksanakan program ini daripada masa ke semasa walaupun tempoh lima tahun akan tamat tetapi kita akan terus melaksanakannya supaya akhirnya setiap keluarga mempunyai rumah yang sempurna.

Soalan yang kedua Yang Berhormat, program kerosakan sifar dan kualiti rumah. Untuk tujuan ini, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa di bawah program ini kita mengambil kira suasana yang dengan izin, *comfortable living* misalnya, untuk program ini Yang Berhormat, setiap rumah akan mempunyai dengan izin, *build up area* sebanyak 650 *square feet* dan dengan tiga bilik tidur, *living room* tambah lagi, selepas itu *kitchen* dan juga bilik mandi serta tandas. Ertinya, agak selesa. Di samping itu, *social facilities* dengan izin seperti dewan, surau dan lain-lain kemudahan kita sediakan untuk program perumahan ini. Jadi, ianya adalah menjamin satu sistem atau program rumah yang berkualiti.

Untuk perkara yang kita bincangkan sekarang ini iaitu RM1.14 bilion ini, adalah untuk dijual iaitu program rumah rakyat untuk dijual. Ertinya, kita buat rumah dan kita jual kepada rakyat dengan harga yang murah, iaitu merupakan *social obligation* kerajaan. Kerajaan menjualnya dengan harga RM35,000 sahaja seunit bagi rumah di bandar raya dan bandar-bandar besar di mana harga tanahnya sahaja adalah lebih daripada RM45 untuk satu meter persegi tetapi dijual dengan harga RM35,000 kerana kerajaan subsidi tanah dan juga separuh daripada infrastruktur di *subsidize* oleh kerajaan. Juga bagi kategori B, di kawasan bandar-bandar besar, di mana harga tanah di antara RM15 hingga RM44.99 bagi satu meter persegi, rumah itu dijual dengan harga RM30,000 sahaja. Manakala, di bandar-bandar kecil, di mana harga tanah di

antara RM10 hingga RM14.99 bagi satu meter persegi, harga rumah seunit ialah RM28,000 sahaja.

Bagi kawasan luar bandar di mana harga tanah kurang daripada RM10, maka harganya ialah RM25,000 seunit. Maka dengan rumah yang berkualiti, harga yang rendah ini merupakan jasa baik kerajaan kepada rakyat dan untuk memastikan rakyat mempunyai rumah yang sempurna dan selesa. Jadi, harga rumah sudah saya sebut. Yang ini untuk dijual, bukan untuk disewa. Untuk disewa, kita ada program lain, Yang Berhormat.

Kemudian, yang akhir sekali ialah SPMB dan peranannya. SPMB dan peranannya ialah untuk membantu kerajaan untuk yang pertama, memulihkan rumah-rumah terbengkalai dan juga untuk membantu mewujudkan rumah-rumah bagi membantu program-program yang sedia ada. Jadi, di samping rumah terbengkalai itu dan SPMB sedang memonitor keseluruhan program rumah terbengkalai di seluruh negara dan mudah-mudahan dengan adanya pemantauan yang teliti ini, maka kita harap rumah-rumah yang terbengkalai itu dapat disempurnakan, dapat dibaik pulih dan disempurnakan semula. Saya rasa, saya sudah jawab kebanyakan soalan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

AKTA KASTAM 1967

- (i) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2002**
- (ii) **Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri ASEAN) (Takrif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 2) 2002**
- (iii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2002**
- (iv) **Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 2002**

6.52 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan cadangan, saya hendak minta kebenaran untuk membetulkan satu fakta dalam jawapan saya semasa saya menjawab perbahasan mengenai rang undang-undang untuk meminda Akta Eksais 1976 pada petang tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tentang tarikh warta zon bebas Rantau Panjang, saya telah memberikan jawapan iaitu 1 Julai 2000. Sebenarnya, tarikh ini adalah tarikh pihak kerajaan memberikan kelulusan secara dasar untuk mewujudkan zon bebas Rantau Panjang dan tarikh warta yang sebenarnya ialah 1 November 2002. Maka saya, memohon maaf kepada Dewan yang mulia atas kesilapan jawapan saya ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subsekyen 2, Seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2002, P.U.A. 184 bertarikh 2 Mei 2002;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri ASEAN) (Takrif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 2) 2002 P.U.A. 185 bertarikh 2 Mei 2002;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2002 P.U.A. 242 bertarikh 13 Jun 2002;
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 2002, P.U.A. 256 bertarikh 20 Jun 2002

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut Bil. 151, 152, 153 dan 154 tahun 2002 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2002 bertujuan untuk menghapus dan menurunkan kadar duti ke atas fabric *yarn* dan *fibre* seperti berikut:

1. kadar duti import bagi *woven fabric* diturunkan daripada 15% kepada 10%;
2. kadar duti import bagi fabrik yang berkaitan dengan batik diturunkan daripada 20% kepada 10%;
3. kadar duti import *acrylate yarn* dihapuskan.
4. Kadar duti import dan kadar CPD bagi poliester dan *fibre* dihapuskan.

Langkah ini adalah berikutan kajian semula ke atas duti perlindungan ke atas industri tekstil supaya industri tekstil dapat berdaya saing.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2002, bertujuan untuk menyelaraskan perubahan kadar duti import supaya sama seperti kadar yang dinyatakan dalam Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 2002.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas semua mesin penyalin digital di bawah kod tarif 90011000, 900921000, 900922000 dan 900930000.

Penghapusan duti import dibuat kerana keluaran tersebut tidak dikeluarkan dalam negara. Di samping bertujuan untuk memenuhi komitmen Malaysia kepada WTO di bawah perjanjian teknologi maklumat supaya menurunkan kadar duti ke atas produk teknologi maklumat menjelang tahun 2002.

Perintah Duti Kastam Anti-Lambakan 2002 bertujuan untuk mengenakan Duti Anti-Lambakan muktamad sebanyak 5.53% ke atas *self-copy paper* yang diimport dari Syarikat P.T Pabrik Kertas Tiwi Kimia, Indonesia bagi melindungi industri tempatan yang mengeluarkan produk serupa.

Duti Anti-Lambakan berkenaan dibuat selaras dengan peruntukan Seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 dan berkuat kuasa mulai 21 Jun 2002 hingga 20 Jun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sebelum ini Yang Berhormat, sekarang jam 6.58 petang, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada mereka yang masih bersama kita di Dewan ini kerana masa untuk terbuka puasa. Yang Berhormat bagi Kepong teruskan.

6.59 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oleh kerana terbuka puasa, saya akan pendekkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam tiap-tiap tahun melibatkan wang begitu banyak, berbilion-bilion ringgit terlibat di dalam semua ini, dan saya terpaksa mengambil bahagian walaupun publisiti itu tidak banyak.

Yang pertamanya mengenai Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 2002 mengenai *fabric fibre* dan batik, *acrylate* dan *polyester fibre* ini untuk memajukan industri tekstil di negara ini dan sukalah saya membangkitkan sama ada industri tekstil ini sudah terjejas memandangkan industri tekstil ini sudah dimonopoli oleh produk-produk daripada negara China sekarang. Negara China yang mengeluarkan banyak fabrik dan juga India.

Setakat ini dengan menghapuskan duti import ini, adakah ini akan benar-benar menolong industri tekstil kita berbanding dengan industri tekstil di negara China dan India.

Seterusnya mengenai cara untuk menyelaraskan duti import ini. Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negara ASEAN) CEPT nya dan Yang Berhormat pun tidak menyebutkan apakah benda-benda yang diselaraskan itu, cuma mengatakan hendak menyelaraskan duti import untuk CEPT nya. Saya pun bingung jugalah dan selepas itu mengenai syarat-syarat WTO untuk ICT kita dan dihapuskan semua duti import, semua mesin digital. Adakah ini bermakna dengan adanya kelulusan daripada perintah ini semua mesin, komputer dan ICT itu sudah dibebaskan cukainya sekarang.

Adakah ini bererti walaupun masih ada mesin-mesin digital yang dikenakan duti buat masa ini. Ini adalah baik kerana kita tidak mahu komputer-komputer dan mesin-mesin digital itu mahal kerana kita hendak menggunakan mesin dengan banyak, menggalakkan semua rakyat Malaysia menggunakan mesin-mesin digital ini dan langkah ini memanglah perlu dan memang baik. Walaupun memenuhi syarat yang dikenakan oleh WTO nya, dan akhir sekali ini pun dibangkitkan tahun lepas mengenai Duti Anti-Lambakan *self-copy paper* Indonesia.

Saya rasa kalau tidak silap tahun lepas ada perkara ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dan adakah dengan dikenakan 5.5% ini duti itu sudah dipertingkatkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kalau *self-copy paper* ini dikeluarkan oleh negara ini, adakah ini bermakna satu syarikat sahaja di negara ini yang mengeluarkan *self-copy paper*.

Saya menyebutkan hal ini kerana *self-copy paper* sangat mahal di negara ini, walaupun kita tidak melayan lambakan daripada negara-negara lain seperti Indonesia yang mengeluarkan *self-copy paper* dengan murah, tetapi bagi pengguna-pengguna Malaysia kita memerlukan *self-copy paper* yang murah. Dengan dikenakan 5.53% duti ke atas kertas ini, adakah ini bermakna pengguna Malaysia terpaksa membayar lebih mahal. Kerana walaupun kita hendak *paperless* sekarang dengan ICT, dengan mesin digital, tetapi saya nampak penggunaan kertas itu masih ada. Kalau tidak silap kadangkala bertambah pula, dari segi untuk mengurangkan penggunaan kertas kerana disebutkan sebagai *paperless* tetapi *display* yang lain saya nampak penggunaan kertas itu telah bertambah. Inilah satu kontradiksi di dalam *industry paperless* kita sekarang.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kerana kita sama-sama, termasuk Yang Berhormat berkehendakkan *self-copy paper* dengan harga yang murah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.06 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya beberapa pertanyaan Yang Berhormat telah pun dikemukakan kepada saya pada sesi yang dahulu, berkenaan dengan adakah penghapusan duti import dapat membantu industri tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan ataupun penghapusan duti adalah berikutan daripada kajian yang teliti, bukan sahaja oleh pihak kementerian saya

tetapi juga oleh MITI, ia adalah selaras dengan tujuan untuk mewujudkan keadaan persaingan sihat kepada industri tempatan.

Yang Berhormat juga bertanya apakah *self-copy paper* di kilang oleh satu syarikat sahaja yang dikenakan duti anti-lambakan. Duti anti-lambakan yang 5.53% ini dikenakan adalah bertujuan untuk membantu pengeluar tempatan yang terjejas dengan lambakan ataupun *dumping* oleh syarikat yang saya sebut tadi.

Dalam Malaysia tidak hanya terdapat lebih daripada syarikat yang mengeluarkan kertas *self-copy paper* ini dan juga terdapat pengimport yang lain, tetapi kita mengenakan duti lambakan kepada syarikat yang saya sebut tadi sahaja, kerana setelah penyiasatan dijalankan, adalah didapati bahawa syarikat ini telah melakukan lambakan dan telah mendatangkan *injury* kepada pengeluar tempatan, maka kita mengambil tindakan ini untuk mengenakan duti secara *final* selama lima tahun.

Sebelum ini saya telah pun membentangkan Perintah Kastam mengenai perkara yang sama, syarikat yang sama kerana masa itu, pengenaan lebih banyak, itu sebagai satu langkah sementara dan hari ini selepas penyiasatan telah disempurnakan, kita mengenakan duti, ini ke atas duti import biasa selama lima tahun untuk melindungi pengeluar tempatan. Maka itu sahajalah yang saya dapat menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 6 yang telah dibentangkan pada kertas-kertas statut bil: 151, 152, 153 dan 154 tahun 2002 disahkan dan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Katam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.5) 2002 (ST. 151)
- (ii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negara ASEAN)(Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan)(No.2) 2002 (ST.152)
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.6) 2002 (ST. 153)
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 2002 (ST.154)

Yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. 151, 152, 153 dan 154 tahun 2002 disahkan.

Selesailah urusan Mesyuarat Dewan kita ini, bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, rakan sejawat saya Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua dan saya sendiri, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan semua yang terlibat, yang telah dapat memberikan kerjasama dan sokongan kepada kami supaya persidangan Dewan kali ini yang berlangsung mulai 9 September hingga hari ini, dapat berjalan dengan licin dan sempurna.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak lama lagi kita akan bersama-sama menyambut perayaan Hari Raya, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada semua ketua jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam, kami ingin menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian, Hari Natal jatuh pada bulan Disember juga, *Merry Christmas* diucapkan. Kepada semua ingin saya ucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2003 yang akan tiba tidak lama lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tutupkan Mesyuarat Dewan kali ini, selamat pulang ke kawasan masing-masing, dengan ini Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak [Tepuk]

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.10 malam.

